



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Lim Ah Lek (Bentung) [Ruangan 2609]

PEMASYHURANTUANYANGDI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2609]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2609]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2610]
Pindaan Tarikh Mesyuarat [Ruangan 2611]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2612]

NOTIS MENGENAI USUL PENGHARAMAN JUDI—Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) [Ruangan 2704]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2707]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) [Ruangan 2708]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—

Merentikan Kkuatkuasa Peraturan Mesyuarat bagi Menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) [Ruangan 2745]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2774]

KANDUNGANNYA—(samb.)

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Meminda Akta Syarikat—Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)
[Ruangan 2775]**

**Tindakan Terhadap "The Observer"—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
[Ruangan 2779]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (i) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P. S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.p. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG BU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG" LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknoigi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wiiayah, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap). , ,
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala
Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.T.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.TJ. (Limbawang).

Yang BerhormatTuAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATJN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis),
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTT ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Moh'd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Y.B. Dato' Lim Ah Lek (Bentung).

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN
AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli yang baru bagi Kawasan Bentung yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi. Sebagai seorang yang telah mempunyai pengalaman yang luas saya yakin beliau akan dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seluruhnya (*Tepuk*).

**MEMPERKENANKAN AKTA-
AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan

mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989;
2. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989;
3. Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1989;
4. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1989;
5. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989;
6. Akta Keterangan (Pindaan) 1989;
7. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1989;
8. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1989;
9. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1989; dan
10. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

"5hb April, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988);
2. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Keterrangan (Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA".**

**PINDAAN TARIKH
MESYUARAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, maka ini adalah dimaklumkan iaitu tarikh mesyuarat

Dewan Rakyat telah dipinda mengikut Peraturan Mesyuarat 11 (2) dengan menambah dua hari lagi iaitu pada:

- (i) Hari Isnin, 3hb Julai, 1989 dan
- (ii) Hari Selasa, 4hb Julai, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MESYUARAT KETUA-
KETUA KERAJAAN
KOMANWEL (CHOGM)
DI MALAYSIA**

1. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Luar Negeri menyatakan siapakah di antara Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Commonwealth yang akan menghadiri CHOGM yang akan diadakan di Malaysia pada bulan Oktober, 1989 dan apakah peranan Ratu Elizabeth II di dalam persidangan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan); Tuan Yang di-Pertua, seramai empat puluh-tujuh (47) Ketua-ketua Kerajaan yang menjadi anggota Komanwel telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan atau CHOGM yang akan diadakan di Malaysia pada 18 hingga 24 Oktober ini. Ini tidak termasuk negara-negara Nauru dan Tuvalu yang mengikut tradisi tidak menyertai CHOGM. Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, sebagai tuan rumah akan mmpengerusikan mesyuarat ini.

Surat-surat jemputan telah pun dihantar oleh Y.A.B. Perdana Menteri beberapa bulan yang lalu dan daripada maklumbalas awal adalah positif kesemua Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel akan menghadiri mesyuarat tersebut. Mengikut

pengalaman yang lepas pada mesyuarat CHOGM di Vancouver dan Nassau, hanya 2 atau 3 orang Ketua Kerajaan sahaja yang tidak dapat hadir. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan cuba menghadri mesyuarat ini melainkan ada perkara-perkara yang betul-betul tidak dapat dielakkan.

Ratu Elizabeth II akan membuat lawatan rasmi dua hala ke Malaysia bersamaan dengan Mesyuarat CHOGM, tetapi Ratu Elizabeth II tidak akan menyertai Mesyuarat CHOGM atau Pembukaan Rasmi yang akan dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita. Ratu Elizabeth II akan hanya mengadakan Jamuan Rasmi untuk Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dan akan menemui kesemua Ketua-ketua Kerajaan tersebut secara bersendirian dan dalam kumpulan kecil semasa Mesyuarat CHOGM.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang berapa banyak yang akan dibelanja untuk mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel itu iaitu apakah sasaran (target) itu yang akan dibelanja dan sehingga hari ini berapa yang telah dibelanja. Yang kedua ialah saya ingin bertanya mengenai kedudukan Pakistan, sama ada negara Pakistan itu telah menjawab bahawa negara itu akan menghadiri Mesyuarat CHOGM ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun memperuntukkan sejumlah \$36 juta untuk persediaan dan persiapan untuk Malaysia menjadi tuan rumah CHOGM pada tahun ini. Jawapan kepada soalan yang kedua, pihak Sekretariat Komanwel dan pihak Malaysia sebagai tuan rumah berusaha untuk memasukkan semula negara Pakistan ke dalam kumpulan

Komanwel sebelum CHOGM diadakan. Insya Allah, setakat ini kita dapati bahawasanya semua kerja-kerja untuk membawa balik Pakistan ke Komanwel dijalankan dengan lancar dan kita jangka bahawasanya pihak Pakistan akan diwakili oleh Perdana Menterinya yang baru apabila CHOGM diadakan di Kuala Lumpur.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah isu-isu yang akan dibawa di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel yang akan datang dan adakah isu penubuhan pasar tunggal Eropah ataupun "E.C. Single Market" akan dibincangkan?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya agenda Mesyuarat CHOGM itu adalah lebih kurang serupa seperti CHOGM-CHOGM yang telah diadakan pada tahun-tahun yang lampau dan antaranya termasuk juga berkenaan dengan masalah "Single Market" Eropah yang bakal dibincangkan oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel semasa CHOGM.

LESEN TEKSI—BILANGAN AKAN DIKELUARKAN

2. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah bilangan lesen teksi yang akan dikeluarkan pada tahun 1989 dan 1990 untuk menampung keperluan menyambut Tahun Melawat Malaysia pada tahun depan; dan
- (b) bilangan lesen teksi yang beroperasi di:
 - (i) Kuala Lumpur;
 - (ii) Petaling Jaya; dan
 - (iii) Shah Alam.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan lesen teksi yang akan dikeluarkan ke seluruh negara dalam tahun 1989 dan 1990 tidak ditetapkan. Jumlah lesen yang dikeluarkan untuk sesuatu kawasan bergantung kepada permintaan dan penawaran di tempat berkenaan. Walau bagaimanapun untuk kawasan Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Shah Alam, jumlah lesen yang akan dikeluarkan dalam tahun 1989 dan 1990 adalah lebih kurang 2,000.
- (b) Bilangan lesen teksi yang dikeluarkan dan beroperasi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam sekarang ialah 7,235.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada memperseragamkan teksi-teksi yang ada di negara kita pada hari ini dan akan datang dan untuk meningkatkan pemasaran dan memperkenalkan kereta nasional kita iaitu Proton Saga kepada pelancong-pelancong luar negeri, saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat baru di mana mereka-mereka yang diberi lesen ataupun permit teksi yang baru membeli atau menggunakan kereta Proton Saga ini? Jika sekiranya tidak, saya ingin tahu mengapa. Terima kasih.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu bidang usaha itu tertakluk kepada kebijaksanaan pengusaha dan tentulah mengikut perkiraan ekonomi masing-masing. Di dalam hal keadaan kita mengamalkan demokrasi kita tidak mahu membuat paksaan tetapi bagi

pihak yang mengusahakan pengusahaan teksi ini tentulah mengambil kira harga Proton Saga yang murah di samping juga kualiti kereta Proton saga yang baik. Saya berkeyakinan pengusaha-pengusaha teksi di negara kita akan menggunakan seberapa banyak mungkin Proton Saga sebagai teksi di masa-masa akan datang.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu apakah syarat-syarat ataupun garis panduan yang telah digariskan oleh Kementerian yang berkenaan dalam meluluskan permohonan-permohonan lesen teksi yang tersebut.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, di dalam meluluskan permit-permit teksi di masa-masa yang lalu, keutamaan adalah diberi kepada mereka-mereka yang mempunyai lesen "PSV" atau dalam bahasa Inggerisnya "public service vehicle licence" sekurang-kurangnya tiga tahun dan bagi mereka yang bekas perajurit ataupun bekas polis untuk selama satu tahun. Walau bagaimanapun kita telah juga memberikan permit-permit teksi kepada syarikat-syarikat dengan tujuan supaya syarikat-syarikat ini dapat menjalankan operasi teksi dengan lebih baik dan berkesan.

**WARGANEGARA ASING
MENYALAH SYARAT PAS
LAWATAN**

3. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada belia sedar tentang terdapatnya beberapa warganegara asing yang masuk Malaysia ini atas Pas Melawat terutama sekali orang-orang Pakistan yang berada di Sabah menjalankan kegiatan berniaga seperti menjaja kain-kain dan lain-lain barang dagangan dari kampung ke kampung.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sememangnya sedar mengenai warganegara-warganegara asing yang datang ke negara ini untuk melancong tetapi telah menjalankan kegiatan berniaga yang mana menyalahi syarat-syarat pas mereka.

Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Imigresen Malaysia sering kali melakukan tangkapan dan mendakwa mereka di mahkamah seandainya kegiatan mereka ini diketahui oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Apabila disabitkan kesalahan mereka boleh didenda tidak lebih daripada \$1,000 atau enam (6) bulan penjara atau kedua-duanya serta boleh diusir keluar.

Tangkapan warganegara asing yang melanggar syarat-syarat pas lawatan dari tahun 1985 hingga Mac, 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Seluruh Malaysia</i>	<i>Sabah</i>
1985	1,380 orang	40 orang
1986	774 ,,	100 ,,
1987	799 ,,	180 ,,
1988	1,230 ,,	20 ,,
1989 (sehingga Mac)	165 ,,	25 ,,

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa bukan hanya orang-orang Pakistan yang masuk ke Malaysia dengan menggunakan pas pelancongan dan apabila mereka masuk ke negeri ini, mereka menjalankan perniagaan. Adakah Kerajaan sedar ada banyak juga orang-orang daripada Nepal ataupun daripada Indonesia, apabila mereka datang ke negara ini mereka menggunakan pas pelancongan tetapi mereka menjalankan kegiatan perniagaan. Sehingga ini berapakah orang-orang tersebut itu telah dikenalpastikan dan telah dihalau

keluar daripada negara ini oleh kerana mereka melanggar syarat-syarat ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan yang saya berikan tadi bukan hanya orang-orang Pakistan, tetapi terdiri daripada semua bangsa yang telah melanggar syarat-syarat tersebut termasuklah golongan-golongan sepertimana yang dikatakan oleh wakil dari Pasir Pinji iaitu Nepal dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, adakah Kerajaan sedar bahawasanya pendatang-pendatang daripada luar negeri sama ada melalui Pas Lawatan ataupun pendatang haram yang datang ke negara kita ini, kemudian menjalankan perniagaan tanpa dapat dikesan oleh pihak Imigresen ataupun jabatan Kerajaan yang terlibat, kemudian mereka itu berkahwin dengan warganegara Malaysia dan telah mendapat anak. Selepas daripada itu, mereka dapat dikesan, ditangkap serta dihukum dan diperintahkan dihantar balik ke negara masing-masing. Saya ingin tahu apakah tindakan ataupun pertimbangan Kerajaan kepada mereka yang telah berkahwin dan mendapat beberapa orang anak dibenarkan tinggal di negara ini dan menimbangkan dari segi peri kemanusiaan terhadap anak-anak yang ditinggalkan begitu sahaja. Saya ingin tahu apakah pertimbangan yang akan diberi oleh Kerajaan kepada keadaan sedemikian.

Yang kedua, adakah Kerajaan akan membuat suatu undang-undang bagi menyekat kedatangan pendatang-pendatang ini ke negara kita supaya Kerajaan boleh menghukum sama ada bentuk hukuman sebat kepada pendatang-pendatang haram sepertimana yang dilakukan oleh

beberapa negara pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa ada pendatang-pendatang haram ataupun juga pelawat-pelawat yang datang ke negara ini telah menjalankan perniagaan tanpa dikesan oleh Kementerian. Ini oleh kerana kemungkinan kita tidak dapat kerjasama daripada pihak-pihak orang ramai berkenaan kegiatan-kegiatan mereka ini.

Soalan yang kedua, soal mereka kahwin. Kebanyakan perkahwinan yang berlaku di antara pendatang haram ataupun juga pelawat-pelawat asing ke negara ini diusahamakan oleh orang-orang tempatan dan ini sungguh menyedihkan, terutama kepada buruh-buruh kontrak yang mana lagi dua tiga bulan akan menghabiskan tempoh telah hilang dan akhirnya rupa-rupanya telah berkahwin dengan orang-orang tempatan dengan kerjasama pihak-pihak yang tertentu iaitu rakyat negara kita sendiri.

Tentang adakah pertimbangan istimewa akan dilakukan oleh Kementerian, ini terpaksa kita kaji mengikut kes-kes tertentu iaitu kes-kes invidu bagaimana mereka boleh sangkut dan berkahwin dengan rakyat negara ini.

Tentang perkara yang terakhir adakah pihak Kementerian akan mengkaji satu undang-undang, ini pihak Kementerian akan mengkaji keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.

(Soalan No. 4 Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar tidak hadir).

SIJIL KELAHIRAN LEWAT/ KAD PENGENALAN— PERMOHONAN

5. Tuan Jawan anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penduduk-penduduk di Sarawak yang ada membuat permohonan Sijil Kelahiran lewat dan Kad Pengenalan dan dari jumlah tersebut berapakah permohonan yang masih belum siap lagi;
- (b) sebab-sebab kenapa permohonan-permohonan ini tidak dapat diproses; dan
- (c) sama ada apa yang terjadi kepada seseorang pegawai pada 15-4-1989 di mana seorang awam telah mencederakannya dengan sebilah parang ada kaitan dengan sikap kakitangan-kakitangan Kerajaan di pejabat tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, Untuk menjawab soalan (a), sehingga 10hb Jun 1989, Pejabat Pendaftaran Negara, negeri Sarawak telah menerima 224,534 permohonan daftar lewat kelahiran. Dari jumlah ini, hanya 4,013 permohonan yang belum diselesaikan. Pada masa ini, sebanyak 711 permohonan kad pengenalan dari penduduk-penduduk Sarawak sedang diproseskan oleh pejabat Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak.

Tentang soalan (b), saya telah menjawab perkara ini dengan panjang lebar pada 21-3-1989. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa proses tersebut memakan masa bagi memastikan hanya kanak-kanak yang benar-benar lahir di Sarawak sahaja dikeluarkan sijil berkenaan. Sehubungan dengan itu kelewatan biasanya adalah disebabkan oleh:

- (i) borang permohonan tidak lengkap;

- (ii) pemohon tidak segera menjawab pertanyaan yang dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara;
- (iii) pemohon, pemaklum atau saksi tidak hadir untuk ditemuduga pada tarikh-tarikh yang ditetapkan.

Tentang soalan (c), pihak polis masih menyiasat kejadian tersebut. Oleh itu, saya tidak dapat memberikan apa-apa penjelasan mengenainya pada masa ini.

BANK PUSAT KERJASAMA DI BAWAH PENERIMAAN

6. Dr V. David minta kepada Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya sebuah bank kerjasama utama seperti Bank Pusat Kerjasama (CCB) telah diletakkan bawah penerimaan (receivership);
- (b) apakah sebabnya bank-bank lain seperti Bank Bumiputera, Perwira Habib Bank dan United Asian Bank tidak diletakkan bawah penerimaan, memandangkan institusi-institusi kewangan ini telah menghadapi kerugian yang lebih tinggi daripada CCB;
- (c) bagaimanakah Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin membantu keluarga kakitangan-kakitangan seramai 195 orang, kerana perkhidmatan mereka telah pun ditamatkan dengan serta merta; dan
- (d) apakah sebab utamanya di atas kebimbangan Kerajaan mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi Melbourne, meminta penyerahan balik bekas ketua pegawai eksekutif CCB ke Malaysia supaya kes beliau boleh diperiksa oleh Mahkamah-mahkamah tanah

air kita, walaupun Mahkamah Majistret di Geelong telah memberi kebenaran kepada Kerajaan Malaysia mengemukakan rayuan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):

- (a) Perletakan Bank Pusat Kerjasama (CCB) di bawah penerimaan (dengan izin, receivership) adalah merupakan sebahagian dari skim penyelamat untuk menjaga kepentingan semua pendeposit, sejajar dengan matlamat Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986 dan juga skim yang dilaksanakan bagi 23 Koperasi Pengambil Deposit. Dalam skim penyelamat yang dirangkakan, pendeposit-pendeposit akan menerima baltk deposit mereka dalam CCB atas dasar "seringgit untuk seringgit deposit".
- (b) Kerajaan tidak boleh mengambil langkah yang serupa terhadap bank-bank yang menghadapi masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebagaimana langkah yang telah diambil ke atas CCB kerana bank-bank perdagangan adalah diawasi di bawah Akta Bank 1973 dan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Apa-apa masalah berkaitan dengan bank-bank perdagangan adalah dtkendalikan mengikut Akta/Ordinan tersebut. CCB pula sebaliknya adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Koperasi 1948. Apa-apa masalah yang dihadapinya tidak boleh diselesaikan berpandukan kepada Akta/Ordinan berkenaan.

- (c) Penerima CCB telah bersetuju mengedarkan nama-nama dan butir-butir peribadi 193 pekerja-pekerja CCB - yang diberhentikan itu kepada institusi-institusi kewangan lain untuk kemungkinan diambil bekerja. Penerima CCB juga bersetuju untuk mengambil balik pekerja-pekerja tersebut sekiranya pekerja-pekerja tambahan diperlukan dalam jangkamasa penerimaan ini.
- (d) Adalah lebih sesuai dan wajar mereka yang terlibat dalam penyelewengan CCB termasuk Ketua Eksekutifnya didakwa dan dibicarakan di Mahkamah di Malaysia, memandangkan bahawa kes penyelewengan CCB ini berlaku di negara ini. Perbicaraan di negara asing jika dijalankan, akan melibatkan berbagai kesulitan dan masalah. Walau bagaimanapun, rayuan kepada Mahkamah Tinggi Melbourne telah diberhentikan atas nasihat Peguam Negara Australia yang berpendapat rayuan seterusnya akan turut gagal. Buat masa ini, tindakan lain terhadap kes ini sedang dipertimbangkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan memberitahu di Dewan yang mulia ini sejauh manakah kemajuan dicapai setakat ini dalam usaha hendak mendapat balik pinjaman-pinjaman yang besar yang diberi kepada beberapa individu dan juga mereka yang tidak dirampas pasport antarabangsa sebagaimana janji mereka untuk membayar balik dan adakah mereka ini menunaikan sebagaimana yang dijanji mengikut cadangan-cadangan yang dibuat?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan

tambahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya minta maaf kerana tidak mempunyai maklumat terperinci tetapi dari semasa ke semasa saya bagi pihak Kementerian Kewangan telah memberi penjelasan atas soalan-soalan yang serupa ini. Jikalau Ahli Yang Berhormat masih berminat, Kementerian Kewangan akan menjawab soalan ini melalui surat.

Dr V. David: Tuan Yang di-Perlu, mengenai soalan (b) saya hendak beri contoh bank-bank lain macam CCB, Bank Bumiputra, Perwira Habib Bank dan United Asian Bank, fasal apa Kerajaan tidak mengambil tindakan atas bank-bank ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus merujuk apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan iaitu Bank Negara untuk mengambil pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, terdapat kesilapan dalam soalan ini—bahagian (i) di mana 60 juta Pound patut disebut bukan "untuk British Airways" tetapi "sebagai kick-backs kepada UNMO Baru dan orang-orang luarbiasa".

JUALBELI SENJATA— TUDUHAN AKHBAR THE OBSERVER

8. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tuduhan-tuduhan yang berikut diterbitkan dalam suratkhobar luar negeri pada 7-5-1989 berkenaan

dengan jualbeli senjata bernilai 4 billion ringgit antara Malaysia dan Britain.

- (i) pembayaran sebanyak 60 juta Pound sebagai kickbacks kepada UMNO Baru dan "orang-orang luar biasa";
- (ii) pembayaran sebanyak satu juta pound kepada British Airways untuk hak pendaratan tambahan di Heathrow Airport;
- (iii) satu package bantuan bernilai satu juta pound diberi kepada Malaysia apabila Memorandum Persefahaman dimeterikan; dan
- (iv) harga Tornado yang dijual ke Malaysia dipertingkatkan ke 40 juta pound dari harga 17-20 juta pound yang menjadi harga penjualan biasa di Britain dan Jerman.

Sila menyatakan sama ada tuduhan-tuduhan di atas adalah benar atau tidak dan sama ada Kerajaan akan membentuk satu Jawatankuasa Siasatan Di Raja untuk menyiasat ke dalam perkara ini demi menunjukkan bahawa Kerajaan adalah bersih dan amanah.

21. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan ambil tindakan undang-undang menentang "The Observer" yang menerbitkan hal tuduhan rasuah yang menyebutkan Kerajaan Malaysia bersetuju dengan "kickbacks" kepada UMNO (\$300 juta); dan wakil-wakil keluarga "elite" (\$200 juta) berkaitan dengan kontrak pembelian (bernilai \$4.5 billion) senjata dan kapal terbang pejuang Tornado daripada negara Britain. Jika tidak, mengapa.

33. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) secara detail isi kandungan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) yang melibatkan

pembelian kapal terbang TOR-NADO bernilai \$4.6 billion (1 billion pound) yang ditandatangani oleh beliau dan Perdana Menteri Britain; Puan Margaret Thatcher pada bulan September 1088;

- (b) apa tindakan beliau telah ambil terhadap akhbar "OBSERVER" dari England yang telah mengeluarkan satu rencana oleh Adam Raphael dalam keluarannya bertarikh 7hb Mei 1989 yang menyatakan bahawa UMNO Baru telah disogok bayaran sebanyak \$300 juta (60 juta pound) untuk mendapat kontrak membekal kapal terbang TORNADO tersebut; dan
- (c) jika beliau tidak berhasrat untuk mengambil sebarang tindakan mahkamah terhadap akhbar "OBSERVER" itu, mengapa.

37. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil terhadap suratkhbar Britain The Observer yang menyiarkan berita bahawa UMNO dan keluarga-keluarga yang ada hubungan rapat dengan UMNO telah menerima komisyen sebanyak \$450 juta sebagai rasuah untuk menandatangani Memorandum Persefahaman senjata sebanyak \$4,500 juta dengan Britain, dan kalau tidak mengapa; dan
- (b) sama ada Suruhanjaya Siasatan di Raja akan ditubuhkan untuk menyiasat tuduhan-tuduhan tersebut yang telah mencebarkan imej negara.

50. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya

yang bebas bagi menyiasat dakwaan oleh akhbar "OBSERVER" yang menuduh bahawa Kerajaan Britain akan atau memberi komisen lebih kurang 300 juta ringgit kepada UMNO baru dan 200 juta ringgit kepada ejen dan golongan tertentu hasil daripada pembelian senjata 4.3 juta pound daripada Britain. Apakah benar harga "TORNADO" jenis yang sama dibeli dengan murah oleh Kerajaan Jerman Barat dan Britain dengan harga 17 juta pound dan 20 juta pound manakala harga yang mahal oleh Kerajaan Malaysia iaitu 40 juta pound. Memandangkan kontrovesi isu ini, apakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan cadangan pembelian senjata dari Britain.

58. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil tindakan guaman terhadap "The Observer" bagi laporan mereka dalam majalah mereka yang bertarikh 7hb Mei, 1989 yang menyatakan perniagaan senjatapi bernilai \$4.5 billion antara Malaysia dengan Britain di mana \$300 juta telah diberi kepada UMNO dan \$220 juta kepada ejen-ejen dan keluarga-keluarga golongan atasan.

20-6-89

9. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kiranya laporan akhbar "Observer" di Britain mengenai adanya skandal pembelian senjata dari Britain yang melibatkan UMNO dan orang-orang kenamaan yang tertentu dianggap palsu, mengapa Kerajaan tidak membuat bantahan rasmi atas perkara itu;
- (b) mengapa Kerajaan tidak membuat penafian rasmi melalui radio dan televisyen untuk membersihkan nama baik Kerajaan; dan

- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk badan penyiasat bagi memastikan segala tuduhan yang dibuat oleh akhbar tersebut sesudah Kerajaan tidak bersedia membuat bantahan rasmi.

67. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan mengambil keputusan untuk membeli kapalterbang TORNADO dari Britain pada hal kapalterbang SKYHAWK dari Amerika Syarikat yang dibeli beberapa tahun lalu masih belum dibekal kesemuanya dan tambahan pula beberapa buah kapalterbang itu masih reput di Padang Pasir di Amerika Syarikat; dan apakah Malaysia perlu melengkapkan dirinya dengan kapalterbang TORNADO bilamana ia sendiri memperjuangkan supaya rantau ini dijadikan aman, bebas dan berkecuali.

21-6-89

22. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab beliau menandatangani satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher, pada bulan September, 1988 untuk membeli kapalterbang TORNADO memandangkan negara Jordan dan Oman telah membatalkan pesanan mereka untuk membeli kapalterbang TORNADO dari Britain kerana mereka mendapati ia tidak sesuai dan tidak boleh berfungsi dengan memuaskan.

26. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sebab-sebab Malaysia hendak membeli senjata bernilai sebanyak \$4,500 juta dari Britain;
- (b) sama ada senjatapi tersebut seperti jet pejuang Tornado

sesuai untuk cuaca panas di Malaysia; dan

- (c) sama ada satu siasatan dalaman telah diadakan untuk menentukan sama ada bayaran rasuah telah dibuat kepada ahli-ahli politik atau pegawai-pegawai Kerajaan berkaitan dengan Memorandum Persefahaman Senjatapi itu.

26-6-89

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Malaysia bersetuju dengan harga 40 juta bagi setiap 12 buah kapal pejuang Tornado buatan British di bawah perjanjian membeli senjata British bernilai \$4.5 billion sedangkan harga biasa setiap Tornado yang dibeli oleh Tentera Udara Di Raja British dan Luftwaff Jerman adalah 17-20 juta setiap kapal dan sama ada benar senjata-senjata yang dipersetujui di bawah perjanjian tersebut tidaklah sesuai bagi keperluan Malaysia.

25-6-59

75. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertahanan menyatakan apa tujuan membeli senjata \$4.5 billion untuk membeli senjata dari Britain. Adalah negara diancam bahaya dari dalam dan luar negeri.

30-6-89

1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kedudukan sekarang dengan memorandum Persekutuan antara United Kingdom dan Malaysia berkenaan pembelian senjata-senjata oleh Malaysia dari United Kingdom dan sebutkan jumlah yang benar-benar negara kita terikat untuk membeli senjata-senjata dari United Kingdom; dan

- (b) adakah Kerajaan masih berminat untuk membeli kapal-terbang pejuang "Tornado" memandangkan banyak negara-negara lain sudah tidak yakin dengan prestasi pesawat tersebut.

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Osman telah menasihatkan beliau supaya jangan mengambil tindakan prosiding saman malu terhadap akhbar London Observer disebabkan laporannya bertarikh 7 Mei 1989 yang mendakwa terdapat rasuah ("kick-backs" and "pay offs") sebanyak \$450 juta yang diberi kepada UMNO Baru dan "agents and ruling families" dalam urusniaga senjata British bernilai \$4.5 billion sebelum beliau bertolak ke luar negeri ke Amerika dan United Kingdom pada pertengahan bulan Mei ini, dan sama ada beliau telah menimbang tuduhan-tuduhan akhbar Observer itu semasa beliau menemui Perdana Menteri British, Margaret Thatcher pada hujung bulan Mei di London.

15. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Kerajaan sudah menyasat dan mengenalpasti mereka yang dikatakan memberi maklumat yang tidak benar kepada akhbar Observer mengenai isu pembelian senjata sebanyak 4.3 billion ringgit dengan Britain. Oleh kerana Kerajaan menolak dakwaan Observer sebagai tidak benar, apakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengutuk dan mengecam akhbar Observer secara terbuka serta mengambil tindakan undang-undang menuntut ganti rugi, apakah Kerajaan Malaysia berani berbuat demikian bagi menolak dakwaan Observer.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan

perkara yang dibangkitkan ini adalah satu isu yang begitu banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka saya mohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Pasir Mas, Ipoh, Petaling Jaya dan Jelutong yang dijadualkan pada hari ini; juga dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Ipoh pada 20hb Jun, 1989; Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ipoh pada 21hb Jun, 1989; dari Tanjong pada 26hb Jun, 1989 dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 28hb Jun, 1989; Tanjong dan Kuala Kedah pada 30hb Jun, 1989, kerana kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah bertanyakan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kementerian Pertahanan memang sedar atas tuduhan oleh akhbar "The Observer" mengenai "kickback" atau bayaran sogokan yang dilemparkan terhadap Kerajaan Malaysia. Sebenarnya "Observer" ini adalah milik seorang peniaga kaya di Britain yang bertelingkah dengan Kerajaan British kerana tidak dapat membeli satu rangkaian gedung mewah di Britain disebabkan Kerajaan British tidak menginginkannya.

Sejak itu pihak peniaga kaya ini telah bertalu-talu membuat tuduhan terhadap Kerajaan British. Ia mengguna akhbar "Observer" untuk tujuan ini. Untuk memburukkan lagi imej Kerajaan British tuduhan dibuat bahawa penjualan kapalterbang pejuang Tornado dan lain-lain alat pertahanan kepada sebuah negara di Asia Barat juga melibatkan "kickback" dan penipuan.

Tidak hairanlah apabila Malaysia membuat keputusan membeli

kapalterbang dan lain-lain alat-alat pertahanan dari British maka orang yang sama dan akhbar kepunyaannya "The Observer" membuat tuduhan yang sama untuk memburukkan imej Kerajaan British. Jika semasa itu Kerajaan Malaysia dan lain-lain pihak dilibatkan, ini tidak sedikitpun mengganggu fikiran manusia yang tamak yang ada di belakang segala kegiatan ini.

Pihak Malaysia bukanlah sebegitu bodoh sehingga mudah ditipu. Kita juga mempunyai pakar yang tahu membuat penilaian terhadap alat pertahanan yang kita beli. Penilaian ini adalah secara G-to-G iaitu antara Kerajaan dengan Kerajaan. Jika mana-mana pihak percaya bahawa Kerajaan British terlibat dengan rasuah, saya syor mereka pergi ke United Kingdom dan secara terbuka mendakwa bahawa Kerajaan British menyogok Kerajaan Malaysia dan UMNO.

Kerajaan Malaysia tidak sanggup diperalat oleh sesiapa dalam pertikaian mereka dengan Kerajaan British. Kerajaan Malaysia menafi sekeras-kerasnya semua dakwaan Observer dan sokongan kepadanya oleh Pembangkang. Kerajaan Malaysia tidak berhajat untuk menubuh apa-apa badan siasatan dalam perkara ini kerana tidak ada bukti sebarang penyelewengan atau ketidakcekapan berlaku dalam pembelian Tornado dan alat pertahanan yang lain dari British. Sebarang bantuan wang dan kemudahan yang diberi oleh British kepada Malaysia adalah perkara biasa yang tidak ada kena mengena dengan pembelian alat pertahanan.

Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli berkaitan dengan pembelian alat pertahanan dari British tidak ada asas. Pihak Tentera kita mempunyai kepakaran dan pengalaman yang cukup untuk mengurus pembekalan tentera yang diperlukan. Senjata yang dibeli atau dimiliki oleh tentera adalah

perkara yang dirahsiakan oleh semua Kerajaan di dunia. Jika Kerajaan menyeleweng rakyat akan mengadilinya di waktu tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah mempertikaikan peranan negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep aman, bebas dan berkecuali atau ZOPFAN dan tidak seharusnya tumpuan diberi kepada pertahanan. ZOPFAN yang diperjuangkan oleh Malaysia tidaklah membawa erti bahawa Malaysia harus mengabaikan soal pertahanan. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia mesti mempunyai keupayaan untuk mempertahankan kepentingannya. Berkecuali sahaja tidak boleh menjamin kepentingan-kepentingan negara tidak dicabuli, ianya juga harus dipertahankan. Oleh itu pembelian peralatan moden seperti Tornado tidaklah dianggap sebagai bertentangan dengan konsep ZOPFAN. Hanya golongan yang tidak mempunyai semangat cintakan tanahair yang menimbulkan persoalan sedemikian. Seperti kata pepatah Melayu: Kita seharusnya menyediakan payung sebelum hujan dan jangan sudah terantuk barulah terngadah.

Mengenai Memorandum Persefahaman, Kementerian Pertahanan tidak dapat menyatakan secara terperinci butir-butir kandungan Memorandum Persefahaman antara Malaysia dengan United Kingdom kerana ianya adalah rahsia pertahanan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, suka saya jelaskan sekali lagi di sini iaitu harga sesuatu sistem persenjataan bergantung kepada ketentuan ketenteraan yang akan diperturunkan oleh Angkatan Tentera Malaysia sesuai dengan kehendak suasana rantau ini. Setakat ini Kementerian Pertahanan belum lagi mengadakan sebarang rundingan yang terperinci

dengan pihak Kerajaan British tentang pembelian peralatan pertahanan. Oleh yang demikian, jumlah kos yang sebenar bagi peralatan tersebut masih belum dapat ditentukan lagi. Namun begitu, harga seluruh sistem persenjataan yang akan dibeli melalui Memorandum Persefahaman adalah dalam lingkungan 1 billion pound Sterling.

Soal "hangar", dengan izin, yang tidak mencukupi untuk mendapatkan pesawat-pesawat Tornado tidak timbul. Pemilihan pesawat ini adalah berbentuk, dengan izin, "package" yang antara lain termasuk juga pembinaan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti, dengan izin, "hangar" bagi menyokong keperluan pesawat berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang:
Memandangkan latar belakang di negara kita baru-baru ini di mana ada berlaku skandal begitu banyak dan besar seperti BMF, UEM, MAMINCO dan lain-lain, adakah Kerajaan sedar bahawa Kerajaan perlu mengambil perhatian yang serius terhadap laporan ini mengenai satu skandal, kalau benar, yang lebih besar iaitu \$4.5 billion di mana ada tuduhan-tuduhan yang terbuka bahawa ada bayaran up-front, dengan izin, kepada UMNO Baru 60 pound atau lebih kurang masa itu \$300 juta dan \$200 juta kepada keluarga-keluarga memerintah, bahawa untuk nama baik negara kita Kerajaan perlu ambil perhatian dan tindakan yang tegas termasuk satu siasatan terbuka, termasuk tindakan undang-undang terhadap "Observer" dan adakah ini ditimbang oleh Kerajaan khasnya Kabinet, untuk ambil tindakan undang-undang terhadap "Observer"?

Bolehkah Kerajaan menjelaskan kenapa Kerajaan enggan mengambil tindakan undang-undang apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri rela ambil tindakan undang-undang terhadap Far Eastern

Economic Review mengenai laporan penjualan Bahagian Limbang kepada Brunei dan adakah benar bahawa Kabinet mahu adakan satu mesyuarat untuk mengambil satu keputusan mengenai mengambil tindakan undang-undang terhadap The Observer apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di luar negeri dan apa keputusan sekarang mengenai perkara ini. Adakah ini dikaji, ditimbang, diputuskan oleh Kabinet dan kalau begitu apa keputusan sama ada Peguam Negara ada diminta untuk memberi pandangan sama ada beliau memberi nasihat jangan ambil tindakan undang-undang dan bukanlah semua ini mustahak, khasnya untuk nama baik bukan sahaja UMNO Baru, tetapi lebih mustahak nama baik rakyat Malaysia dan negara Malaysia. Kalau Kerajaan Malaysia tidak mahu jaga nama baik Kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia mahu jaga nama baik rakyat Malaysia dan akhirnya bukankah lebih elok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi jawapan supaya jawapannya lebih meyakinkan dan bukan daripada seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri. *(Tepuk)*

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, jawapan telah pun dibuat kepada soalan dan ucapan politik yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu kita sedar latar belakang tuduhan ini dan tuduhan ini memang tidak berasas. Ianya semata-mata tuduhan terhadap Kerajaan British. Kalau Kerajaan Malaysia disebutkan, ini adalah sebagai sampingan sahaja. Demikian juga tuduhan yang dibuat terhadap sebuah negara di Timur Tengah ataupun Asia Barat yang melibatkan wang yang lebih banyak, bahkan 10 kali ganda daripada apa yang akan dibelanjakan oleh Malaysia dan Kerajaan negara itu juga tidak berminat sama sekali untuk memperbesar-besarkan perkara ini,

kerana tujuan pihak yang menuduh ini ialah untuk menyeretkan Kerajaan Malaysia ke Mahkamah dan sepertimana kita tahu dalam Mahkamah bermacam-macam dakwaan boleh dibuat dan ini akan cuma menguntungkan pihak yang menuduh. Pihak yang menuduh ini juga adalah seorang yang tidak berperinsip sama sekali.

Saya boleh yakin bahawa dia juga boleh membayar rasuah kepada pihak-pihak tertentu untuk membangkitkan perkara ini dan cuba memburukkan imej Malaysia. Tetapi Malaysia tahu benar orang ini dan kita tidak ingin melibatkan diri dalam perkara ini, kerana kita tahu bahawa tuduhan-tuduhan ini dibuat semata-mata kerana kepentingan pihak yang membuat tuduhan ini dalam pertikaiannya dengan Kerajaan British. Disamping itu tuduhan yang dibuat bukan sahaja terhadap Kerajaan Malaysia, iaitu kalau ada rasuah berlaku, ini juga bermakna bahawa Kerajaan British juga terlibat dengan rasuah, kerana menyogokkan wang kepada Kerajaan Malaysia dan kononnya orang-orang tertentu dan keluarganya.

Tuduhan secara umum ini memang mudah dibuat, tetapi Kerajaan British sepertimana kita lihat juga tidak berminat untuk mengengahkan perkara ini, kerana mereka juga tahu akan tujuan orang-orang yang membuat tuduhan ini. Jadi kita tidak nampak kalau Kerajaan British tidak mengambil tindakan, kalau Kerajaan sesebuah negara besar di Timur Tengah juga tidak mengambil tindakan, kenapakah kita hendak merasa malu dalam perkara ini, kerana kita sebenarnya tidak terlibat dengan rasuah. Walaupun Ahli Yang Berhormat suka sangat kaitkan dengan perkara-perkara lain yang tidak merupakan rasuah yang melibatkan Kerajaan yang mana telah kita terangkan dengan jelasnya soal UEM, dibangkitkan semula. Ini bukan

soalan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini adalah ucapan politik untuk mencari isu (*Tepuk*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan soalan iaitu apakah benar Tornado yang dibeli ini harganya berbeda dengan harga yang dibeli oleh dua buah negara iaitu German Barat dan juga Britain, di mana dikatakan harga tersebut sebanyak 17 million pound, manakala Malaysia membayar 40 million pound dan kenapakah negara kita memilih Tornado. Kalau ini bukan merupakan satu masalah dari segi pihak ketenteraan, sebab kita dapati negara-negara ASEAN yang lain memiliki F-16 iaitu sebagaimana yang saya membaca laporan, manakala kita memilih Tornado dan sejauhmanakah perkara ini mendesak dalam pandangan pertahanan negara kita, sebab suasana ekonomi yang beransur puiih mungkin belum mendesak bagi kita membeli senjata-senjata tersebut kerana kita melihat suasana di ASEAN ini sendiri, seperti di Indocina yang semakin mereda. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan-penjelasan ini, oleh kerana saya kira penting untuk diketahui oleh rakyat seluruhnya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan saya awal-awal tadi, kita belum lagi berunding dengan Kerajaan British berkenaan dengan kos.

Kedua, harga sesebuah pesawat memang berbeda walaupun dalam jenis yang sama, kerana alat-alat yang dipasang pada sesebuah pesawat itu adalah begitu kompleks. Contohnya, sebuah pesawat yang hanya dilengkapi dengan basic equipment, dengan izin, lebih murah kalau dibandingkan dengan pesawat-pesawat yang dilengkapi dengan alat-alat yang lebih sophisticated serta avionic dan fire-power. Contohnya pesawat pejuang yang dilengkapi dengan alat early warning receiver, dengan izin, dengan pesawat yang

tidak ada alat tersebut adalah lebih mahal, walaupun pada pandangan kita yang bukan mahir dalam bidang tersebut tidak ada bezanya. Oleh itu soal perbezaan harga tidak harus dipertikaikan.

Berkenaan dengan mengapa kita memilih Tornado daripada misalnya F-16 seperti negara-negara jiran kita, sebenarnya 10 tahun yang lalu TUDM telah membuat satu kajian berkenaan dengan jet-jet pejuang yang ada di pasaran dunia dan dari segi keperluan kita Malaysia, strategic importance dan sebagainya, maka TUDM memikirkan bahawa Tornado ini lebih sesuai untuk keadaan kita daripada jet-jet pejuang yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah,

Tuan Lim Kit Siang: Soalan belum dijawab. Ini bukan soalan tambahan atau soalan baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, Yang Amat Berhormat telah tertinggal jawapan, saya bukan mahu bertanya soalan baru, adakah Kabinet bermesyuarat di atas perkara ini (*Disampuk*) atau Kabinet dilarang itu saya ada tanya, atau dilarang daripada bermesyuarat (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu.

KAD PENGENALAN PALSU— PENYIASATAN

9. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak dari bulan Ogos, 1986 sehingga 31hb Mei, 1989:

(a) jumlah anggota polis atau kakitangan Jabatan Pendaftaran

Negara yang telah didapati atau sedang dalam penyiasatan kerana penglibatan mereka dalam sindikit khusus mengeluarkan Kad Pengenalan palsu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan

- (b) apakah tindakan yang sangat berkesan yang sedang diambil untuk menghalang kakitangan Kerajaan daripada aktiviti-aktiviti yang tidak sah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Ogos, 1986 hingga bulan Mei, 1989, tidak ada anggota Polis mahupun kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang telah didapati atau sedang dalam penyiasatan kerana penglibatan mereka dalam sindikat khusus mengeluarkan Kad Pengenalan palsu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Soalan (b), tindakan yang sangat berkesan yang sedang diambil untuk menghalang mereka ialah dengan pengawalan dan pengawasan rapi ke atas kakitangan yang terlibat dalam proses pengeluaran kad pengenalan. Aktiviti pemalsuan ini dijangka dapat diatasi apabila Kerajaan memperkenalkan kad pengenalan berkompuser nanti. Namun begitu apa yang berlaku ialah penglibatan sebilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara dalam pemalsuan butiran-butiran dokumen yang berkaitan dengan pengeluaran kad pengenalan kepada rakyat asing.

Sejak bulan Ogos, 1986 hingga 31hb Mei, 1989 sejumlah 10 orang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara kumpulan "C" dan "D" telah terlibat secara bersendirian di dalam pemalsuan tersebut. Tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

Di Semenanjung, 4 orang telah ditahan di bawah ISA dan diikuti

dengan tindakan buang kerja oleh Lembaga Tatatertib Jabatan.

Kedua, seorang telah dibuang kerja terus melalui tindakan tatatertib.

Sabah, 5 orang telah ditangkap oleh Polis dan masih dalam penggantungan kerja sehingga keputusan perbicaraan mahkamah diperolehi sebelum tindakan lain dapat diambil.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Disebabkan keadaan pengeluaran kad-kad pengenalan palsu sudah mencapai tahap yang membimbangkan, khususnya di negeri Sabah, adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk memasukkan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pengeluaran kad pengenalan palsu ini dalam undang-undang ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa 4 orang telah ditahan di bawah ISA bersabit dengan kesalahan tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa Kerajaan menggunakan ISA untuk menahan pihak yang bersalah? Tidak adakah undang-undang yang lain untuk mengenakan ke atas mereka yang berbuat aktiviti yang tidak betul ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri berpendapat bahawa ISAlah undang-undang yang paling sesuai untuk kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan.

PROTON SAGA—MEMPER- KENALKAN DI LUAR NEGERI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah

dicapai dalam kempen memperkenalkan kereta nasional (Proton Saga) di luar negeri. Negara-negara manakah yang memberi sambutan kepada kempen itu dan adakah kempen yang berkesan telah dilakukan juga di kalangan negara-negara anggota OIC terutama sekali di kawasan Asia Barat dan Timur Tengah. Sila nyatakan jualan dan pesanan Proton setakat ini mengikut negara-negara (termasuk yang dijual dalam negara sendiri).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato* Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, kempen untuk memperkenalkan kereta nasional (Proton Saga) di negara-negara tertentu di luar negeri telah mendapatkan sambutan yang menggalakkan. Sehingga 30 Mei 1989 sebanyak 9 negara telah mengimport Proton Saga berjumlah 5,280 unit dan 1 negara lagi akan mengimport kereta tersebut pada penghujung tahun 1989. Negara serta jumlah kereta Proton Saga yang telah diimportnya sehingga 30 Mei 1989 adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah (Unit)</i>
1. Bangladesh.. .	154
2. Brunei Darussalam	120
3. New Zealand ..	288
4. Malta..	110
5. Sri Lanka	90
6. Eire	800
7. Jamaica	73
8. HongKong.. ..	30
9. United Kingdom	3,615
Jumlah	<u>5,280</u>

Manakala negara-negara yang dijangka membuat tempahan untuk mengimport kereta nasional bagi

tahun 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Anggaran Permintaan (Unit)</i>	
	<i>1989</i>	<i>1990</i>
1. Bangladesh.. ..	60	60
2. Brunei Darussalam	80	80
3. New Zealand ..	275	275
4. Malta..	60	60
5. Sri Lanka	60	60
6. Eire	420	500
7. Jamaica	110	110
8. Hong Kong.. ..	180	180
9. Sngapura	210	210
10. United Kingdom	5,000	Belutn dapat ditentu- kan

Jumlah Proton Saga yang telah dijual dalam negeri sehingga 30 April 1989 adalah 112,236 unit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Proton belum mempunyai rancangan untuk mengeksport kereta Proton Saga ke negara-negara Organisation of Islamic Countries (OIC) disebabkan kereta-kereta yang diperlukan oleh negara-negara tersebut ialah model pemandu kiri yang belum dikeluarkan oleh Proton.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bagi pihak-pihak tertentu menuduh bahawa harga Proton Saga dijual di luar negeri lebih murah daripada jualan dalam negeri?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tuduhan itu tidak benar kerana kalau kita lihat harga Proton Saga di United Kingdom ialah lebih kurang £5,999 sehingga £8,299. Harga sebenarnya bergantunglah kepada beberapa perkara iaitu, pertama kepada modelnya dan kedua, bergantung kepada aksesori kereta yang dibeli itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh mana kebenaran iaitu HICOM atau Proton telah membuat satu perjanjian dengan Mitsubishi pada awal-awal lagi yang mana tidak membenarkan kereta nasional kita, iaitu Proton Saga dipasarkan atau dijual di Singapura dan juga di Thailand. Kalau tidak benar, saya ingin tahu mengapakah sehingga ke hari ini sedangkan kita telah dapat berjaya menjual kereta-kereta kita ke negara-negara Eropah tetap ke negara jiran, Singapura dan Thailand, termasuk juga Indonesia, tidak lagi dapat dijualkan?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pihak Proton telah membuat perundingan dengan syarikat untuk mendedarkan kereta di Singapura. Jadi, saya kurang mengetahui sama ada benar ataupun tidak satu perjanjian telah dibuat di antara Mitsubishi untuk mencegah penjualan kereta ini di Thailand dan di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11 ini ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI PENJARA

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil setakat kini untuk mencegah penyalahgunaan dadah di penjara-penjara dengan memberi butir-butir berkenaan dengan bilangan pegawai penjara yang diberkas atas kesalahan membabit dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mencegah penyalahgunaan dadah di penjara adalah seperti berikut:

- (1) mengeluarkan perintah-perintah tetap dan arahan-arahan dari semasa ke semasa bagi membanteras penyeludupan dadah ke penjara dan di dalam penjara;
- (2) bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan menggunakan anjing-anjing bagi mengesan dadah di dalam penjara;
- (3) bekerjasama dengan Jabatan Polis Cawangan Anti Dadah di setiap negeri bagi mengenalpasti pengedar-pengedar dadah di kalangan kakitangan penjara dan banduan;
- (4) membatalkan penerimaan bungkusan oleh banduan-banduan untuk mengelakkan penyeludupan dadah ke penjara melalui bungkusan;
- (5) melakukan pemeriksaan yang rapi ke atas pegawai/kakitangan penjara dan banduan-banduan yang keluar/masuk penjara supaya tidak menyeludup dadah;
- (6) mengadakan satu Pasukan Khas yang dipanggil Unit Keselamatan Penjara membanteras pendedaran dadah;
- (7) mengambil tindakan tegas ke atas pegawai/kakitangan penjara yang terbabit dengan penyeludupan dadah di penjara sama ada dikenakan tatatertib ataupun dihadapkan ke mahkamah mengikut perbekalan undang-undang yang ada;
- (8) menukarkan pegawai/kakitangan penjara yang disyaki terlibat di dalam penyeludupan dadah/penyalahgunaan dadah; dan

- (9) kesemua pegawai/kakitangan penjara dikehendaki membaca ikrar seminggu sekali sebelum menjalankan tugas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan pegawai/kakitangan penjara yang diberkas di atas kesalahan membabitkan dadah di dalam jangkamasa 1 Jun 1987 sehingga 31 Mei 1989 ialah seramai 26 orang tetapi sejak tahun 1980, 116 orang pegawai di Jabatan Penjara telah diambil tindakan kerana dadah, iaitu 43 orang dibuang kerja, 4 orang ditamatkan perkhidmatan, 2 orang diberi amaran keras terakhir, 43 orang belum selesai perbicaraan di mahkamah, 13 orang dihantar ke pusat pemulihan dan 11 orang dibuang kes.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas keganjilan bagaimana dadah boleh masuk penjara dan dadah boleh mendapat pasaran dalam penjara kerana kita tahu bahawa banduan-banduan tidak menyimpan wang, tidak menyimpan apa-apa pun dan bagaimanakah mereka ini boleh mendapat pasaran dalam penjara selain daripada ianya dipergunakan oleh kakitangan penjara itu sendiri. Ini satu keanihan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun apa yang telah berlaku ganjil tetapi ia berlaku. Kalau kita lihat penghuni-penghuni di penjara ini bukan sahaja orang miskin tetapi ada juga orang yang kaya raya. Daripada kajian yang telah dibuat didapati ada orang-orang kaya yang mengupah pegawai-pegawai penjara untuk menemui sanak-saudara untuk memohon wang dan kita dapati bahawa ganjarannya sungguh tinggi iaitu 50:50, dengan izin. Kalau sekiranya \$1,000 dapat diseludup masuk, \$500 adalah kepada pegawai yang telah pun melakukan

kesalahan. Dan dengan wang ini banduan-banduan kaya ini telah menukarkan barang-barang makanan mewah dengan banduan-banduan yang miskin dan banduan-banduan miskin ini menggunakan wang ini untuk mendapatkan bekalan dadah. Untuk mendapatkan bekalan dadah maka lagi sekali pegawai-pegawai terlibat. Inilah keadaan yang sebenarnya yang berlaku dan pihak Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti perkara ini dengan sehalus-halusnya. Itulah sebabnya tindakan yang keras diambil sehingga ada pegawai-pegawai yang terlibat telah pun dihantar ke Pulau Jerejak sebelum tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).

AKTA KWSP—PINDAAN

14. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah Akta KWSP akan dipinda supaya dividen-dividen yang dibayar kepada 5.3 juta orang pencarum-pencarum akan dikira berasaskan kepada jumlah penuh sebenar yang dicarum, dan bukan kepada angka ringgit terdekat sepertimana yang telah dilakukan sekarang ini; dan
- (b) jumlah faedah ke atas lebihan sen yang tidak dibayar yang terkumpul melalui tahun demi tahun oleh KWSP.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan itu sedang di dalam kajian sebuah Jawatankuasa yang telah ditubuhkan di

Kementerian Kewangan untuk mengkaji pindaan-pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.

- (b) Menurut amalan sekarang, KWSP tidak membayar dividen ke atas lebihan sen kerana dividen dibayar berdasarkan jumlah kredit terkumpul pada angka ringgit yang terdekat. Oleh itu jumlah faedah atau dividen ke atas lebihan sen yang tidak dibayar tidak berbangkit. Walau bagaimanapun, jumlah lebihan sen yang tidak dibayar dividen tidak hilang kerana ianya dikreditkan ke dalam akaun bagi tahun berikutnya.

JAWATAN GURU PENOLONG KANAN/PENYELIA PETANG

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa Kementerianya masih menghantar guru-guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum yang tidak berkelayakan bahasa Mandarin ke beberapa buah SRJK (C) dalam negeri Kedah pada bulan Mei lalu serta nyatakan:

- (a) bilangan sebenarnya guru berkenaan yang dihantar ke sekolah-sekolah tersebut;
- (b) keadaan sekarang; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan amalan ini tidak berlaku dalam negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri menyatakan bahawa jawatan-jawatan Guru Penolong Kanan serta Penyelia Petang di SRJK (C) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)

hendaklah diisi oleh guru-guru yang berkelulusan formal bahasa Mandarin di peringkat SRP/SPM atau setarafnya. Jawatan Penolong Kanan (ko-kurikulum) boleh diisi oleh guru-guru yang tidak berkelulusan formal dalam bahasa tersebut dan difikirkan sesuai oleh Kementerian Pendidikan.

Bilangan guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum yang ditempatkan di negeri Kedah ialah seramai 5 orang. Walau bagaimanapun, penempatan guru-guru tersebut di negeri berkenaan telah disusun semula di atas kepentingan tugas.

Kementerian Pendidikan akan sentiasa memastikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri dipatuhi.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan faham bahawa baru-baru ini di negeri Pulau Pinang pun ada perkara seperti ini berlaku. Adakah Kerajaan telah atau akan mengambil apa-apa tindakan untuk membetulkannya?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, Kementerian Pendidikan akan sentiasa memastikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri akan dipatuhi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan—bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang yang ada di sini—telah meletakkan jawatannya kerana dia telah membuat pengumuman bahawa sekiranya masih ada Penolong-penolong Kanan Ko-kurikulum yang tidak mempunyai kelayakan dalam bahasa Mandarin dan dihantar ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dia akan meletakkan jawatan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak kena mengena dengan perkara di sini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No, 4, 7, 13 dan 16 hingga 61 adalah diberi di bawah ini).

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI MALAYSIA

4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah justifikasi memohon Ratu Elizabeth merasmikan persidangan Komanwel yang akan berlangsung dari 18 hingga 24 Oktober, 1989 ini. Mengapakah ianya tidak dirasmikan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM yang akan berlangsung pada 18 hingga 24 Oktober ini di Malaysia akan dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita dan bukannya Baginda Queen Elizabeth II seperti yang dinyatakan. Mengikut tradisi, Perdana Menteri atau Ketua Kerajaan sesebuah negara yang menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ini akan membuat pembukaan rasmi. Dengan itu Y.A.B. Perdana Menteri kita akan merasmikannya pada sebelah petang 18hb Oktober 1989 dan Y.A.B. Perdana Menteri juga akan menjadi Pengerusi Mesyuarat CHOGM.

Baginda Queen Elizabeth II akan dijemput untuk membuat lawatan dua hala (bilateral visit) ke Malaysia bersamaan dengan tarikh CHOGM diadakan. Semasa mesyuarat CHOGM Baginda Queen Elizabeth II akan

diberi peluang bertemu dengan semua Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel secara bersendirian dan secara berkumpulan kecil sewaktu makan tengahari. Beliau juga akan dibawa melawat tempat mesyuarat iaitu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Kesemua di atas adalah diatur mengikut tradisi mesyuarat CHOGM.

KERAKYATAN MALAYSIA BAGI WARGANEGARA ASING

7. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai warganegara asing yang telah mendapat kerakyatan di negara ini sejak tahun 1980-1988; dan
- (b) berapa ramai warganegara asing yang telah mendapat kebenaran tinggal tetap di negara ini sejak tahun 1980-1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sejak tahun 1980-1988, seramai 24,208 orang telah mendapat kerakyatan Malaysia.
- (b) Dalam jangkamasa yang sama, seramai 2,776 rakyat asing telah mendapat taraf penduduk tetap negara ini.

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH OLEH PELAJAR SRJK (C)

13. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa berapa ramaikah pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang menduduki peperiksaan ujian Penilaian Sekolah Rendah 1988 dan bagaimanakah pencapaian mereka mengikut mata pelajaran. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki prestasi mereka pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar-pelajar SRJK(C) yang telah menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 1988 ialah 101,343 orang. Prestasi mereka mengikut mata pelajaran adalah seperti berikut:

Mata Pelajaran	Peratus Yang Lulus Gred A + B + C
BAHASA MALAYSIA	
Ujian Kefahaman	66.2%
Ujian Penulisan ..	35.8%
BAHASA INGGERIS	65.0%
MATEMATIK ..	91.3%
BAHASA CINA	
Ujian Kefahaman	82.6%
Ujian Penulisan ..	70.0%
Lisan dan Bacaan..	87.2%

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi prestasi mata pelajaran-mata pelajaran yang rendah pencapaiannya adalah seperti berikut:

- (i) Menambah bilangan guru terlatih di sekolah-sekolah yang berkenaan.
- (ii) Meletakkan guru khas pemulihan untuk membantu murid-murid yang lemah dalam pelajarannya.
- (iii) Menitikberatkan aspek penyelesaian oleh Guru Besar, Pegawai Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri.
- (iv) Meminta guru-guru besar menyediakan perancangan untuk mempertingkatkan prestasi murid di sekolah masing-masing.

PROJEK BEKALAN AIR DI PULAU BUM-BUM, SABAH

16. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh manakah pencapaian Projek Bekalan Air di Pulau Bum-Bum daerah Semporna yang telah dikendalikan oleh Syarikat Antah Biwater.

- (a) Bilakah projek tersebut dijangka siap; dan
- (b) Berapa banyakkah pengguna yang akan mendapat faedah daripada projek tersebut.

Tuan Luhut Wan: Projek Bekalan Air di Pulau Bum-Bum, daerah Semporna, Negeri Sabah adalah salah satu daripada projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dikendalikan di bawah Rancangan Khas Bekalan Air Luar Bandar/Antah Biwater J.V. Kerja-kerja persiapan telah bermula sejak 5 Mei 1989 di mana proses pengambilan tanah sedang diuruskan.

- (a) Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1991.
- (b) Setelah siap projek ini akan dapat membekalkan air kepada 14,700 penduduk. Ini adalah melebihi jumlah penduduk sekarang iaitu 10,730 penduduk mengikut Banci tahun 1984.

PILIHANRAYA UMUM DALAM MUSIM HAJI

17. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bersetuju meminda Akta Pilihanraya umum diadakan dalam musim haji. Dan sila terangkan mengapa Kerajaan tidak mengelakkan pilihanraya umum 1986 dulu diadakan dalam musim haji. Ramai manakah pengundi-pengundi yang layak mengundi tetapi berada di Tanah Suci tahun 1986.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kerajaan tidak boleh meminda Akta Pilihanraya untuk melarang Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan pilihanraya dalam tempoh yang ditentukan oleh Perlembagaan. Urusan pentadbiran negara tidak boleh diubahsuai mengikut musim terutama yang melibatkan perkara yang amat pentitig seperti pilihanraya.
- (b) Tarikh pilihanraya umum tahun 1986 mempunyai kaitan dengan tarikh pembubaran Dewan Rakyat. Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahawa pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari selepas Dewan Rakyat dibubarkan bagi Semenanjung dan dalam tempoh 90 hari bagi Sabah dan Sarawak. Sekiranya tarikh yang ditetapkan bertembung dengan sebarang musim, seumpama yang dinyatakan oleh Y.B. itu, maka ianya adalah satu kebetulan dan bukan sesuatu yang dirancangan.
- (c) Suruhanjaya Pilihanraya tidak mempunyai rekod tentang jumlah pemilih yang layak mengundi tetapi berada di tanah suci ketika pilihanraya umum tahun 1986 diadakan.

LETUPAN DI DAYABUMI

18. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah motif perbuatan letupan di Dayabumi ini. Dan sehingga hari ini adakah sudah ada tangkapan dibuat. Apakah tindakan Kementerian ini untuk keselamatan di masa hadapan sama ada di Bangunan Dayabumi atau di lain-lain bangunan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 20 Jun 1989 dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 21 Jun 1989 kerana soalan-soalan tersebut adalah hampir sama dengan soalan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, kes letupan yang berlaku di bangunan Dayabumi baru-baru ini masih lagi dalam penyiasatan polis dan setakat ini pihak polis belum dapat raemastikan motif serta pihak yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, Kerajaan sememangnya pada setiap masa mengambil berat terhadap keselamatan di semua tempat di seluruh negara bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara. Antara tindakan yang telah dan sedang diambil ialah memperbanyakkan rondaan di tempat-tempat strategik oleh pasukan keselamatan, membuat operasi serbuan di tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang penjenayah dan memberi latihan secukupnya kepada anggota polis bagi meningkatkan kemahiran mereka mengesan serta menghadapi kejadian-kejadian yang boleh mengancam keselamatan awam dan negara.

PERTEMUAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN BUSH/ PUAN THATCHER

19. Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri keluar Negeri baru-baru ini terutamanya pertemuan beliau dengan Presiden George Bush dan Puan Thatcher. Apakah pandangan kedua-dua pemimpin itu mengenai pendirian ASEAN dalam isu Kampuchea dan

pandangan mereka berdua mengenai PLO, Namibia dan seterusnya mengenai kempen memburukkan minyak kelapa sawit di Amerika.

30. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan dalam apa cara negara berfaedah dari lawatan-lawatan beliau baru-baru ini ke Amerika Syarikat dan Britain.

39. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Hasil utama lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan London khususnya dari segi hubungan duahala;
- (b) apakah jaminan positif kerajaan Amerika untuk menentukan tindakan tidak adil Suruhanjaya Perdagangan AS (FTC) terhadap usaha Malaysia menentang kempen yang memburukkan minyak sawit di Amerika Syarikat dan apakah tindakbalas Kerajaan sekiranya keadaan tidak berubah.

61. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan sebenarnya lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini. Apakah hasil perbincangan beliau dengan Presiden Amerika semasa lawatan itu dari segi politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan dan bagaimanakah semuanya ini menjamin keuntungan bagi Malaysia. Bagaimanakah sambutan para pelabur dari Amerika Syarikat ke atas penerangan-penerangan Perdana Menteri kepada mereka semasa perjumpaan dengan mereka di Amerika baru-baru ini.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya meminta kebenaran Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan No. 19, 30, 39 dan 61 sekali gus kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Lawatan kerja saya ke Amerika Syarikat dan Britain telah memberi peluang kepada saya menemui pemimpin-pemimpin negara tersebut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan di antara kedua negara dan kepentingan bersama serta isu-isu antarabangsa yang harus diberi perhatian. Saya juga berbincang dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Di Amerika Syarikat saya telah bertemu dengan Presiden Bush. Pertemuan ini membolehkan saya membangkitkan secara terus dengan Presiden masalah-masalah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Ini termasuklah isu kempen anti-minyak kelapa sawit. Saya telah memaklumkan bahawa Malaysia kesal dengan tindakan diskriminasi oleh Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan Amerika Syarikat (FTC) terhadap usaha Malaysia menentang kempen yang memburukkan minyak sawit kita. FTC telah mempersoalkan dan mendakwa kononnya kandungan poster dari Malaysia bagi menentang kempen tersebut tidak berasaskan kepada hasil penyelidikan. Tetapi yang anehnya, FTC tidak pernah mempersoalkan tindakan Persatuan Jantung Amerika apabila mendakwa penggunaan minyak sawit adalah merbahaya. Dalam hal ini, Presiden Bush telah memberi jaminan akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Menyentuh tentang isu Kampuchea kedua-dua pemimpin itu menyokong pendirian Asean mengenai Kampuchea dan mahukan Asean terus memberi sumbangan terhadap penyelesaian masalah itu.

Mengenai PLO pula pendirian Amerika Syarikat agak berlainan dari pendirian kita sungguhpun mereka

mengamalkan prinsip bahawa apa-apa penyelesaian harus mengambil kira hak-hak asasi rakyat Palestin. Britain sebaliknya menghendakkan penyelesaian yang saksama, dan inginkan usaha-usaha dipergiatkan lagi ke arah itu. Saya tidaklah dapat memperincikan perbincangan yang diadakan kerana ianya diadakan secara tertutup. Mengenai Namibia pula kedua-duanya mengharapkan exercise di bawah naungan PBB bagi memberi kemerdekaan kepada Namibia akan diselesaikan mengikut jadual.

Pertemuan dengan para usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah cukup bermanfaat. Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan perdagangan dan pelabur terbesar di Malaysia. Saya telah mengundang usahawan-usahawan Amerika mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan Malaysia bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara. Usahawan-usahawan terkemuka Amerika Syarikat telah memberi jaminan mereka akan terus melabur dan meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia. Bagi mereka, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik memandangkan pada kestabilan politik dan kemudahan infrastrukturnya.

Perbincangan saya juga tertumpu pada penubuhan Lembaga Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat. Adalah menjadi harapan agar badan ini dapat diwujudkan tidak lama lagi bagi menggalakkan pertemuan yang lebih kerap dan meluas di antara usahawan-usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pihak media-masa telah diminta memberi kerjasama supaya sebarang tulisan mengenai Malaysia di masa akan datang tidak diputarbelitkan dan harus lebih

bersifat objektif dan tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Harus dinyatakan juga bahawa sejak tahun 1988, akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat telah bersikap lebih objektif dalam tulisan mereka mengenai Malaysia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah hasil perbincangan yang diadakan dengan pihak media-massa pada tahun 1988.

Di Britain, saya telah berpeluang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah.

Di London saya juga telah berkesempatan meresmikan cawangan Bank Negara. Tertubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporate di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia. London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin pertukaran matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi Syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors juga telah diadakan dan mereka telah menyatakan kesudian mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman pekerjaan di Syarikat-syarikat British yang besar-besarini.

Saya juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di New York, Boston dan London dan telah berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

TAHANAN ISA—JUMLAH

20. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tempoh Jan 1988 hingga Mac 1989;
- (b) di antara jumlah orang tahanan ini, berapakah orang warganegara Malaysia dan atas apa kegiatan yang mereka lakukan yang boleh memudharatkan keselamatan Negeri yang menyebabkan mereka ditahan; dan
- (c) berapa orangkah tahanan ini dihantar ke kem Tahanan Kamunting.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) jumlah bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tempoh Januari 1988 hingga Mac 1989 adalah seramai 161 orang;
- (b) seramai 149 orang dari jumlah yang ditahan di atas adalah warganegara Malaysia. Mereka ditahan atas kegiatan-kegiatan mereka yang boleh menimbulkan suasana kekecohan dan ketegangan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum

seperti menimbulkan dan menyemarakkan sentimen perkauman, kegiatan pelampau agama, penyebaran pengaruh ideologi komunis-Marxist yang jelas bertentangan dengan prinsip dan dasar-dasar pemerintahan negara, kegiatan-kegiatan subversif komunis dan lain-lain kegiatan yang boleh menggugat ketenteraman awam dan menimbulkan mudarat kepada keselamatan negara; dan

- (c) dari jumlah di atas, seramai 68 orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan ditahan di Kem Tahanan Perlindungan Kamunting sementara yang lainnya telah dibebaskan.

JUALBELI KAPALTERBANG TORNADO—TUDUHAN THE OBSERVER

21. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan ambil tindakan undang-undang menentang "The Observer" yang menerbitkan hal tuduhan rasuah yang menyebutkan Kerajaan Malaysia bersetuju dengan "kickback" kepada UMNO \$300 juta, dan wakil-wakil keluarga "elite" (200 juta) berkaitan dengan kontrak pembelian (bernilai \$4.5 billion) dan kapal terbang pejuang TORNADO daripada negara Britain. Jika tidak, mengapa.

Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sebentar tadi, saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan saya.

**PETRONAS—LOJI PENAPIS
MINYAK DI MELAKA**

22. Tuan Haji Mohd. Zhin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah "oil refinery" PETRONAS akan siap dibina di Melaka?;
- (b) bilakah khidmatnya dijangka bermula?;
- (c) bagaimana pula tentang harga minyak petrol selepas itu? dan
- (d) berapakah perbelanjaan keseluruhannya dan apa pula faedah yang besar?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Logi Penapis Minyak PETRONAS di Melaka dijangka akan siap dibina pada bulan Mei 1993.
- (b) Pengeluarannya secara komersial dijangka akan bermula lebih kurang tiga bulan kemudian iaitu pada bulan Ogos 1993.
- (c) Harga minyak petrol ditentukan oleh formula yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Formula tersebut bukan sahaja bergantung kepada elemen kos penapisan, tetapi juga berdasarkan kepada elemen-elemen lain seperti cukai, kadar pertukaran wang asing, kadar komisyen kepada pengedar-pengedar, kos operasi syarikat-syarikat minyak dan kadar keuntungan syarikat-syarikat minyak. Berdasarkan kepada formula tersebut harga minyak petrol akan dikaji setiap bulan dan akan berubah sekiranya berlaku perubahan di dalam elemen-elemen.

- (d) Jumlah kos keseluruhan Logi Penapis Minyak PETRONAS di Melaka adalah dijangkakan sebanyak \$1,500 juta. Logi ini dijangka memberi banyak faedah kepada negara. Selain daripada menambahkan nilai (value added) kepada minyak mentah dan kondanset dan menjamin keperluan bahan-bahan petroleum di dalam negeri, logi ini akan dapat menjimatkan pertukaran wang asing (dianggarkan 6 billion Ringgit dalam masa 20 tahun) dan membuka peluang-peluang pekerjaan. Di samping itu, pembinaan logi ini juga akan membantu pembangunan ekonomi Negeri Melaka khasnya dan Malaysia amnya. Ini termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya dan sistem-sistem komunikasi dan menggalakkan pertumbuhan industri-industri sampingan dan industri yang berasaskan petroleum.

**SABAH DEVELOPMENT
FINANCE COOPERATIVE
SOCIETY—PENYIASATAN**

23. Tuan Gerard Math Lee Min minta kepada Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) adakah Bank Negara mengambil langkah untuk menyelamatkan atau memberi bantuan kepada Sabah Development Finance Co-operative Society sejak Koperasi tersebut menjadi insolven dua tahun yang lalu?
- (ii) jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil sejak hari ini dan bilakah para penyimpan boleh mengharapkan pembayaran kembali wang simpanan mereka?

(iii) jika tidak, apakah sebabnya.

Dato' Loke Yuen Yow: Bank Negara Malaysia telahpun selesai menjalankan penyiataan ke atas Sabah Development 'Finance Co-operative Society Bhd. Penyiataan tersebut menunjukkan bahawa koperasi ini mempunyai tanggungan deposit sebanyak \$2.386 juta dan nilai aset bersihnya (dengan izin, net tangible asset) pula adalah tidak lebih dari satu sen bagi setiap ringgit deposit. Memandangkan kedudukan kewangannya yang lemah, adalah amat sukar untuk merangka satu skim penyelamat seperti yang dilakukan terhadap 23 Koperasi Pengambil Deposit yang telah dibekukan dalam tahun 1986. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam perhatian Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

PEKERJA LADANG—SYARAT PEKERJAAN

24. Tuan Haji Mohd. Sharil bin Jajang minta Menteri Buruh menyatakan apakah peranan Kerajaan di dalam menyelesaikan tuntutan gaji pekerja ladang oleh Kesatuan Sekerja Ladang (NUPW):

- (a) bagaimanakah pendirian MAPA (Malaysian Agriculture Producers Association) terhadap tuntutan itu; dan
- (b) berapakah kadar tuntutan gaji bulanan dan berapakah jumlah wang terlibat jika skim gaji bulanan pekerja ladang ini dilaksanakan.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Gaji dan syarat-syarat pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan termasuk pekerja-pekerja ladang ditetapkan melalui rundingan bersama di antara pihak majikan dan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerja tersebut. Sekiranya rundingan bersama secara langsung di antara kedua-dua pihak tersebut tidak

menghasilkan sebarang penyelesaian atau menemui jalan buntu, maka pihak-pihak itu bolehlah meminta bantuan atau campurtangan Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh untuk khidmat rundingan damai bagi menyelesaikan pertikaian mereka. Jika di peringkat rundingan damai ini tidak juga menghasilkan penyelesaian, maka Menteri Buruh bolehlah merujuk pertikaian itu bagi dibicarakan oleh Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan muktamad.

Mengenai tuntutan pekerja-pekerja ladang melalui Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), adalah difahamkan bahawa pihak kesatuan baru sahaja mengemukakan cadangan-cadangan baru bagi suatu perjanjian bersama yang meliputi soal gaji dan syarat-syarat pekerjaan pekerja-pekerja ladang. Cadangan baru tersebut dikemukakan oleh NUPW kepada Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) pada 31-3-89 dan adalah difahamkan setakat ini pihak MAPA belum lagi mengemukakan cadangan-balas terhadap cadangan-cadangan kesatuan itu.

Memandangkan kedudukan tuntutan pekerja-pekerja ladang ini masih di peringkat rundingan awal di antara NUPW dan MAPA maka Kementerian Buruh di peringkat ini tidak dapat memberi keterangan lanjut mengenai tuntutan kesatuan berkenaan.

PELABURAN ASING—GALAKAN

25. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah di antara proses-proses "red-tape" yang akan dihapuskan oleh pihak Kerajaan

untuk menggalakkan bukan sahaja pelaburan asing ke dalam ekonomi negara tetapi juga pelaburan tempatan; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengesyorkan negara kita tidak akan berada dalam gengaman pelabur asing dan peristiwa pemberhentian kerja beramai-ramai dibuat semasa industri elektronik menghadapi kejatuhan dalam permintaan dunia dari berulang lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (a) Kerajaan adalah peka terhadap keperluan pelabur-pelabur dan oleh itu akan terus membantu dan memajukan sektor perkilangan di Malaysia bagi faedah pelabur tempatan dan juga pelabur luar negeri. Untuk ini, perubahan-perubahan yang difikirkan perlu bagi memastikan suasana pelaburan yang baik untuk pelabur-pelabur telah dan akan diadakan.

Di antara langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan selama ini untuk memperbaiki iklim pelaburan di Malaysia ialah (i) melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dengan mengecualikan Lesen Pengilang kepada syarikat yang mempunyai modal dibayar kurang dari \$2.5 juta atau pekerja kurang dari 75 orang, (ii) memperkenalkan galakan-galakan pelaburan baru, (iii) memperbaiki insentif-insentif yang sedia ada, (iv) melonggarkan garispanduan bagi penyertaan ekuiti pelabur asing, (v) mengurangkan kadar tarif, telefon dan telek serta tenaga letrik.

Untuk mempercepatkan kelulusan ke atas permohonan untuk mendirikan projek dan pengecualian duti import dan mempertingkatkan khidmat kepada pelabur-pelabur Kerajaan telah menubuhkan Pusat Pelaburan (COI) bertempat di Ibu Pejabat MIDA. Fungsi utama Pusat Pelaburan di MIDA ialah untuk menerima, memproses, menilai dan menyampaikan keputusan-keputusan berhubung dengan perkara-perkara seperti permohonan-permohonan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, jawatan ekpatriat, pengecualian duti import dan cukai tokok ke atas bahan-bahan mentah dan komponen duti kastam ke atas logi dan jentera yang diimport, permohonan untuk mendapatkan perlanjutan Pas Lawatan Perniagaan, kelulusan menggaji pekerja-pekerja wanita untuk "shift" malam dan bagi kerja lebih masa tidak melebihi 64 jam sebulan serta permohonan untuk mendapatkan penyemakan/perubahan klasifikasi kod tarif.

- (b) Bagi mengelakkan dari hanya bergantung kepada sesebuah atau beberapa buah negara asing untuk melabur di dalam sektor perindustrian di Malaysia, adalah menjadi amalan Kerajaan untuk menarik dan memperluaskan pelaburan asing di negara kita daripada kesemua negara-negara utama yang mempunyai keupayaan mengeksport modal, teknologi dan pasaran eksport yang luas.

Mengenai pemberhentian atau pembuangan kerja pula, memanglah benar pembuangan

(retrenchment) tersebut berlaku tetapi tidaklah pada peringkat yang membimbangkan. Hasil daripada kajian pihak MIDA ke atas 45 syarikat-syarikat di dalam sektor elektronik di Malaysia, didapati hanya 4,591 orang (atau 8%) telah dibuang berbanding dengan jumlah tenaga kerja yang wujud di dalam sekitar ini (merangkumi 45 syarikat) sebanyak \$7,170 orang.

Perlulah juga ditegaskan di sini bahawa Kerajaan telah memperkenalkan undang-undang di bawah Akta Pekerjaan 1955 yang boleh melindungi hak kedua-dua pekerja dan majikan supaya tidak timbul soal teraniaya dan di dalam masa yang sama, bayaran pampasan yang setimpal mestilah dibuat jika pembuangan kerja terpaksa dibuat di atas sebab-sebab faktor ekonomi yang tidak dapat dielakkan.

TRAGEDI BOT LAJU MENUMBOK, LABUAN

26. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sudahkah penyiasatan terhadap tragedi bot laju Menumbok—Labuan yang karam baru-baru ini selesai di mana 9 orang terkorban akibat nahas itu. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan khususnya Jabatan Laut untuk memastikan kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail); Penyiasatan Awal (Preliminary Inquiry) terhadap tragedi bot laju Menumbok-Labuan yang karam baru-baru ini menunjukkan bahawa bot berkenaan memuatkan penumpang yang berlebihan. Bot tersebut telah memuatkan 29 orang penumpang walhal syarat pelesenan

hanya membenarkan membawa tidak lebih dari 12 orang penumpang sahaja. Bot tersebut didapati telah mengalami kebocoran semasa dalam perjalanan dan terus tenggelam.

Langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan seperti tersebut ialah dengan sentiasa memastikan bahawa kapal/bot-bot dilesenkan dalam keadaan yang baik dan layak layar (seaworthiness) serta mengikut ciri-ciri keselamatan seperti yang disyaratkan. Bot berkenaan juga perlu melalui pemeriksaan berjadual sebelum dilesenkan. Jabatan Laut dan Polis Merin sentiasa menjalankan rondaan penguatkuasaan bagi memastikan peraturan-peraturan keselamatan sentiasa dipatuhi.

NELAYAN ASING— PENCEROBOHAN

27. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah pencerobohan nelayan-nelayan asing sepanjang tahun 1988 dan adakah jumlah pencerobohan bertambah oleh sebab Zon Ekonomi Eksklusif diisytiharkan;
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah pencerobohan-pencerobohan ini dan melindungi nelayan-nelayan Malaysia; dan
- (c) memandangkan banyak pencerobohan-pencerobohan ini datangnya dari nelayan-nelayan negara-negara jiran adakah Kerajaan mengadakan rundingan-rundingan dengan negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):

- (a) Jumlah pencerobohan nelayan-nelayan asing pada tahun 1988

ialah 3,248 melalui penglihatan udara.

Jumlah pencerobohan adalah masih tidak berubah jika dibuat perbandingan mengikut tahun seperti:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Pencerobohan</i>
1985	2,202
1986	4,301
1987	3,007

Namun demikian corak pencerobohan telah berubah iaitu tertumpu di Utara perairan sempadan dan JDA (Joint Development Authority).

Zon Ekonomi Eklusif di-isytiarkan pada 1980 kerana negara mengiktiraf semangat UNCLOS dan pada tahun 1984 Kerajaan telah menguatkuasa Akta Zon Ekonomi Eklusif.

- (b) Langkah-langkah mencegah pencerobohan ialah:
- (i) Melalui operasi-operasi khas seperti siri Operasi Samudra Gagah dan Operasi Tangkujuh yang melibatkan agensi-agensi TLDM, PDRM, TUDM dan Jabatan Perikanan di mana diselaraskan oleh PPPM (Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim).
 - (ii) Melalui rondaan biasa atau persendirian agensi-agensi penguatkuasaan.
- (c) Rundingan dengan negara jiran mengenai pencerobohan tersebut tidak diadakan, memandangkan Kementerian berpendapat ianya sudah memadai dengan tindakan-tindakan agensi-agensi penguatkuasa. Namun demikian rundingan

biasanya dibangkitkan dalam perundingan dua hala di antara negara berjiran bersama-sama dengan isu-isu lain dalam kerjasama kelautan.

BANGUNAN PPK DAN PMP DI BOTA/LAMBOR

28. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan kenapa Bangunan PPK dan PMP di Bota/Lambor yang mana pembinaan kedua-dua bangunan ini bermula pada 1987 dan sehingga masa kini masih belum siap. Kenapa perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan adakah masalah yang sama berlaku di tempat-tempat yang lain.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Pembinaan bangunan PPK dan PMP bersekali dengan sebuah rumah kakitangan kelas F telah dimulakan pada bulan November 1987, akan tetapi sehingga sekarang projek ini masih belum siap. Pada 8hb April, 1989, kerja pembinaan adalah kira-kira 30% siap dan 103 hari lewat dari tarikh siap. Kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan oleh pihak kontraktor menghadapi masalah kewangan. Pada peringkat awal kontraktor kecil yang membuat kerja menanam cerucuk, telah gagal menjalankan kerja tersebut.

Di samping itu, kontraktor ini juga menghadapi masalah bekalan bahan binaan, di mana pembekal enggan membekal bahan binaan secara kredit dan ini menyebabkan pihak kontraktor menghadapi masalah aliran kewangan. Dalam bulan Oktober 1988, untuk menyiapkan projek ini, kontraktor telah menyerah kerja pembinaan ini kepada sebuah syarikat tetapi perpecahan yang berlaku di dalam syarikat dan masalah kewangan syarikat menyebabkan kerja-kerja pembinaan terbengkalai.

Pihak LPP telah mengambil tindakan menamatkan kontrak serta menender semula projek ini. Hal ini juga berlaku di Pengkalan Chepa, Kelantan di mana pembekal enggan membekal besi tiang bangunan PMP dengan harga asal kerana kenaikan harga besi dan ini menyebabkan kontraktor mengalami kerugian sebanyak \$40,000.00,

DASAR MEMPERUNTUKKAN PROJEK-PROJEK JKR

29. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar minta Menteri Kerjaraya menjelaskan tentang adakah Kementerian mempunyai dasar atau polisi dalam membahagi atau memperuntukkan projek-projek JKR dalam kontek ke pelbagaian bentuk di negara ini. Sekiranya pihak Kementerian mempunyai dasar-dasar tersebut, sila huraikan. Sekiranya tidak bilakah dasar atau polisi tersebut akan diwujudkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Saya menganggap dasar atau polisi dalam kontek ke pelbagaian bentuk dalam soalan Ahli Yang Berhormat adalah bermaksud pembahagian projek-projek mengikut negeri dan bentuk-bentuk projek. Jika itulah maksudnya, Kementerian Kerjaraya sememangnya mempunyai polisi pembangunannya mengikut keperluan negeri-negeri. Walau bagaimanapun, dalam mengagihkan projek-projek itu, kawasan negeri-negeri yang kurang maju adalah juga diambilkira untuk diberikan perhatian yang lebih. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya diberi tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan infrastruktur jalanraya, bekalan air, bangunan dan perumahan Kerajaan.

Dalam penyediaan infrastruktur jalan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar dan diagih-agihkan kepada seluruh negara

berdasarkan kepada keperluan ekonomi dan permintaan lalulintas. Jalan-jalan raya lama dinaikkan taraf, di samping membina jalanraya dan lebuhraya baru.

Dalam menyediakan kemudahan bekalan air projek tersebut diagih-agihkan ke seluruh negara mengikut keperluan negeri masing-masing.

Mengenai bangunan-bangunan Kerajaan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang diperlukan kepada negeri-negeri di seluruh negara bagi menaikkan taraf pejabat-pejabat daerah. Langkah ini diambil untuk meningkatkan perkhidmatan dan pentadbiran peringkat daerah.

Pada keseluruhannya, dasar Kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan itu adalah bagi meningkatkan taraf sosial-ekonomi negara.

(Soalan No. 30. Sila lihat jawapan No, 19).

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI DAERAH- DAERAH

31. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan sekurang-kurangnya sebuah sekolah Vokasional bagi tiap-tiap daerah seluruh negara. Kalau ia, nyatakan setakat ini berapa banyak sekolah telah didirikan, berapa ramai murid yang terlibat dan nyatakan rancangan pembangunannya dalam lima tahun yang akan datang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya bercadang untuk mengadakan sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Menengah Vokasional bagi tiap-tiap daerah di seluruh negara

dengan mengambilkira kriteria-kriteria berikut:

- (1) Taburan sekolah dan kepadatan penduduk di daerah tersebut;
- (2) Enrolmen di Sekolah Menengah Rendah di daerah tersebut;
- (3) Pembangunan industri semasa di daerah yang dirancangkan;
- (4) Taburan punca-punca sumber pembangunan negara;
- (5) Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan lain-lain yang sedia ada;
- (6) Tapak dan jenis tanah yang tidak bermasalah.

Setakat ini sebanyak 57 buah Sekolah Menengah Vokasional telah didirikan dengan bilangan pelajar seramai 18,996 orang. Untuk Rancangan Malaysia Lima Tahun akan datang, Kementerian Pendidikan bercadang untuk:

- (1) Memperkenalkan mata pelajaran vokasional di sekolah-sekolah akademik;
- (2) Menambahkan lagi bilangan Sekolah Menengah Vokasional;
- (3) Menaiktaraf bangunan dan alatan di Sekolah-sekolah Menengah Vokasional yang sedia ada;
- (4) Menambah bilangan kursus-kursus pendek di Sekolah Menengah Vokasional untuk lepasan SRP dan SPM.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

32. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagi program pembangunan khas rakyat termiskin, program dan projek sepertimana yang

diumumkan hanya menumpu perhatian kepada golongan miskin di kawasan luar bandar. Adakah ini bermakna perhatian hanya diberi kepada kawasan luar bandar sahaja. Jika ya, maka, apakah rancangan lain yang Kerajaan sediakan bagi golongan termiskin kawasan bandar, Jika tidak, bagaimana pula program pembangunan khas diselenggarakan bagi membantu golongan miskin di kawasan bandar;

- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa pengukuran golongan termiskin pada tingkat pendapatan tidak lebih daripada \$175 mungkin sesuai bagi membayangkan taraf hidup kawasan luar bandar, tetapi di kawasan bandar taraf hidup adalah lebih tinggi, maka, had tingkat pendapatan yang mengukur golongan termiskin seharusnya lebih tinggi. Jika sedar, tahap pendapatan apakah yang diguna bagi mendefinisikan golongan termiskin di kawasan bandar;
- (c) di kawasan perbandaran di mana Pegawai Daerah tidak wujud tetapi ada majlis perbandaran, maka, adakah tugas mendaftar jatuh ke atas majlis-majlis ini. Jika tidak, pihak manakah yang ditugaskan.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Dato' Dr Siti
Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Bagi menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa program pembangunan rakyat termiskin ini akan dilaksanakan di semua daerah bagi keluarga-keluarga termiskin di kawasan

luar bandar khusus bagi kawasan-kawasan mundur dan pendalaman yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti perubatan, bekalan air, elektrik dan jalan raya.

Kumpulan sasaran program ini ialah keluarga-keluarga termiskin yang berpendapatan \$175.00 sebulan atau kurang bagi Semenanjung dan \$267.00 sebulan bagi Sabah dan \$215.00 sebulan bagi Sarawak, yang sehingga kini tertinggal dan terkeluar dari arus pembangunan negara. Keluarga-keluarga termiskin ini didapati ramai di kawasan pendalaman dan terpencil di luar bandar.

- (b) Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa taraf hidup penduduk-penduduk bandar adalah lebih tinggi dan had pendapatan bulanan bagi keluarga termiskin di bandar adalah lebih tinggi juga daripada keluarga termiskin yang tinggal di luar bandar. Ingin juga saya nyatakan bahawa di tiap-tiap kawasan seperti di bandar dan di luar bandar memang terdapat golongan termiskin, tetapi taraf sosio-ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka adalah berbeza.
- (c) Di bawah program ini Pegawai Daerah adalah menjadi Pendaftar keluarga termiskin. Walau bagaimanapun Pegawai Daerah akan meminta bantuan Majlis Tempatan dalam usaha mengesan keluarga-keluarga termiskin, jika di Majlis-majlis Tempatan terdapat keluarga-keluarga yang layak menerima bantuan di bawah program ini.

PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO—TUDUHAN THE OBSERVER

33. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) secara detail isi kandungan Memorandum of Understanding) yang melibatkan pembelian kapalterbang TORNADO bernilai \$4.6 billion (1 billion) yang ditandatangani oleh beliau dan Perdana Menteri, Britain, Puan Margaret Thatcher pada bulan September 1988;
- (b) apa tindakan beliau telah diambil terhadap akhbar "OBSERVER" dari England yang telah mengeluarkan satu rencana oleh Adam Raphael dalam keluarannya bertarikh 7 Mei, 1989 yang menyatakan bahawa UMNO Baru telah disogok bayaran sebanyak \$300 juta (60 juta pound) untuk mendapat kontrak membekal kapalterbang TORNADO tersebut; dan
- (c) jika beliau tidak berhasrat untuk mengambil sebarang tindakan mahkamah terhadap akhbar "OBSERVER" itu mengapa.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sebentar tadi, saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan saya itu.

KAKITANGAN KERAJAAN GIAT DALAM POLITIK

34. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan apakah pandangan dan pendirian Kerajaan mengenai adanya kakitangan Kerajaan melibat diri dalam kegiatan parti

politik dan menyuarakan pendapat mereka secara terbuka mengenai politik semasa di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman); Perintah Am 19, Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) (Bab "D") 1980 hanya membenarkan pegawai-pegawai awam Kumpulan "B", "C" dan "D" sahaja untuk bergiat cergas dalam politik dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Kerajaan, Pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan "A" dilarang untuk bergiat cergas dalam politik, Perbuatan-perbuatan yang dimaksudkan mengambil bahagian dalam kegiatan politik termasuklah menyuarakan pendapat secara terbuka mengenai politik semasa di negara ini. Mana-mana pegawai yang melanggar mana-mana peraturan di bawah perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) (Bab "D") 1980 boleh dikenakan tindakan tata tertib sehingga melibatkan hukuman buang kerja atau hukuman-hukuman lain yang lebih ringan. Tindakan tata tertib memang telah, sedang dan akan sentiasa dikuatkuasakan khususnya ke atas pegawai-pegawai yang melanggar mana-mana tatakelakuan perkhidmatan awam.

PERNIAGAAN JUALAN TERUS— KAWALAN

35. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes penipuan dan penggunaan taktik penjualan yang tidak bertanggungjawab oleh agen-agen jualan terus yang menjalankan perniagaan jualan terus yang dilaporkan sejak tahun 1985 hinggalah 31-5-1989; dan

- (b) mengenai perniagaan jualan terus ini adakah Kerajaan mempunyai satu undang-undang untuk mengawal dan mengawal syarikat-syarikat jualan terus.

Dato' Kok Wee Kiat: Tidak ada kes yang berbangkit daripada penipuan dalam urusan jualan secara terus (direct selling) yang diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana pada masa ini penipuan dan penggunaan taktik penjualan yang tidak bertanggungjawab dalam urusan jualan terus merupakan satu kesalahan jenayah perdagangan yang tertakluk di bawah bidangkuasa pihak polis.

Dalam hubungan ini, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengkaji kemungkinan untuk menggubal satu undang-undang khusus untuk mengawalselia aktiviti jualan terus.

SYARIKAT INSURANS

36. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah dan nama-nama Syarikat Insurans yang mengalami masalah kewangan dan akibat kepada orang-orang dan syarikat yang membeli insurans. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi orang-orang atau syarikat yang mengambil perlindungan insurans.

Dato' Loke Yuen Yow: Pada masa ini, sebanyak 9 buah syarikat insurans didapati sedang menghadapi masalah kewangan. Nama-nama mereka tidak dapat disebutkan di sini kerana pendedahan seumpama itu adalah dilarang di bawah seksyen 18 (1) Akta Insurans, 1963. Bagaimanapun, orang ramai dan syarikat-syarikat yang membeli insurans dari syarikat-syarikat insurans yang mengalami

masalah kewangan itu tidak perlu bimbang kerana syarikat-syarikat insurans itu masih berkeupayaan untuk meneruskan perniagaan mereka. Di samping itu, Bank Negara Malaysia sedang membuat pengawasan rapi ke atas syarikat-syarikat tersebut bagi memperbaiki dan mengukuhkan semula kedudukan kewangan mereka secepat mungkin.

Di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang polisi insurans adalah sebagaimana berikut:

- (i) Mengarahkan syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan, menambahkan modal masing-masing ke paras yang munasabah dengan mengeluarkan saham-saham baru kepada pihak-pihak yang berkemampuan membelinya;
- (ii) Menggalakkan percantuman antara syarikat-syarikat insurans yang kecil bagi mengukuhkan kedudukan mereka;
- (iii) Memperbaiki pengkalan data industri insurans supaya prestasi setiap syarikat insurans dapat dikawal dan diawasi dengan cepat dari masa ke semasa;
- (iv) Menyemak perundangan mengenai insurans dan polisi-polisi yang sedia ada mengenai amalan insurans; dan
- (v) Meningkatkan taraf profesionalisma dalam industri insurans dengan meningkatkan kedudukan dan taraf latihan di Institut Insurans Malaysia.

PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO—TUDUHAN THE OBSERVER

37. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil terhadap suratkhbar Britain The Observer yang menyiarkan berita bahawa UMNO dan keluarga-keluarga yang ada hubungan rapat dengan UMNO telah menerima komisyen sebanyak \$450 juta sebagai rasuah untuk menandatangani Memorandum Persefahaman senjata sebanyak \$4,500 juta dengan Britain, dan kalau tidak mengapa; dan
- (b) sama ada Suruhanjaya Siasatan di Raja akan ditubuhkan untuk menyiasat tuduhan-tuduhan tersebut yang telah mencemarkan imej negara.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sebentar tadi, saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan saya itu.

SUNGAI YANG TERCEMAR BAHAN ORGANIK

38. Tuan Hu Sepang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah sungai yang ada di negara ini yang begitu tercemar sekali dengan bahan-bahan organik sehingga ia tidak selamat untuk diproses menjadi air paip dan adakah Menteri berkenaan sedar bahawa apabila air sungai yang begitu tercemar dengan bahan-bahan organik diubati dengan klorin akan menghasilkan "phenolic compounds" dan "organochlorine substances" yang akan menyebabkan kanser dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh

Kementeriannya untuk mencegah rakyat Malaysia daripada diracuni.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Dalam tahun 1988, sebanyak 86 lembangan sungai telah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar. Dari jumlah tersebut, hanya 4 lembangan sungai yang mengalami pencemaran bahan organik yang serius. Sebelas lagi didapati sedikit tercemar, dan yang lain adalah bersih atau bebas daripada pencemaran tersebut.

Antara 4 batang sungai yang serius termasuklah Sungai Juru, Sungai Kelang, Sungai Sepang dan Sungai Kemaman. Walau bagaimanapun, bagi sungai-sungai tersebut, hanya bahagian-bahagian tertentu sahaja yang tercemar, terutamanya di bahagian-bahagian yang menerima kumbahan dan buangan ternakan binatang.

Dari 4 batang sungai itu, hanya Sungai Kelang dan Sungai Kemaman yang digunakan untuk bekalan air minum. Sungguhpun begitu, kedudukan takat pengambilan air bagi sungai-sungai berkenaan adalah di bahagian hulunya yang didapati bebas dari pencemaran organik. Maka, masalah penghasilan bahan kanser seperti "phenolic compounds" dan "Organo-Chlorine" adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Sebagai satu langkah pencegahan, Kerajaan sedang dalam proses mengkaji dan sekiranya perlu, mengubah sistem pengolahan air kepada jenis sistem yang boleh mengelakkan dan menghapuskan ancaman ini.

(Soalan No. 39. Sila lihat jawapan No. 19).

**PAKATAN SULIT DALAM
UMNO/KABINET-KENYATAAN
AHLI PARLIMEN ARAU**

40. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada

polis telah menjalankan apa-apa siasatan berhubung kenyataan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Arau dalam sidang terakhir Dewan Rakyat yang lalu bahawa terdapat satu pakatan sulit (grand design) dalam UMNO dan Kabinet untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar bin Baba menerusi penggunaan jentera Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Jika dakwaan itu telah dijalankan siasatan, apakah hasilnya, jika tidak ada siasatan, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Oleh kerana tidak ada sebarang laporan yang dibuat oleh mana-mana pihak pun berkaitan dengan isu "grand design" sepertimana yang dibangkitkan itu, maka pihak berkuasa Polis tidak dapat menjalankan sebarang siasatan ke atas perkara berkenaan.

AKTA PILIHANRAYA—MEMINDA

41. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak meminda Akta Pilihanraya sebagai langkah menghalang mana-mana Ahli Parlimen/Dewan Negeri meletak jawatan sesuka hati tanpa sebab-sebab yang munasabah, kalau ya, bilakah pindaan itu akan dibuat.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Perkara ini masih dalam kajian.

**PELAJAR BIASISWA KERAJAAN
DI LUAR NEGERI**

42. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) jumlah bilangan pelajar yang menuntut di luar negeri pada tahun 1987 dan 1988;
- (ii) bilangan mereka yang menuntut atas biasiswa Kerajaan (baik Kerajaan

pusat mahupun Kerajaan negeri) dalam tempoh yang sama;

- (iii) bilangan pelajar yang ber-biasiswa Kerajaan yang tidak dapat meneruskan pelajarannya pada tahun 1987 dan 1988; dan
- (iv) jumlah pembaziran biasiswa yang telah disia-siakan itu akibat (iii).

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (1) Bilangan pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang menuntut di luar negeri pada tahun 1987 adalah seramai 1,224 orang dan pada tahun 1988 seramai 929 orang.
- (2) Bilangan pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang tidak dapat meneruskan pengajian kerana sebab-sebab kegagalan dan sebab-sebab lain pada tahun 1987 dan 1988 adalah seramai lapan (8) orang pelajar.
- (3) Jumlah perbelanjaan biasiswa yang telah dikeluarkan kepada lapan (8) orang pelajar berkenaan adalah sebanyak \$705,212.00.

LAWATAN KE CHINA—SYARAT DIKENAKAN

43. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi lawatan ke China oleh rakyat Malaysia dan mengapa terdapat satu keperluan untuk mengenakan syarat-syarat seumpama itu dan sama ada Kementerian bersedia untuk maksud berjalan dengan bebas ke China oleh rakyat Malaysia tetapi juga untuk memulih dan mempertingkatkan sepenuhnya perhubungan antara Malaysia dan China;

- (b) berapa banyak agen pelancongan dan perjalanan yang telah didaftarkan sehingga kini dengan Kementerian Dalam Negeri dan berapa banyak yang telah diberikan kebenaran berkumpulan ke China sehingga hari ini;
- (c) jumlah bilangan rakyat Malaysia dibenarkan untuk pergi ke China bagi lawatan sosial bagi (i) tahun lalu; dan (ii) sehingga akhir Mei 1989;
- (d) jumlah bilangan rakyat Malaysia yang dibenarkan melawat China sebagai pelancong bagi (i) tahun lalu dan (ii) sehingga akhir Mei; dan
- (e) jumlah bilangan rakyat Malaysia dibenarkan melawat ke China bagi lawatan sosial dan sebagai pelancong berikutan kelonggaran had umur baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Syarat-syarat yang dikenakan ialah seperti di bawah:
 - (i) Rakyat Malaysia itu berumur lebih 30 tahun.
 - (ii) Mereka hendaklah lulus tapisan keselamatan.
 - (iii) Mereka dibenarkan pergi dalam kumpulan antara 10-20 orang untuk tidak melebihi 14 hari.
 - (iv) Mereka pergi dengan urusan agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri.

Syarat-syarat ini dikenakan untuk menentukan rakyat Malaysia yang melancong itu dapat diuruskan dengan baik, teratur dan selamat.

- (b) Setakat ini sebanyak 15 buah agen pelancongan telah berdaftar di Kementerian dan

dibenarkan menguruskan pe-
lancongan ke Negeri China.

- (c) (i) 7,882
(ii) 2,280
- (d) Kebenaran untuk rakyat
Malaysia melancong ke Negeri
China bam dikuatkuasakan
pada 2hb Jun 1989 dan setakat
ini belum ada rakyat Malaysia
memohon lagi.
- (e) Belum ada lagi.

GRADUAN MENGANGGUR

44. Tuan Samson Chin Chee Tsu
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah graduan-graduan yang
masih menganggur di Negeri
Sabah untuk tahun 1986, 1987
dan 1988; dan
- (b) apakah peringkat-peringkat
kemajuan kepada tanah seluas
5,000 ekar yang telah diluluskan
oleh Kerajaan Negeri Sabah
yang bertujuan untuk menolong
meringankan masalah graduan-
graduan menganggur di negara
ini.

**Raja Dato' Ariffn bin Raja
Sulaiman:** Anggaran yang dibuat
berasaskan kepada Penyiasatan
Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan
menunjukkan seramai kira-kira 400
siswazah (ijazah/diploma) yang
menganggur di Sabah pada tahun 1986
dan jumlah ini meningkat kepada 550
pada tahun 1987. Maklumat lengkap
untuk tahun 1988 masih belum
diperolehi. Adalah dimaklumkan
bahawa jumlah ini hanya berasaskan
kepada sampel isirumah dan bukan
merupakan satu bancian menyeluruh.
Oleh itu, jumlah ini hanya dapat
memberi satu gambaran kasar
mengenai pengangguran di kalangan
siswazah di Sabah.

Mengenai (b) perkara ini adalah di
bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri

Sabah. Pada masa ini Kerajaan Pusat
tidak dimaklumkan mengenainya.

DIPLOMA KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN— PENGIKTIRAFAN

45. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta
Menteri Pendidikan menyatakan
apakah Kerajaan sudah mengiktiraf
kelulusan dan Diploma daripada Kolej
Tunku Abdul Rahman. Jika sudah
diiktiraf diploma apakah yang
diiktiraf. Jika belum apakah Kerajaan
akan mengiktiraf diploma Kolej
Tunku Abdul Rahman sebagaimana
tuntutan Parti MCA.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk
makluman Ahli Yang Berhormat,
Kerajaan telah pun mengiktiraf empat
kelayakan daripada Kolej Tunku
Abdul Rahman iaitu dua di peringkat
Diploma dan dua lagi di peringkat
Sijil. Diploma yang telah diiktiraf
ialah Diploma Perdagangan (Per-
akaunan Kewangan) dan Diploma Per-
dagangan (Pengurusan Perniagaan)
manakala Sijil yang telah diiktiraf ialah
Certificate in Computer Studies dan
Certificate in Computing with
Accounting.

MESYUARAT KETUA- KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI MALAYSIA

46. Tuan Ahmad bin Omar minta
Menteri Luar Negeri menyatakan
kemajuan persiapan yang telah dibuat
sehingga ini untuk memastikan
kejayaan Persidangan Ketua-ketua
Negara Komanwel di Malaysia pada
bulan Oktober, nanti. Adakah
masalah-masalah rumit yang
timbulkan oleh negara-negara ahli/
peserta sehingga ini.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che
Wan:** Persiapan untuk Mesyuarat
Ketua-ketua Kerajaan Komanwel

pada 18 hingga 24 Oktober 1989 ini sedang berjalan lancar dan berada ditahap yang memuaskan. Semua tempat-tempat yang akan didiami dan dilawati oleh tetamu-tetamu negara ini sedang ditingkatkan keadaannya termasuk hotel-hotel terkemuka yang akan didiami oleh mereka, jalanraya-jalanraya, tempat-tempat penting dan bersejarah, tempat-tempat rekreasi dan juga tempat mesyuarat itu sendiri iaitu Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Tempat Perentian (Retreat) Ketua-ketua Kerajaan di Langkawi juga sedang dipertingkatkan dan dipindahkan untuk mereka. Ini akan memberi manfaat kepada negara bukan sahaja untuk CHOGM tetapi untuk tahun selanjutnya terutama sekali pada tahun 1990 iaitu Tahun Melawat Malaysia.

Sehingga masa kini, tiada masalah-masalah rumit yang ditimbulkan oleh negara-negara ahli dan segala masalah kecil yang timbul telah dapat diselesaikan dengan memuaskan.

LAWATAN PERDANA MENTERI JEPUN KE MALAYSIA

47. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil-hasil dari lawatan Perdana Menteri Jepun ke Malaysia baru-baru ini khususnya dari segi menaifatnya kepada Malaysia.
- (b) apakah lawatan Perdana Menteri Jepun itu menjamin Malaysia bahawa dari segi ekonomi perdagangan dua hala kita dengan Jepun akan menguntungkan Malaysia;
- (c) apakah jaminan Jepun mengenai nilai matawang yen berbanding dengan nilai ringgit; dan

- (d) apakah semua janji-janji Jepun ini pasti terlaksana di kacamata Malaysia.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan:

- (a) Semasa lawatan Perdana Menteri Jepun ke Malaysia pada 2-3 Mei 1989, satu perbincangan diadakan mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Kerajaan telah membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia akibat daripada kenaikan nilai matawang Yen. Kerajaan Jepun telah menyatakan bahawa memandangkan kepada masalah-masalah tersebut kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman baru ke Malaysia diturunkan ke paras 2.9% dari 3.5%. Cadangan Kerajaan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang diambil terlebih dahulu di atas kadar faedah yang melebihi 3.5% dengan pinjaman baru atas kadar 2.9% tidak disambut baik oleh pihak Jepun. Perundingan lanjut akan diteruskan dengan Kerajaan Jepun.

Perkara-perkara dua hala seperti alam sekitar, Dasar Pandang ke Timur dan bantuan untuk projek perikanan pantai laut turut juga dibincangkan oleh kedua-dua pihak. Kerajaan Jepun juga telah bersetuju memberi satu gran bernilai M\$5 juta untuk membeli sebuah projektor bagi kegunaan Pusat Kebangsaan Angkasalepas.

- (b) Perdana Menteri Jepun telah memberi jaminan bahawa perdagangan dua hala akan terus dibenarkan secara bebas.
- (c) Mengenai kadar pertukaran matawang asing, pihak Jepun tidak memberi apa-apa jaminan

sama ada nilai matawang Jepun boleh ditetapkan jika dibandingkan dengan nilai ringgit.

- (d) Soalan pelaksanaan janji-janji Perdana Menteri Jepun tidak menjadi masalah kerana janji-janji tersebut adalah dijamin oleh Kerajaan Jepun.

PENGGREDAN SEKOLAH-SEKOLAH

48. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan;

- (a) kriteria-kriteria yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan untuk menggredkan sekolah-sekolah di negara ini; dan
- (b) jumlah sekolah yang dinaikkan dan yang diturunkan gred mengikut aliran dari tahun 1980 hingga 1989.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Penggredan sekolah-sekolah di negara ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria. Bagi sekolah rendah kriteria penggredan dibuat hanya berdasarkan kepada bilangan murid sesuatu sekolah tersebut. Sementara bagi Sekolah Menengah penggredan dibuat berdasarkan kepada empat kriteria:
- (i) Bilangan murid;
 - (ii) Bilangan kelas tingkatan 3;
 - (iii) Sama ada wujud atau tidak kelas tingkatan 5; dan
 - (iv) Sama ada wujud atau tidak kelas tingkatan 6.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat urusan penggredan ini diadakan pada setiap tahun semasa pemeriksaan anggaran belanjawan tahunan diadakan, tetapi sesebuah sekolah hanya digred semula di dalam tempoh dua tahun.

- (b) Bilangan sekolah rendah semua aliran yang dinaikkan gred bagi tahun-tahun 1980 hingga 1989 adalah sebanyak 816 buah sementara bilangan sekolah rendah yang telah diturunkan gred dalam tahun-tahun yang sama ialah 303 buah.

Bagi sekolah menengah pula bilangan sekolah yang dinaikkan grednya ialah sebanyak 590 buah dan bilangan sekolah yang diturunkan gred ialah 13 buah.

PELAJAR TAJAAN KERAJAAN DALAM/LUAR NEGERI

49. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan pelajar di peringkat pelajaran tinggi yang mendapat biasiswa Kerajaan di institusi dalam dan luar negeri dari tahun 1985 hingga hari ini mengikut aliran pengajian; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negeri yang telah menyeleweng dari tujuan kursus pengajian mereka.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bilangan pelajar tajaan Kementerian Pendidikan di peringkat universiti di universiti-universiti tempatan dari tahun 1985

hingga 1988 mengikut bidang pengajian adalah:

<i>Kursus</i>	<i>Jumlah</i>
(i) (a) Sastera/Pengajian Islam/Ekonomi	3,563
(b) Sains	552
Jumlah ..	4,115

(ii) Bilangan pelajar tajaan Kementerian Pendidikan di peringkat universiti yang dihantar ke luar negeri dari tahun 1985 hingga 1988 mengikut bidang pengajian adalah:

<i>Kursus</i>	<i>Jumlah</i>
(a) TESL ..	288
(b) Bahasa Arab	51
(c) Sastera ..	13
Jumlah ..	352

2. Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri adalah ditugaskan untuk mengawasi prestasi pengajian pelajar-pelajar tajaan Kerajaan di luar negeri. Pelajar-pelajar yang didapati melanggar syarat-syarat tawaran biasiswa diambil tindakan termasuk menamatkan pengajian mereka dan menuntut gantirugi.

PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO—DAKWAAN THE OBSERVER

50. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang bebas bagi menyiasat dakwaan oleh Akhbar "THE OBSERVER" yang menuduh bahawa Kerajaan Britain akan atau memberi komisen lebih kurang 300 juta kepada UMNO baru dan 200 juta kepada ejen dan golongan tertentu hasil daripada

pembelian senjata 4.3 juta daripada Britain.

Apakah benar harga "TORNADO" jenis yang sama dibeli dengan murah oleh Kerajaan German Barat dan Britain dengan harga 17 juta pound dan 20 juta pound manakala harga yang mahal oleh Kerajaan Malaysia iaitu 40 juta pound, Memandangkan Kontrovesi isu ini, apakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan cadangan pembelian senjata dari Britain.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sebenar tadi, saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan yang itu.

TELEFONAWAM—PEMASANGAN DI BUKIT MERTAJAM

51. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Pos dan Telekom menyatakan:

- (a) perkembangan terbaru berhubung dengan permohonan daripada Ahli Parlimen kawasan Bukit Mertajam kepada Syarikat Telekom Malaysia untuk memasang telefon awam di tempat-tempat berikut:

<i>Tarikh Permohonan</i>	<i>Tempat Pemasangan</i>
2-9-87	Kg Besar, Bukit Mertajam
19-6-88	Bukit Kecil, Bukit Mertajam
18-12-88	Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam
21-12-88	Jalan Rohzan, Bukit Mertajam

- (6) apakah keputusan pihak STM terhadap permohonan tersebut dan;
- (c) apakah keputusan STM terhadap permohonan yang dibuat oleh Guru Besar S.R.J.K.

Jit Sin, Bukit Mertajam untuk memasang sebuah teleton awam di sekolah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga Pos dan Telekom (Tuan Ong Tin Kim): Berhubung dengan kes Kg. Besar dan Bukit Kecil, STM tidak mempunyai apa-apa rekod mengenai permohonan berkenaan.

Bagi Taman Sri Rambai, tiga buah telefon awam yang tersedia ada pada masa kini adalah memadai bagi memenuhi keperluan manakala 3 buah pondok telefon di Jalan Rohzan didapati memenuhi keperluan.

Mengenai permohonan dari Guru Besar sekolah yang tersebut itu, tindakan sedang diambil bagi memasang sebuah pondok telefon di kawasan berkenaan.

PILIHANRAYA KECIL— PERBELANJAAN

52. Tuan Haji Nik Abdullah Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk mengadakan pilihanraya kecil di Johor Bahru, Parit Raja, Ampang Jaya dan Bentong;
- (b) selain dari SPR adakah perbelanjaan lain yang Kerajaan terpaksa tampung untuk pilihanraya kecil itu dan berapakah jumlahnya; dan
- (c) selain dari bebanan kewangan, apakah beban lain yang terpaksa dihadapi sehingga menyebabkan Kerajaan memikirkan untuk meminda Akta Pilihanraya bagi mengelakkan pilihanraya kecil yang tidak disebabkan oleh wakil rakyat.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengadakan beberapa pilihanraya kecil adalah seperti berikut:

- (i) JohorBahru—\$45,360.00
- (ii) Parit Raja—\$39,855.00
- (iii) Ampang Jaya—\$53,610.00
- (iv) Bentong—\$59,420.00.

- (b) Selain dari Suruhanjaya Pilihanraya beberapa buah Jabatan Kerajaan telah juga mengeluarkan belanja untuk pilihanraya kecil tersebut. Jabatan-jabatan tersebut ialah seperti Polis, Tentera, Pejabat Daerah, Jabatan Penerangan dan Jabatan Cetak, Suruhanjaya tidak mempunyai butir-butir perbelanjaan yang ditanggung oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

- (c) Kerajaan tidak bermaksud untuk menghalang pilihanraya kecil daripada diadakan untuk mengisi sebarang kekosongan yang berlaku disebabkan oleh kematian wakil rakyat yang berkenaan atau perletakan jawatan oleh wakil rakyat disebabkan oleh hilang kelayakan atau tidak ada kemampuan wakil rakyat untuk meneruskan khidmatnya atas sebab-sebab yang munasabah seperti kesihatan dan sebagainya. Apa yang Kerajaan tidak gemar ialah perletakan jawatan oleh wakil rakyat tanpa sebab-sebab yang munasabah seperti yang dinyatakan itu kerana dengan perbuatan itu wakil-wakil rakyat yang berkenaan telah membelakangkan kepentingan rakyat dan negara dan lebih memikirkan kepentingan diri sendiri, suatu

perbuatan yang menunjukkan wakil rakyat itu mempersendakan mandat yang telah diberikan oleh rakyat di dalam satu pilihanraya yang sah. Wakil rakyat telah dipilih untuk berkhidmat kepada rakyat bukan untuk beradu tenaga dan memuaskan perasaan dan keangkuhan yang ada dalam diri masing-masing. Untuk mengelakkan daripada penyakit perletakan jawatan tanpa sebab yang jelas daripada merebak maka Kerajaan sedang mengkaji untuk meminda perlembagaan jika perkara ini difikirkan perlu.

HICOM—KERUGIAN TERKUMPUL

53. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh **HICOM** sejak pembentukannya sehingga 30-4-1989. Apakah punca-punca utama bagi kerugian ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menebus kerugian ini, dan sama ada tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat dengan amalan-amalan curang di **HICOM**.

Datuk Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Jumlah kerugian terkumpul **HICOM** sehingga 30 April 1989 tidak dapat diumumkan kerana penyata kewangan tersebut belum lagi diaudit. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Mac 1988, kerugian terkumpul **HICOM** berjumlah \$436.09 juta.

Di antara punca-punca utama kerugian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Projek-projek **HICOM** merupakan projek industri berat yang memerlukan tempoh kematangan yang lama (long gestation period) untuk mendatangkan pulangan atau keuntungan;

- (ii) kenaikan nilai matawang Yen Jepun telah menyebabkan jumlah faedah pinjaman meningkat;
- (iii) kemelesetan ekonomi yang dialami beberapa tahun kebelakangan ini membawa kesan kepada pasaran keluaran projek-projek **HICOM**.

Dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan dan meningkatkan prestasi syarikat-syarikat **HICOM**, langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Menyusun semula pengurusan dan ekuiti syarikat;
- (ii) memperluaskan pasaran eksport di samping mencari pasaran-pasaran baru;
- (iii) usaha pinjaman semula (refinancing) Yen Jepun;
- (iv) mengkaji semula strategi pemasaran yang berkesan untuk meningkatkan lagi jualan;
- (v) mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber kewangan dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini tidak ada pegawai/kakitangan **HICOM** yang dilaporkan menyeleweng. Walau bagaimanapun tindakan sewajarnya akan diambil jika terdapat pegawai/kakitangan **HICOM** yang berkelakuan demikian.

UJIAN MEMANDU—SYARAT PAKAIAN

54. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada tindakan tatatertib atau sebarang tindakan lain yang dikenakan kepada Pegawai-pegawai Kanan yang berkenaan di Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Wilayah Persekutuan yang melarangkan pemandu-pemandu

berlatih daripada menyertai ujian-ujian pandu dengan syarat-syarat pakaian yang tidak berpatutan. Bolehkah tindakan pegawai-pegawai berkenaan ini dianggap sebagai satu pencabulan hak-hak asasi kemanusiaan orang rakyat Malaysia. Jika pegawai-pegawai berkenaan disaman oleh pemandu-pemandu yang dilarangkan mengambil ujian pandu itu, bolehkah Menteri Pengangkutan memberitahu sama ada atau tidak wang Kerajaan iaitu wang rakyat akan diboroskan lagi untuk mempertahankan pegawai-pegawai berkenaan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya ingin menegaskan pada masa ini tidak ada etika pakaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan atau Jabatan Pengangkutan Jalan bagi calon-calon yang ingin mengambil ujian memandu.

Perkara ini telah pun diberi penjelasan melalui media massa. Apa yang terjadi merupakan salah faham semata-mata dan perkara ini telah diperbetulkan dengan serta-merta. Oleh itu, perkara tindakan tatatertib tidak berbangkit.

SEKOLAH MENENGAH ASSUNTA, PETALING JAYA— AJARAN AGAMA KRISTIAN

55. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Pendidikan Agama Kristian di sekolah-sekolah yang berasal daripada "Christian Missionary Schools" dilarangkan sekarang. Bukankah sudah ada suatu perjanjian antara pihak Kementerian Pendidikan dan pihak "Christian Missionary Schools" di mana sekolah-sekolah sebegini diizinkan memberi pendidikan agama Kristian diambilalih oleh Kementerian Pendidikan pada masa dahulu. Apakah sebab-sebabnya Sekolah Menengah Perempuan Assunta di Petaling Jaya dilarangkan memberi Pendidikan

Agama Kristian dengan serta-merta pada hujung bulan Mei 1989.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala pengajaran agama selain dari Agama Islam adalah tertakluk kepada Akta Pelajaran Tahun 1961 Perenggan 38 (a) dan (6).

Bagi Sekolah Menengah Assunta, Petaling Jaya, pengajaran Agama Kristian sebelum 31-5-1989 telah diadakan di waktu sekolah dengan menggunakan kemudahan-kemudahan sekolah. Ini adalah tidak sejajar dengan peruntukan dalam Akta Pelajaran Tahun 1961 Perenggan 38 (a) dan (6). Walau bagaimanapun, jadual waktu sekolah tersebut telah disesuaikan supaya pelajaran tersebut diajar di luar waktu sekolah tanpa menggunakan kemudahan kerajaan.

TABUNG PUSINGAN USAHAWAN BANTU SISWAZAH

56. Tuan Chew Kam How minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Sejauh manakah Tabung Pusingan Usahawan' Baru itu berjaya membantu siswazah menganggur menjalankan kegiatan ekonomi sejak ia ditubuhkan; dan
- (b) Apakah kriteria untuk memohon mendapatkan pinjaman untuk menjalankan kegiatan ekonomi.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tabung Pusingan Usahawan Baru bagi membantu Siswazah untuk memulakan perniagaan dan perusahaan atau membesarkan usahaniaga, baru sahaja dilancarkan pada bulan Mac, 1989. Memandangkan Tabung ini baru dilancarkan maka adalah sukar untuk

menilai kekesanannya dalam membantu siswazah menganggur menjalankan kegiatan ekonomi.

- (a) Kriteria untuk memohon pinjaman adalah seperti berikut:
- (1) Warganegara Malaysia dari keturunan Melayu atau Bumiputera lain.
 - (2) Mempunyai ijazah/diploma dari Universiti/Institusi Pengajian Tinggi dari dalam atau luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
 - (3) Mempunyai rancangan perniagaan/perusahaan yang berdayamaju yang boleh dimulakan sepenuhnya dalam tempoh 6 bulan.
 - (4) Mempunyai lesen/permit/surat kebenaran dari pihak berkuasa berkenaan bagi perniagaan tersebut.
 - (5) Telah memulakan perniagaan sendiri dan memerlukan modal tambahan untuk membesarkan perniagaan dan perniagaan telah berjalan selama tidak lebih dari satu tahun.
 - (6) Pemohon mestilah dapat menyumbangkan modal sendiri yang berpatutan mengikut kos sesuatu projek; sekurang-kurangnya 5%.
 - (7) Mempunyai pengetahuan perniagaan dan keutamaan akan diberi kepada mereka yang telah mengikuti kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh institusi/agensi Kerajaan.

(8) Mereka yang belum mempunyai pekerjaan tetap, khas bagi mereka yang baru hendak memulakan perniagaan.

(9) Mematuhi syarat-syarat pinjaman.

INDUSTRI MAKLUMAT KOMPUTER

57. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menjelaskan tentang:

- (a) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang disumbangkan oleh Industri Maklumat (Komputer di negara ini tahun 1987 dan 1988); dan
- (6) Apakah langkah yang telah dan sedang diambil ke arah perluasan industri bermaklumat untuk jangka panjang oleh Kementerian ini.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Mengikut klasifikasi sektor-sektor ekonomi di bawah Sistem Akaun Negara, Industri Maklumat Komputer adalah hanya merupakan salah satu komponen kecil di bawah sektor perkhidmatan perniagaan. Anggaran kasar oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sumbangan atau nilai ditambah Industri Maklumat Komputer kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 1987 dan 1988 adalah dalam lingkungan sebanyak \$8 hingga \$9 juta. Anggaran kasar ini juga mendapati bahawa pada tahun 1987 industri tersebut berkembang pada kadar lebih kurang 12 peratus dan dijangka terus meningkat lagi dalam tahun 1988 selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara

yang pesat dan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya komputer.

- (b) Industri Maklumat Komputer adalah salah satu bidang perniagaan baru yang ingin dimajukan oleh Kerajaan memandangkan potensi pertumbuhan industri tersebut yang menggalakkan. Selaras dengan hasrat tersebut, Kementerian Kewangan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah pun mengambil langkah untuk memberi status Taraf Perintis yang membenarkan pengecualian cukai selama 5 tahun termasuk kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan pembangunan peralatan-peralatan perisian komputer (software) dan juga pemasangan komputer dan aktiviti yang berkaitan dengannya. Permohonan untuk melanjutkan pemberian Taraf Perintis sehingga ke sepuluh tahun akan juga diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Di samping itu, seperti industri-industri yang lain syarikat-syarikat yang terlibat dengan pembangunan peralatan perisian komputer juga boleh memohon untuk mendapatkan elaun cukai pelaburan sehingga 100 peratus di bawah Akta yang sama.

PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO—TUDUHAN THE OBSERVER

58. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil tindakan guaman terhadap "The Observer" bagi laporan mereka dalam majalah mereka yang bertarikh 7 Mei, 1989 yang menyatakan perniagaan senjata api bernilai \$4.5 billion antara

Malaysia dengan Britain di mana \$300 juta telah diberi kepada UMNO dan \$220 juta kepada ejen-ejen dan keluarga-keluarga golongan atasan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sebentar tadi, saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan saya itu.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA—MAKLUMAT

59. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Perihal maklumat yang diterima oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), pihak-pihak manakah dalam pentadbiran Kerajaan yang berkuasa menerima dan mengetahui maklumat yang sama. Di segi darjat kerahsiaan, apakah kedudukan maklumat yang dibekal kepada MPEN;
- (b) adakah beliau sedar bahawa maklumat-maklumat yang tidak lengkap diberi kepada MPEN. Jika sedar, apakah tindakan untuk memperbetulkannya. Jika tidak, apakah usaha untuk menjayakan MPEN.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Berkaitan dengan soal data dan maklumat yang terlibat, pentadbiran Kerajaan yang berkuasa menerima dan mengetahui maklumat yang diterima oleh Majlis perundingan Ekonomi Negara (MPEN) adalah Unit Perancang Ekonomi sebagai urusetia, kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang menjadi

pakar rujuk serta agensi lain yang ada kaitan dengan maklumat yang diberikan. Sebagaimana yang telah dipersetujui dan dinyatakan dalam Urusan Persidangan Majlis, semua perbincangan Majlis adalah tertutup dan ahli-ahli Majlis adalah bertanggungjawab merahsiakan segala maklumat dan bahan-bahan perbincangan Majlis serta tidak mengumumkan kepada mana-mana pihak di luar MPEN. Peraturan ini dibuat semata-mata untuk memberi sepenuh kebebasan kepada Majlis berbincang dengan fikiran terbuka dan dari hati ke hati.

- (b) Maklumat-maklumat yang diberikan kepada ahli-ahli MPEN adalah setakat yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan. Ahli-ahli MPEN tidak harus mengambil sikap bahawa hanya Kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan data dan maklumat bagi tujuan MPEN. Jika ahli-ahli Majlis tidak puas hati dengan maklumat Kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengemukakan data dan maklumat sendiri bagi menyokong dan membuktikan pandangan-pandangan yang mereka berikan.

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebelum ini, Kerajaan bersedia menerima cadangan-cadangan pihak Majlis yang diasaskan kepada "consensus".

EKPOSISI BANDARAYA BERSEJARAH MELAKA— ADUAN PESERTA

60. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil terhadap

laporan Polis No. 333/89 dan 334/89 yang dibuat di Balai Polis Air Keroh oleh peserta-peserta dalam Exposisi Bandaraya Bersejarah Melaka (yang dianjurkan oleh Procept S/B dan disokong oleh Kerajaan Negeri Melaka) bahawa mereka telah ditipu dan kalau tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan yang dibuat itu adalah mengenai perbalahan untuk mendapatkan tapak gerai dan kes ini telah dirujuk ke mahkamah untuk tindakan sivil,
- (ii) Bagi kes kedua ini adalah repot keciciran kad GIRO dan lesen memandu. Sehubungan dengan itu pihak Polis telah menasihatkan pengadu supaya berhubung dengan pihak-pihak tertentu seperti Bank Simpanan Nasional dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menyelesaikan kesalahan beliau.

(Soalan No. 61. Sila lihat jawapan No.19).

NOTIS MENGENAI USUL PENGHARAMAN JUDI

3.35 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Saya ingin merujuk kepada Peraturan 18 (1), kerana saya ada menghantar satu notis kepada Tuan Yang di-Pertua bertarikh 17hb dan salinan kepada Setiausaha Dewan Rakyat, Dengan Tangan, mengenai dengan satu Usul untuk dikemukakan iaitu Usul bagi memohon Dewan yang mulia ini membahas dan meluluskan satu Usul mengenai dengan pengharaman judi di negara kita ini.

Surat ataupun notis ini telah pun saya sampaikan melalui tangan tetapi

saya dimaklumkan ianya dibuka oleh Tuan Yang di-Pertua pada jam 12.00 hari ini, tetapi takkanlah pihak Setiausaha juga buka surat saya jam 12.00 juga. Walau macam manapun, saya ingin mendapat kepastian sama ada saya dapat membentangkan Usul ini pada esok hari, iaitu Usul bagi memohon supaya Dewan ini meluluskan suatu Usul supaya judi diharamkan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dihantarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukannya seperti lazim dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), manakala sesuatu Usul yang berkehendakkan 4 jam notis dalam perkara ini hendak dihantarkan ke pejabat saya. Maka hendaklah diberitahu bahawa Usul itu adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), bukannya dimasukkan ke dalam satu sarung surat yang dicampurkan bersama-sama dengan surat lain yang dihantarkan kepada saya dan saya tidak tahu bahawa perkara itu adalah perkara yang sangat mustahak. Yang demikian maka saya tidak membukakan sehingga pukul 12.30 tengahari ini.

Yang Berhormat dari Pasir Mas, selain daripada itu, bunyi Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu bukanlah yang dikehendaki di bawah Peraturan 18 (1). Oleh yang demikian, saya telah meminta Setiausaha II Parlimen ini berurus dengan Ahli Yang Berhormat supaya membetulkan borang itu supaya boleh dikemukakan pada lain hari.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk berbahas dengan Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker Dewan Rakyat dan saya tertarik dengan penjelasan Tuan Yang di-Pertua tadi

kerana pada hari Sabtu, 17hb di waktu saya menghantar notis melalui seorang kakitangan pejabat saya. Pada waktu itu semua kakitangan difahamkan ada majlis, tetapi hari itu hari kerja dan mengikut apa yang saya dimaklumkan beliau menunjukkan kepada pihak yang menerima surat tersebut mengenai dengan kandungan Usul tersebut.

Begitu juga satu lagi salinan dihantar kepada Setiausaha, yang saya anihnya macam mana dua-dua boleh buka surat ini pada hari ini pukul 12.00. Jadi ini satu keanihan dan saya rasa dukacita. Saya tidak bercadang untuk menggunakan Dewan ini dengan niat yang tidak baik tetapi cadangan untuk membahaskan satu Usul yang saya kemukakan ini saya rasa mengikut Peraturan, sebab saya melihat Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa di waktu mengemukakan Usul di bawah peruntukan yang sama bagi membahaskan mengenai dengan Salman Rushdie yang menghina Islam dalam bentuk yang lebih kurang beginilah yang dikemukakan. Oleh itu saya memohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bertolak ansur kerana kita ini jenis sifat manusia yang sentiasa bertolak ansur tetapi dengan harapan supaya apa yang saya kemukakan ini boleh saya membentangkan besok dengan tidak ada apa-apa lagi pindaan. Ianya lebih kurang bentuknya tidaklah ada perbezaan sangat kerana ini bagi kepentingan orang ramai kerana banyak resolusi-resolusi dibuat oleh Persatuan Alim Ulama, Majlis Belia Malaysia serta macam-macam pertubuhan yang meminta judi ini diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat, saya akan timbangkan dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat pada esok hari.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI- INSTITUSI KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi masa untuk baca, faham satu Bil yang begitu penting dan tebal—lebih dari 200 muka. Oleh kerana saya dengar bahawa hasrat Kerajaan ialah untuk membentangkan dan membahaskan Rang Undang-undang ini esok, adalah lebih adil untuk semua pihak supaya boleh faham. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang tidak dapat dibincangkan perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi beliau boleh beri jaminan atau mungkin timbang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh membincangkan perkara ini pada masa sekarang ini, bukan' peraturannya. Ada Bil yang lain-lain lagi.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, KAWALAN PERTUKARAN WANG, INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu

Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menimbang serta memberi persetujuan kepada cadangan bagi meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 pada mulanya dikenali sebagai Akta "Pendaftaran Juruukur 1967. Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967 dan mula berkuatkuasa pada 10hb November, 1973. Dengan wujudnya Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang berkuatkuasa pada 4hb Februari, 1981, Akta Pendaftaran Juruukur 1967 telah pun dipinda menjadi Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dan mula berkuatkuasa pada 5hb Februari, 1982.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendaftaran Juruukur Bahan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia adalah diwajibkan untuk menyelenggara suatu buku daftar Juruukur Bahan serta mengawal tata kelakuan dan kesusilaan profesion ukur bahan. Daripada pengalaman menguatkuasakan Akta ini, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia mendapati bahawa peruntukan di bawah beberapa seksyen Akta perlu diperkemas untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Di samping itu, Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan juga berpendapat bahawa beberapa seksyen baru perlu diadakan untuk meliputi perkara-perkara penting yang tidak disentuh dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang.

Pindaan-pindaan kepada Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 yang dicadangkan melibatkan pindaan kepada tajuk ringkas, tajuk panjang, 16 Seksyen dan Jadual Akta yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk ringkas dan tajuk panjang Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dipinda untuk memperuntukkan dengan lebih jelas lagi tujuan Akta dan fungsi Lembaga Juruukur Bahan yang tidak terhad kepada pendaftaran juruukur bahan sahaja. Selain daripada pendaftaran, Lembaga Juruukur Bahan juga diwajibkan mengawal tata kelakuan, kesusilaan dan lain-lain tata laku profesion ukur bahan.

Seksyen 2 Akta yang ada sekarang tidak mempunyai takrif istilah, dengan izin, "bodies corporate practising as consulting Quantity Surveyors". Pindaan ini bertujuan memperuntukkan takrif tersebut yang mempunyai kaitan dengan pindaan kepada Seksyen 5, 6, 7A, 15 dan 25.

Seksyen 3 adalah mengenai pindaan kepada jumlah bilangan ahli-ahli Lembaga Juruukur Bahan. Ia ditambah dari 11 ke 17 untuk membolehkan perlantikan lebih ramai lagi perwakilan pihak-pihak sektor swasta dan institusi pengajian tinggi yang berkepentingan dengan tertakluk kepada Akta ini.

Dalam Akta yang ada sekarang, tidak ada peruntukan untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan memiliki harta alih atau tak alih. Sebab itu adalah dicadangkan Seksyen 4A ditambah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan bagi memperolehi harta alih dan harta tak alih. Kuasa juga diberi untuk meminjam atau mendapatkan wang bagi membiayai pembelian harta. Kuasa ini adalah diperlukan supaya membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan fungsi-fungsinya dengan wajar. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Akitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Seksyen 5 adalah mengenai pindaan ke atas isi kandungan buku Daftar ke atas pembahagiannya dipinda dari dua

bahagian kepada tiga Bahagian. Ia mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat dan butir-butir lain mengenai:

- (a) Juruukur Bahan Berdaftar;
- (b) Juruukur Bahan Berdaftar Sementara; dan
- (c) Firma atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding.

Segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga Juruukur Bahan dicatat dalam buku Daftar itu. Pindaan ini adalah untuk menyelaraskan seksyen tersebut dengan Seksyen 7A yang memperuntukkan pendaftaran firma-firma dan pertubuhan perbadanan-perbadanan.

Seksyen 7A adalah peruntukan bagi mewajibkan setiap firma atau pertubuhan perbadanan mendapatkan suatu permit daripada Lembaga Ukur Bahan sebelum menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding. Peruntukan yang ada hanya memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan untuk membuat peraturan ke atas pertubuhan perbadanan sahaja. Ini akan membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas firma-firma atau pertubuhan dan perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan Perunding.

Pindaan ini juga membenarkan arkitek berdaftar, jurutera berdaftar, penilai berdaftar dan juruukur tanah berdaftar menjadi Ahli Lembaga Pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding. Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan di dalam Seksyen 7A yang ada sekarang yang mensyaratkan bahawa Lembaga Pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan Perunding hendaklah terdiri dari Juruukur Bahan sahaja. Ini

adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Arkitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 8 baru adalah peruntukan baru yang diadakan bagi memastikan hanya Juruukur Bahan yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia sahaja berhak menyedia dan mengemukakan laporan kajian kemungkinan, anggaran permulaan dan lain-lain kepada mana-mana orang, pertubuhan atau pihak berkuasa dalam Malaysia. Ini adalah untuk memudahkan Lembaga Juruukur Bahan mengawal amalan profesion ukur bahan di Malaysia. Bagaimanapun, seksyen ini tidak melarang mana-mana arkitek, jurutera, juruukur tanah berlesen, penilai dan agen estet yang berdaftar daripada menyediakan atau mengemukakan laporan, anggaran dan lain-lain semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan amalan profesionnya.

Seksyen ini juga membenarkan seseorang Juruukur Bahan berdaftar untuk membuat dan mengemukakan penilaian apa-apa struktur, loji dan lain-lain semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan amalan profesionalnya. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Arkitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Seksyen 10 adalah pindaan untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mengadakan pemeriksaannya sendiri. Ini adalah untuk menentukan bahawa Juruukur Bahan yang berdaftar benar-benar berkelayakan. Seksyen 15 dipinda untuk menambahkan lagi alasan-alasan mengapa pendaftaran seseorang Juruukur Bahan itu boleh dibatalkan atau digantung oleh Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan. Pindaan ini dicadangkan juga memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan menggantung pendaftaran mana-mana

Juruukur Bahan berdaftar atau firma atau pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding sementara menunggu apa-apa siasatan oleh Lembaga Juruukur Bahan selama tidak lebih dari 6 bulan. Ini adalah untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan.

Pindaan ke atas Seksyen 17 adalah bagi memperuntukkan tempoh masa di mana seseorang Juruukur Bahan boleh memohon supaya pendaftarannya dimasukkan semula ke dalam buku Daftar. Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan dalam peruntukan yang sedia ada yang tidak menyentuh had tempoh masa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 24A adalah pindaan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan bagi mengenakan sekatan-sekatan ke atas pengambilan kerja seseorang yang tidak berdaftar sebagai Juruukur Bahan. Ini adalah untuk menentukan bahawa seseorang yang diambil bekerja sebagai Juruukur Bahan benar-benar berkelayakan. Pindaan kepada seksyen 25 ini dibuat bagi menentukan dengan jelas bahawa pelanggaran atas mana-mana satu kaedah yang dibuat oleh Lembaga Juruukur Bahan adalah dikira sebagai pelanggaran ke atas peruntukan Akta ini sendiri.

Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan dalam peruntukan yang sedia ada sekarang yang tidak jelas sama ada pelanggaran kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga Juruukur Bahan boleh dianggap sebagai pelanggaran peruntukan Akta.

Seksyen 26 dipinda bagi memperluaskan kuasa Lembaga Juruukur Bahan membuat kaedah-kaedah di bawah Akta untuk meliputi sebarang kaedah yang diperlukan bagi pelaksanaan fungsi-fungsi dan

perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Akta. Ini adalah bertujuan memperbaiki kelemahan peruntukan yang ada sekarang yang menghadkan kuasa Lembaga Juruukur Bahan membuat kaedah-kaedah mengenai perkara-perkara yang nyata yang dibenarkan oleh Akta sahaja.

Pindaan kepada Jadual dalam Akta ini adalah untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mewakili kuasanya tertakluk kepada sekatan-sekatan yang difikirkannya patut kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantiknya. Ini adalah untuk memperkemas perihal pentadbiran Lembaga Juruukur Bahan.

Demikianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua sebahagian daripada 13 pindaan ke atas seksyen-seksyen yang dicadangkan untuk dipinda. Seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda yang tidak disebut secara khusus adalah seksyen-seksyen yang bertujuan untuk memperkaskini seksyen-seksyen yang sedia ada dalam Akta yang berkuatkannya sekarang.

Dengan itu, saya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.58ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989 dan di samping itu saya ingin berucap secara ringkas untuk menyampaikan pendapat saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang telah dibentangkan tadi bertujuan untuk memperkenalkan 13 pindaan ke atas Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dan meringkas-kan tajuk Akta yang panjang supaya dikenali sebagai Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967.

Peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk mendaftarkan tidak sahaja Juruukur Bahan tetapi juga firma dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan untuk membuat peraturan menjalankan amalan Juruukur Bahan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya pada pendapat saya ialah satu langkah ke dalam arah yang betul.

Pada masa yang lalu hanya Juruukur Bahan orang perseorangan sahaja yang dibenarkan untuk didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967. Firma dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur "Bahan Perunding tidak boleh didaftarkan. Tetapi dengan keadaan sekarang yang cenderung untuk menubuhkan firma-firma dan pertubuhan perbadanan yang mengamalkan sebagai Juruukur Bahan Perunding untuk menampung industri pembinaan, pendaftaran mereka adalah perlu untuk membolehkan mereka menjalankan operasi dan juga memberi sumbangan kepada industri pembinaan.

Keperluan firma-firma dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding didaftarkan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Juruukur Bahan 1967 adalah juga untuk kepentingan orangramai, terutama pelanggan-pelanggan firma dan pertubuhan perbadanan ini. Tujuan meletakkan firma-firma dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding di bawah lingkungan kuasa Akta berkenaan ialah untuk membantu bagi mengatur dan mengawal perjalanan firma-firma dan pertubuhan perbadanan ini supaya mereka boleh memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna kepada pelanggan-pelanggan mereka dan dalam hubungan ini kepentingan pelanggan mereka boleh dilindungi.

Dalam cara ini mereka akan lebih berdisiplin dalam profesion mereka dan hanya firma Juruukur Bahan yang bertanggungjawab sahaja akan wujud untuk membantu industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta itu untuk memperuntukkan penambahan jumlah anggota-anggota Lembaga Juruukur Bahan supaya mempunyai representasi dari pihak-pihak tertentu yang tertakluk kepada Akta ini akan menghasilkan pentadbiran yang lebih cekap dan lebih baik dalam menjalankan fungsi-fungsi Lembaga. Adalah diharap bahawa pembesaran Lembaga akan membantu memastikan bahawa fungsi Lembaga akan dilaksanakan dengan lebih cekap dan untuk kepentingan, baik untuk pihak Juruukur Bahan atau orangramai yang berkenaan.

Kemasukan seksyen baru 8 di mana hanya Juruukur Bahan yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia berhak menyedia dan mengemukakan laporan kajian kemungkinan (feasibility study)

anggaran permulaan dan lain-lam kepada mana-mana orang, pertubuhan atau pihak berkuasa dalam Malaysia adalah satu tindakan dalam arah yang betul dan akan melindungi kepentingan Juruukur Bahan tempatan yang berdaftar.

Pindaan-pindaan kepada seksyen 10 (2) (c) Akta dan pengemukaan seksyen kecil baru (3), (4) dan (5) kepada seksyen 10 untuk memasukkan syarat-syarat tambahan untuk pendaftaran sebagai seorang Juruukur Bahan berdaftar atau berdaftar sementara tanpa diragukan akan membantu memastikan hanya rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan Juruukur Bahan boleh didaftarkan. Ini untuk melindungi kepentingan Juruukur Bahan tempatan berdaftar. Hal yang serupa, pengemukaan satu seksyen baru 24A ke dalam Akta asal untuk mengenakan sekatan-sekatan ke atas pengambilan kerja seseorang yang tidak berdaftar sebagai Juruukur Bahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini untuk menarik perhatian Kerajaan kepada keadaan-keadaan kehidupan Juruukur Bahan berdaftar dan berkelayakan yang ramai lagi masih menganggur di negara ini. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini akibat kemelesetan ekonomi, ramai Juruukur Bahan berkelayakan tidak berupaya dan tidak berjaya mendapatkan pekerjaan. Mereka yang bekerja pula telah diberhentikan kerja kerana banyak syarikat-syarikat telah menerima pukulan yang teruk akibat kemelesetan ekonomi. Ramai juga yang telah meninggalkan negara ini semasa tempoh kemelesetan untuk bekerja di negara-negara lain seperti negara Australia dan Hong Kong dan akibatnya kita kehilangan ramai orang yang berkebolehan ini.

Maka saya berpendapat bahawa Kerajaan patutlah mengambil berat

tentang mereka yang menganggur ini, khususnya ahli-ahli profesional ini dan mengkaji bagaimanakah baik cara mereka boleh diambil bekerja oleh Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang mana tenaga-tenaga profesional seperti ini diperlukan. Memandangkan pemulihan ekonomi sekarang adalah diharap semua Juruukur Bahan yang berkelayakan dan berupaya mendapat pekerjaan dan tidak perlu pergi ke luar negeri untuk bekerja. Dan jika banyak pekerjaan bagi Juruukur Bahan yang berkelayakan ini boleh disediakan maka institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita seperti Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi MARA yang menghasilkan Juruukur Bahan kita patutlah mengambil langkah untuk menambahkan bilangan tempat untuk mereka yang berminat dalam pengajian Juruukur Bahan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah merupakan pandangan saya secara ringkas terhadap Rang Undang-undang yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.10 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit perbahasan di dalam Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967.

Sungguhpun Rang Undang-undang ini terletak di atas meja hanya baharu sebentar tadi dan belum dapat hendak dibaca seterusnya, tetapi sekali imbas setelah saya mendengar huraian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhubungan dengan pindaan Akta

Pendaftaran Juruukur 1967 ini, saya berpendapat dan berharap dengan adanya pindaan-pindaan yang dibuat pada hari ini, Rang Undang-undang ini dapat berjalan dengan baik dan betul.

Sebagai huraian yang dikatakan dalam Fasal 4, Fasal 5 iaitu untuk menambah anggota-anggota Lembaga, dengan keadaan ini saya mengharapkan supaya ahli-ahli Lembaga yang benar-benar faham mereka ini duduk dalam Lembaga ini. Kita tidak mahu orang-orang yang duduk dalam Lembaga ini hanya untuk memenuhi masa, kerusi itu sahaja dan yang berkuasa hanya 4, 5 orang sahaja dan mereka menjadikan teman di dalam satu Dewan atau suatu mesyuarat sahaja.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 7A Akta untuk membolehkan Lembaga mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas firma dan pertubuhan perbadanan menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding ini. Ini juga supaya dapat benar-benar Juruukur ini tidak dapat dibeli ataupun disogok. Tentang Juruukur ini kadangkala banyak penyelewengan yang berlaku. Penyelewengan-penyelewengan ini apabila mereka ini menjalankan satu-satu usaha atau kerja umpamanya di tanah-tanah. Ini berlaku di kawasan-kawasan sama ada di luar bandar atau di dalam bandar apabila mereka ini menjalankan ukuran-ukuran kadangkala penyelewengan berlaku. Umpamanya, untuk meluruskan sungai, membuat jalan dan mengambil tanah-tanah yang telah digazetkan oleh pihak Kerajaan kadangkala mereka ini menjalankan tugas untuk mengukur, umpamanya sungai, kalau ada tanah itu kepunyaan orang miskin dan kepunyaan orang kaya, kadangkala Juruukur ini sengaja diukur tanah itu tidak kena tanah orang kaya tetapi kena ke tanah orang miskin yang ada satu dua ekar itu yang akan menjadikan tanah orang miskin itu

berkurangan dan tanah orang kaya ini lebih.

Contohnya banyak di Kuala Lumpur ini iaitu sungai umpamanya, di kawasan saya sendiri sungai di belakang di Jalan Kelang Lama iaitu kita melihatkan di sebelah kiri daripada Kuala Lumpur ini kelilingnya penuh dengan rumah-rumah batu ataupun rumah-rumah tanah yang didirikan oleh setinggan-setinggan tetapi keupayaan persendirian. Di sebelah kanannya adalah tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang hanya satu dua ekar sahaja di Kuala Lumpur ini. Tanah itulah yang diukur supaya dijadikan untuk meluruskan sungai. Tetapi kalau kita melihatkan ukurannya daripada hulu ke hilir kalau hendak dicari jalan ada tanah-tanah kepunyaan pihak-pihak yang berkenaan yang kaya-kaya ini tidak diusik langsung.

Begitu juga jalan-jalan, umpamanya kawasan-kawasan simpanan Melayu (Malay reserve) yang ada di Kuala Lumpur ini, umpamanya di kawasan saya sendiri di Sungai Pencala, Segambut dan seterusnya. Banyak tanah-tanah yang boleh dilalui untuk membuat lebuh raya, jalan kampung dan seterusnya supaya boleh dilalui menerusi tanah yang dipunyai oleh orang perseorang yang kaya raya. Tetapi Juruukur ini sengaja ukur itu ke kawasan-kawasan tanah orang-orang miskin tadi, inilah yang diluluskan dan pihak Kerajaan, terima sahaja dengan perakuan Juruukur ini dengan mengatakan ini adalah pandangan yang begitu baik dan sesuai dan pihak-pihak yang berkenaan yang lain tidak memikirkan implikasinya, apa akibatnya kepada tanah-tanah yang sedikit ini.

Ini berlaku bukan di sini sahaja tetapi di mana-mana sahaja saya rasa, di kampung-kampung dan seterusnya yang mana apabila hendak membuat hospital, sekolah dan sebagainya

kadangkala yang menjadi mangsa tanah-tanah ini ialah yang dibuat oleh Juruukur ini tadi.

Soal yang lain mengenai Juruukur Bahan iaitu Fasal 11 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8 di mana hanya Juruukur Bahan yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia berhak menyedia dan mengemukakan laporan kajian kemungkinan, anggaran permulaan dan lain-lain. Di sini ada mengatakan Juruukur yang lain pun boleh. Dalam masalah ini rasa saya ini juga ada sangkutan dengan yang saya sebutkan tadi, kalau Juruukur Bahan yang bermastautin di sini membayar orang luar yang tidak bermastautin di sini, mereka ini juga menjalankan usaha yang sama, kerana Juruukur-juruukur yang luar ini mereka tidak tahu keadaan dalam negara kita ini. Umpamanya, Juruukur-juruukur yang membuat bangunan, membuat sungai dan seterusnya yang datangnya dari Taiwan, Korea, Hong Kong dan seterusnya. Ini juga mereka bersama-sama untuk mencari jalan bagaimana untuk mengambil tanah-tanah ini. Saya rasa supaya Juruukur-juruukur dari luar ini ditemani oleh Juruukur-juruukur dari pihak Kerajaan sendiri supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berlaku yang merugikan orang-orang miskin sepertimana yang saya katakan tadi.

Dalam perkara ukur yang lain, iaitu bangunan. Bangunan-bangunan juga kadangkala bila hendak membuat bangunan-bangunan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kawasan-kawasan kepunyaan orang-orang miskin, iaitu rumah-rumah, sengaja tempat-tempat yang berdekatan dengan kawasan-kawasan yang miskin itu mereka membangunkan tangki najis, simpanan najis iaitu benda-benda yang tidak sesuai didirikan berdekatan dengan kawasan yang dipunyai oleh orang miskin. Padahal di kawasan yang lain boleh

didirikan atau dijauhkan benda-benda ini. Dengan keadaan ini juga menyusahkan orang-orang miskin yang mempunyai tanah yang sebidang yang begitu kecil boleh dimonopoli oleh mereka yang berkuasa besar ini. Ini juga kita mengharapkan supaya Kerajaan yang berkenaan mengawasi perkara-perkara seumpama ini supaya tidak berlaku kepada kaum-kaum yang ada hanya sedikit sebanyak tanah itu, kalau sudah diambil apa akan terjadi.

Bersangkut tentang Juruukur juga, saya mengharapkan oleh kerana negara ini negara Malaysia, yang beragama Islam, iaitu apabila mendirikan kawasan-kawasan perumahan, supaya Juruukur-juruukur ini melihat dan mengaturkan bangunan-bangunan itu supaya menghadap ke arah yang sesuai, bukan menghadap mengikut sesuka hati sahaja, umpamanya menghadap kiblat dan sebagainya. Kita melihatkan keadaan sekarang ini Juruukur dan Arkitek yang ada tersebut di dalam fasal ini dan saya ttdak hendak menyebutkan satu persatu, kadangkadangkang mereka mendirikan rumah, flat dan sebagainya, apabila flat telah siap, tempat sembahyang kita terpaksa menghadap jamban yang ada, takungan najis yang ada kerana inilah yang tidak diawasi. Dengan keadaan ini apabila telah siap kita kerugian.

Lagi satu berhubung dengan juruukur ini tentang pembinaan lebuh raya dan seterusnya yang ada sekarang ini. Lebuh raya ini bukan kita hendak untuk hanya kita gunakan 10 tahun 15 tahun. Kita akan gunakan jalan ini sehingga hari kiamat. Juruukur-juruukur ini kadangkala mereka ini membuat cara-cara yang tidak sesuai, tidak melihat jangka yang panjang, umpamanya di Kuala Lumpur.

Sepatutnya Kuala Lumpur ini akan berkembang besar. Sudah tahu kawasan-kawasan yang berkenaan itu pada suatu masa akan didirikan

bangunan-bangunan yang tinggi, hotel dan sebagainya. Dalam pembinaan ini, juruukur-juruukur ini telah menyediakan pelan kawasan-kawasan yang seumpama ini tetapi apabila bangunan telah siap sedia, perancangan telah ada, tetapi kadangkala pihak Kerajaan terpaksa kena membayar sendiri gantirugi kepada tuan-tuan punya tanah kerana juruukur ini daripada awal tidak memikirkan lebih dahulu bagaimana untuk kepentingan bangsa di masa-masa hadapan.

Bila kita lihat sekarang, jalan-jalan atau lebuh raya sekarang sudah tidak sesuai lagi. Hanya kita pakai dalam masa 10 tahun, tetapi sepatutnya juruukur-juruukur ini memberi nasihat dan ahli-ahli Lembaganya juga memberi nasihat bahawa ini tidak sesuai kerana kita akan buat jangka-jangka yang akan datang. Umpamanya sekarang kita hendak buat jalan ke Seremban tetapi kiri kanan jalan itu sudah penuh dengan rumah. Bagaimana lebuh raya itu hendak dibesarkan lagi? Kerana jalan itu tidak dibetulkan daripada awal lagi. Inilah rasa saya dalam masalah kita membincangkan soal Akta Juruukur ini, ada kaitan dengan apa yang saya sebutkan dan saya ucapkan dalam ini untuk kepentingan negara kita di masa akan datang, kerana tanah di negara Malaysia ini tidak menjadi besar, boleh menjadi kecil tetapi tidak boleh membiak. Oleh itu dalam keadaan ini, kita mengharapkan supaya berhati-hati di masa akan datang supaya keadaan yang saya sebutkan itu tidak akan menyusahkan rakyat di masa 10 atau 15 tahun yang akan datang dengan keadaan juruukur-juruukur ini. Kita benar-benar mengharapkan juruukur-juruukur ini benar-benar menjalankan tugas sebagai juruukur dengan tidak ada diskriminasi antara kaum di dalam negara kita ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seremban, silakan.

4.23 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap sedikit berkenaan Undang-undang ini. Yang pertama, saya rasa perkataan juruukur bahan ataupun Quantity Surveyor tidak begitu dikenali dengan nama ini. Orang kenal juruukur tanah atau Land Surveyor, atau kenal juruukur (Appraisor). Juruukur bahan atau Quantity Surveyor tidak berapa dikenali. Tetapi sungguhpun tidak dikenali, tugasnya sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan, dalam negara ini tidak berapa ramai juruukur bahan atau Quantity Surveyors. Saya rasa tidak lebih daripada 200 orang. Tetapi sungguhpun bilangannya sangat sedikit, tetapi Quantity Surveyor susah hendak cari sara hidup kerana beberapa sebab. Tahun lalu oleh sebab kemelesetan ekonomi dan yang lebih penting ialah banyak kontraktor-kontraktor dan developer-developer tidak memakai perkhidmatan atau services juruukur bahan sungguhpun tugasnya sangat penting berkait dengan bangunan-bangunan atau apa-apa kompleks. Misalnya jika tidak ada satu specialist untuk menganalisa bahan-bahan untuk membina rumah-rumah atau bangunan-bangunan barangkali bahan itu mungkin mahal dan tidak sesuai untuk bangunan itu. Kita ada dengar mengenai laporan tentang beberapa bangunan yang runtuh atau pecah oleh sebab kontraktor-kontraktor atau developer-developer memakai bahan binaan yang tidak mencukupi standard. Inilah tugas Quantity Surveyor. Dia boleh jaga bahan-bahan untuk membina rumah-rumah atau bangunan mengikut standard yang ditetapkan. Sebab itu saya sokong Rang Undang-undang ini di bawah Seksyen 8 "Only registered Quantity Surveyors may

prepare preliminary estimates, cost plans, bills of quantities, etc".

Dalam keadaan sekarang, ada beberapa orang yang tidak ada kelayakan untuk menjadi Quantity Surveyor tetapi dia jadi seorang Quantity Surveyor. Dia beri nasihat kepada arkitek-arkitek dan lain-lain orang dan saya rasa itu tidak sihat. Seksyen 8 provide "Only registered Quantity Surveyors may prepare preliminary estimates, cost plans, bills of quantities, etc" dan ini saya setuju.

Saya setuju juga firma-firma Quantity Surveyors pun ada diberi satu korporat identity—ada masuk kontraktor-kontraktor masuk, arkitek, engineer dan lain-lain. Kalau ada satu syarikat korporat, yang ada arkitek, yang ada engineer, yang ada juruukur bahan (Quantity Surveyor), ini lebih baik untuk rakyat sebab tiga-tiga pakar ini boleh berunding dan menyediakan satu rancangan dan plan yang lebih sesuai untuk bangunan atau kompleks-kompleks itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa juruukur bahan berkata sungguhpun mereka hendak mengurangkan kos bagi satu bangunan atau mengurangkan kos bagi satu kediaman mengikut pengguna-pengguna atau consumers tetapi mereka rasa dukacita sebab kos bahan-bahan sangat mahal khasnya bahan simen dan bahan steel. Dia tidak ada kuasa untuk mengawal hal ini tetapi polisi Kerajaan berkenaan tax adalah tidak sihat. Kebanyakan orang menyatakan bahawa fakta utama menyebabkan harga tinggi untuk rumah-rumah dan bangunan-bangunan ialah simen dan alloy besi (steel) yang berkos tinggi.

Harga kos simen tempatan dibandingkan dengan negara lain adalah terlalu tinggi; lebih kurang 80% hingga 100% tinggi, daripada harga antarabangsa dengan \$81 kepada \$105 satu tan. Harga batang alloy besi adalah 25% lebih tinggi

daripada harga antarabangsa dengan \$940 kepada \$972 per tan. Kerajaan ada menggunakan duti import yang tinggi ke atas simen dan duti itu ialah \$80 setan, dan Kerajaan juga telah menaikkan harga alloy besi selepas mengenakan duti import kemudiannya. Inilah yang menyebabkan kesukaran kepada kontraktor pembinaan dan kebanyakan industri pembinaan. Ini adalah pengetahuan umum bahawa industri simen dan alloy besi diuruskan dalam keadaan buruk dan Kerajaan telah giat subsidi seindustri ini dengan cara memperindungi harga dan duti import yang tinggi.

Dengan ini kita pihak DAP ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberhentikan subsidi kepada industri simen dan besi di mana dalam penyelidikan akhir-akhir ini akan mempengaruhi pengguna-pengguna atau pembeli rumah di mana mereka mendapati bahawa adalah semakin mustahil untuk mereka membeli dan memiliki rumah sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

4.31 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang pindaan berhubung dengan Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya serupa dengan rakan-rakan yang lain menyokong di atas pindaan ini kerana kita ketahui bahawa apa sahaja pindaan akta yang dibuat dan yang dicadangkan oleh Kementerian-kementerian yang terlibat memanglah mereka telah mengambil kira dari segi faedah keseluruhan, sama ada faedah itu untuk

kepentingan negara bagi menaikkan lagi mutu perkara-perkara yang berkaitan ataupun setelah kita menghadapi beberapa masalah yang tertentu yang perlu kita perbaiki bagi memudahkan lagi, bagi memperbaiki perkara-perkara yang terlibat. Maka, saya yakin dengan sebab itulah pindaan ini perlu dikemukakan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berhubung dengan penambahan Ahli Lembaga. Saya menyokong penambahan ini tetapi sebagaimana kita maklum bahawa Quantity Survey ini ialah satu tugas yang kita kurang mengetahui, kita lebih banyak mengetahui kalau di segi bangunan, kita lebih suka melihat daripada segi rekabentuk bangunan itu yang menarik, kita lebih suka melihat bagaimana keindahan bangunan itu sendiri tanpa melihat apakah bangunan itu akan berterusan dari segi ketahanan, berapa lamakah bangunan itu boleh digunakan, adakah bangunan itu tidak merbahaya kepada orangramai. Sebab itu saya percaya ada di antara bangunan-bangunan yang kita telah lihat di negara kita ini ataupun di negara luar, banyak di antara bangunan itu telah runtuh dan mengorbankan banyak nyawa, saya percaya ialah kerana bahan yang diperakukan untuk bangunan itu adalah tidak bermutu. Kita dengar di Malaysia sendiri berapa bangunan telah runtuh dan merbahaya kepada orangramai. Ini saya percaya adalah kerana kurangnya kita memberi perhatian kepada Quantity Survey ini sendiri. Sebab itulah saya menyarankan supaya Ahli Lembaga ini sama ada kita tambah ini benar-benar orang yang ahlinya dan orang yang berpengalaman berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin menyentuh di sini ialah dengan adanya kita memberi kebenaran kepada perbadanan dan

kepada lam-lain untuk berdaftar, jadi ini akan mengadakan pertandingan yang agak baik kerana tidak dimonopoli ataupun dikuasai oleh orang-orang yang tertentu sahaja. Jadi, apabila ada pertandingan ini sudah barang tentu kita ada mengawal mutu ataupun kita lebih memikirkan perkara-perkara yang mereka tawarkan itu lebih baik daripada yang lain. Dengan adanya pertandingan-pertandingan ini saya percaya apa-apa bangunan yang kita buat, yang kita cadangkan, yang kita laksanakan di negara kita ini, mutunya akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyuarakan Juruukur Bahan, sudah barang tentu kita menggunakan bahan-bahan sama ada kita membuat bangunan, membuat jambatan dan sebagainya, kita terpaksa kadangkala menggunakan bahan-bahan bangunan ini daripada luar negara. Saya tidak tahu sama ada kadangkala kita tidak mengetahui apakah bahan-bahan yang ada di negara kita tidak bermutu, kadangkala kita memperakukan bahan-bahan bangunan ini daripada luar negara. Apabila kita banyak memperakukan bahan-bahan ini daripada luar negara, sudah barang tentu bahan-bahan yang ada di negara kita akan tidak digunakan. Jadi di dalam hasrat kita untuk memajukan lagi bahan-bahan dalam negara kita akan tergendala. Sebab itu saya ingin menyarankan supaya apabila kita membuat bangunan-bangunan ini, Juruukur Bahan seboleh-bolehnya mestilah sedaya upaya mencadangkan bahan-bahan yang ada di negara kita. Kalau sekiranya mutunya kurang baik, maka cadangkan supaya kita meningkatkan lagi mutu bahan itu. Jangan kita terus tidak mengambil endah. Kalau ini yang kita lakukan maka kilang-kilang perindustrian yang kita adakan bagi mengadakan bahan-bahan bangunan untuk digunakan sedangkan kita tidak memberikan perakuan, maka kilang-kilang

industri-industri yang kita adakan akan tidak berjaya dan apabila tidak berjaya sudah tentu melibatkan banyak perkara, dari segi pekerjaan, dari segi mendapatkan hasil dan sebagainya.

Oleh itu saya ingin menyarankan supaya Juruukur Bahan seboleh-bolehnya, memberikan pertimbangan ataupun memberikan keutamaan kepada bahan-bahan di negara kita bagi digunakan untuk membuat bangunan dan sebagainya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah sebagaimana kita maklum bahawa Juruukur Bahan ini memang tidak ramai, sebab itu kita perlu memperbanyakkan. Jadi apabila kita hendak melaksanakan sesebuah bangunan dan sebagainya, tentulah kita bekerjasama dengan arkitek dan sebagainya. Tetapi kadangkala kita mendapat kelewatan dari segi perakuan yang dikemukakan oleh Juruukur Bahan. Jadi, kita akan tergendala, sepatutnya kita cepat, tetapi benda itu tidak boleh dilaksanakan dengan cepat. Jadi, elok sekalilah kalau sekiranya kita mendaftarkan lebih banyak Juruukur Bahan dan sebagainya supaya mereka dapat memberikan perakuan yang lebih cepat untuk kita melaksanakan bangunan-bangunan yang kita cadangkan. Saya percaya, terutama sekali di peringkat-peringkat Negeri, apatah lagi kalau sekiranya melibatkan agensi-agensi yang kecil ataupun di Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Memanglah Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah ini kadangkala bekerja rapat dengan JKR dan kadangkala yang menjadi masalah di antaranya, ialah kelewatan memberi perakuan ini. Jadi, kita percaya dengan adanya Akta ini boleh mempercepatkan lagi kerja-kerja yang ada kaitan dengan juruukur bahan ini

dapat dilaksanakan bagi menentukan pembangunan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan Fasal 16. yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24A ke dalam Akta bagi menggunakan sekatan-sekatan ke atas pengambilan kerja seseorang yang tidak berdaftar sebagai seorang Juruukur Bahan. Memang, bukan sahaja dalam bidang ini orang yang suka mengakui dia pandai, sebab kita kedatangan banyak ada di antara orang yang mengakui dia sebagai doktor kerana dia hendak mendapat duit dengan mudah, sedangkan dia tidak mempunyai kelayakan dan kadangkala kita tertipu oleh keadaan ini. Jadi, untuk mendaftarkan seseorang sebagai Juruukur Bahan, tentulah kita menentukan kelayakan-kelayakan yang tertentu, kalau tidak mereka itu tidak boleh didaftarkan. Jadi, dengan adanya sekatan ini, kita percaya kita akan mendapat Juruukur Bahan di negara kita ini Juruukur Bahan yang bermutu kerana semua orang-orang yang berdaftar dengan Lembaga ini adalah merupakan orang yang mempunyai kelayakan. Jadi, inilah di antara langkah yang baik yang kita laksanakan bagi menentukan lagi mutu Juruukur Bahan yang seterusnya berkaitan dengan pembangunan di negara kita ini akan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sentuh di sini ialah di dalam usaha kita untuk mempercepatkan perancangan kita yang ada hubung-kaitnya dengan Juruukur Bahan. Maka saya merayulah kepada firma-firma dan developer-developer supaya meramalkan lagi Juruukur Bahan di dalam syarikat-syarikat mereka itu, kerana ini bukan sahaja akan menjaga mutu dan akan menjaga keselamatan apa-apa yang kita laksanakan, tetapi ini memberi peluang kepada siswazah-siswazah yang keluar daripada jurusan

ini untuk bekerja dan akan memberi kerja kepada mereka.

Kalau sekiranya kita terlalu banyak memikirkan keuntungan tanpa memikirkan dari segi mutu, tanpa memikirkan dari segi untuk memberi khidmat ataupun kebajikan kepada orang lain, ini akan merugikan kita dan ini akan hanya tidak berpanjangan. Kita mesti ingat bahawa sesiapa sahaja yang hendak hidup berpanjangan di mana-mana dia tinggal, dia mestilah memikirkan kehidupan keseluruhannya. Kita jangan ingat apa yang kita dapat itu kita boleh selamat dan boleh kita gunakan dengan selesa kalau sekiranya ramai di antara orang-orang lain tidak mendapat kehidupan yang selesa. Harta kita tidak terjamin kalau sekiranya ramai di antara penduduk-penduduk di negara Malaysia ini kehidupannya adalah sengsara. Keselesaan kita tidak terjamin, nyawa kita tidak terjamin, kereta kita tidak terjamin, rumah kita tidak terjamin dan serba serbinya tidak terjamin dan kita tidak boleh hidup dengan keadaan yang baik kalau sekiranya keseluruhan penduduk di negara kita ini tidak diberikan kehidupan selesa yang perlu kita fikirkan bersama-sama ke arah ini.

Sebab itu, saya menyarankan kepada mana-mana pihak yang agak baik keadaannya, maka janganlah dia memikirkan bahawa hidup dia itu tidak ada kaitan dengan masyarakat keseluruhannya. Oleh itu, dalam hal ini juga perlulah perkara ini difikirkan supaya memikirkan keselasaan orang lain bagi menentukan apa yang kita laksanakan itu akan berterusan untuk kebaikan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja saya mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

4.45 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Isa (Kuala Kerai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mengambil kesempatan untuk berucap sama di dalam perbincangan berhubung dengan Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1987 yang dibentangkan sekejap tadi dalam Dewan ini.

Saya menyokong penuh seperti beberapa orang rakan saya yang sebelum daripada ini telah memberikan pendapat untuk berucap, kerana pada pandangan saya Juruukur Bahan ini adalah satu daripada perkara yang penting, yang amat mustahak yang ada kaitan rapat dengan keadaan manusia pada masa ini kerana segala bentuk pembangunan, pembinaan yang dilakukan di negara kita pada masa ini, lebih-lebih lagi perancangan yang dibuat oleh Kerajaan melalui beberapa fasa rancangan yang telah dilaksanakan di negara kita ini bagi pembinaan yang berbentuk bangunan ataupun lain-lain kemudahan asas seperti jalan, jambatan, adakah terdapat dengan kemahiran, kebolehan dan juga kepakaran Juruukur Bahan ini. Kalau tersilap pelaksanaan, penafsiran serta penilaian dan anggaran yang dibuat oleh Juruukur Bahan, maka pelaksanaan juga akan tersilap. Maka dengan sebab itu, saya mengambil kesempatan ini kerana Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang yang penting yang perlu diambil berat oleh semua pihak, kerana bagaimana yang saya kata tadi Juruukur Bahan ini adalah satu perkara yang amat mustahak diberi perhatian yang khusus oleh semua pihak yang mana ada kaitan rapat dengan keadaan dan kedudukan kita hari-hari.

Cuma apa yang saya suka sentuh ialah supaya pihak Kerajaan dapat mengawasi pembentukan badan Juruukur Bahan ini melalui Lembaga

yang dipertanggungjawabkan agar mereka yang benar-benar mempunyai kebolehan dan kelulusan yang diperakukan, didaftarkan sebagai firma Juruukur Bahan yang bertauliah dan yang bertanggungjawab disebabkan, kita pernah dengar ada bangunan-bangunan yang runtuh, jalan-jalan yang rosak, jambatan-jambatan yang runtuh selepas sahaja pembinaan itu dibuat, di dalam tempoh yang singkat telah pun menghadapi kerosakan dan sebagainya.

Ini adalah menjadi tanggungjawab, andaian yang perlu dibuat oleh Juruukur Bahan supaya bangunan yang dibina itu memberi keselamatan kepada pengguna. Mungkin kajian Juruukur Bahan ini hanya pada penyediaan alat-alat binaan, tidak diberi perhatian di dalam tempat ataupun lokasi pembinaan itu sendiri, misalnya rumah, tidak diambil kira keadaan muka bumi, keadaan alam sekitar di kawasan itu, tiba-tiba kelulusan diberi berdasarkan perakuan-perakuan, bukan sahaja daripada Juruukur Bahan bahkan juga dari arkitek ataupun lain-lain agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam memberi kelulusan pembinaan sesuatu projek itu. Apabila sahaja kelulusan itu diberi, pembinaan pun dibuat, maka akhir sekali kerana tidak diambil kira apa yang saya sebutkan tadi, dari segi tempat, keadaan muka bumi, keadaan tanah, bukit atau sebagainya, bangunan yang didirikan itu akhirnya runtuh, yang akan menerima akibatnya ialah penghuni ataupun pengguna.

Jadi, dalam soal ini pihak Lembaga yang mengawal kepada satu kumpulan Juruukur Bahan ini melalui Consultants atau sebagainya tadi perlu diambil kira dan dianggapkan sebagai satu perkhidmatan profesion yang boleh memberi perkhidmatan kepada penduduk, kepada masyarakat dan juga kepada negara. Walaupun

demikian sekalipun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagaimana saya kata tadi Juruukur Bahan ini adalah satu perkara yang penting, satu kumpulan yang boleh menentukan corak pembinaan sesuatu itu, maka haruslah juga diambil kira kerana saya dapati ada projek-projek yang dilaksanakan sama ada oleh Kerajaan ataupun oleh swasta ataupun oleh badan-badan berkanun dan sebagainya, penilaian projek itu berdasarkan kepada andaian yang dibuat oleh Juruukur Bahan tadi lebih tinggi daripada andaian yang dibuat oleh orang-orang yang tidak mempunyai tauliah ataupun kebolehan dalam segi juruukur bahan kerana pernah kita dapati nilai-nilai projek-projek Kerajaan lebih tinggi daripada nilai projek-projek yang dibuat oleh swasta. Mungkin dalam soal ini juga, disebabkan oleh Juruukur Bahan yang berkhidmat dengan Kerajaan itu berasa takut ataupun tidak berani untuk membuat penilaian bahan kegunaannya itu bagaimana penilaian bahan yang dibuat oleh Juruukur Bahan yang bekerja dengan pihak swasta. Maka dengan bentuk itu, sesuatu projek yang dijalankan oleh Kerajaan itu lebih tinggi daripada projek yang dijalankan oleh swasta. Dengan sebab itu, kos pembinaannya akan melambung, pengaliran wang daripada Kerajaan juga akan melambung dan penilaian juga akan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sebagaimana yang saya kata tadi, oleh kerana kawalan mutu pembinaan itu yang ada kaitan rapat dengan Juruukur Bahan, maka dengan sebab itu kita boleh buat perbandingan bagaimanakah bangunan-bangunan pembinaan yang dilakukan oleh negara-negara jiran kita ataupun oleh negara-negara lain. Mungkin kebolehan, peningkatan serta kelayakan yang ada pada Juruukur Bahan yang dimiliki oleh negara-negara lain itu lebih daripada

kebolehan Juruukur Bahan yang ada di negara kita. Dari satu masa ke satu masa juga Kerajaan melalui pihak Lembaga ataupun Kementerian yang diberi tanggungjawab supaya pasukan ataupun golongan yang mempunyai kelulusan dalam segi juruukur bahan ini diadakan dibuat penilaian melalui peperiksaan ataupun ujian-ujian yang tertentu sebagai memperakukan kepada badan Juruukur Bahan ini oleh Kerajaan atau Kementerian yang dipertanggungjawabkan. Maka dengan sebab itu, hanya penilaian dibuat dari semasa ke semasa, maka mungkin tidak akan timbul berlakunya sebagaimana saya kata tadi, rumah itu runtuh apabila dibina, jambatan itu tidak begitu lama tahannya dalam bentuk yang tertentu, misalnya di tempat yang selalu dilanda banjir umpamanya hendaklah diambilkira dalam keadaan suasana alam sekitar, keadaan musim, tempat atau negeri. Mungkin tidak sama penilaian yang dibuat oleh Juruukur Bahan sesuatu pembangunan yang dibuat di Pantai Timur, misalnya seperti di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan lain-lain negeri yang sentiasa dilanda banjir umpamanya, mungkin berbeza dengan bangunan dan penilaian dibuat di negeri-negeri yang tidak pernah dilanda banjir ataupun jarang dilanda banjir. Maka di sini juga perlu diambil kira dari segi kos pembinaannya.

Misalnya negeri Pantai Timur mungkin sesuatu pembinaan itu Juruukur Bahan ini dapat diberi penilaian dalam bentuk untuk menahankan bangunan ataupun jambatan ataupun jalan raya yang sentiasa kawasan itu dilanda banjir, maka mungkin bangunan kawasan itu ditinggikan nilainya. Dalam pada itu pula, kalau bangunan itu tempat yang tidak pernah dilanda banjir mungkin dibuat cara ataupun andaian yang berlainan sedikit, mungkin dengan itu harga bangunan di kawasan yang tidak dilanda banjir itu murah, apabila murah mungkin kita dapat menjimatkan perbelanjaan.

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya kata awal-awal tadi kaitan rapat benda ini dengan kehidupan manusia di negara kita ini dalam segi juruukur bahan ini. Kita tidak boleh lagi membuat bangunan ataupun pembinaan sepertimana yang kita buat sebelum kita memperkenalkan Unit Ukur Bahan ini yang ada di negara kita. Semasa dahulu kita boleh buat pembinaannya tanpa mengambil kira, kalau hendak buat rumah umpamanya kita cari kayu dalam hutan. Kalau rumah itu berapa tiang dia, berapa banyak kayu lain yang dipakai, kita buat begitu sahaja. Tetapi dengan adanya kebolehan dan juga bentuk pendidikan di negara kita ini dan ada jurusan-jurusan yang tertentu, sama ada di sekolah menengah ataupun di universiti dan sebagainya, maka ini semua telah diambil kira dan kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, kita membuat sesuatu projek pembangunan itu kalau di kampung umpamanya, ada orang kampung, rakyat kita membuat teguran, dia sendiri boleh buat penilaian.

Di kawasan saya sendiri pernah berlaku. Satu Juruukur dan juga Akitek serta Engineer memperakukan membuat satu jambatan merintang satu sungai, buat macam ini, macam ini, dengan kos perbelanjaan yang begitu tinggi. Akhir sekali Kerajaan terima dasar itu kerana diperakukan oleh mereka yang mempunyai kebolehan dan kelulusan, lalu jambatan itu dibina. Apabila sahaja sampai masa banjir, satu tahun sahaja pembinaan rakyat dapat digunakan, jambatan itu hanyut oleh air. Jadi perkara ini diketawakan oleh masyarakat kampung. Akhir sekali, setelah jambatan itu hanyut, lalu dibuat perundingan semula, dibuat pembinaan cara projek gotong-royong oleh orang-orang kampung, sampai hari ini sudah 10 tahun lebih jambatan itu masih selamat, masih boleh digunakan sedangkan masyarakat orang kampung tadi tidak mempunyai

kepakaran, kepakaran dalam membuat anggaran kosnya, bahan yang perlu dipakai, besi berapa banyak, simen berapa banyak, cara pembinaan dan pembuatannya, tetapi yang dibuat oleh orang kampung itu selamat sampai hari ini. Ini pun haruslah diambil kira. Janganlah maknanya dari segi kebolehan dan kelulusan kerana kita ada mempunyai kepakaran itu dan ini, kita tidak mempunyai pandangan atau menerima pandangan dan pendapat orang-orang yang tertentu walaupun dia tidak mempunyai kelulusan atau kebolehan penilaian di dalam bentuk juruukur bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat menilaikan dari segi pembinaan bangunan hari ini, sebab saya tumpukan kepada ini kerana bangunan yang dibina di negara kita begitu tinggi kalau hendak dibandingkan bangunan yang dibina pada masa dahulu di akhir-akhir ini. Mungkin bangunan yang dibina pada masa dahulu tidak berdasarkan kepada penilaian bahan cuma berdasarkan kepada penilaian kehendak iaitu saya hendak bangunannya begini tinggi, panjang berapa, buka berapa dan sebagainya dibuat begitu tanpa pelan atau sebagainya tetapi bangunan yang dibina begitu sampai hari ini masih tersergam, masih kekal dan kita masih lagi memperakukan bahawasa bangunan itu sebagai satu bangunan yang bersejarah. Banyak bangunan yang bersejarah di Kuala Lumpur dan juga di negeri-negeri lain tetapi pembinaan di akhir-akhir ini begitu tinggi di dalam penilaian kos disebabkan mungkin seseorang itu ada satu Juruukur Bahan yang ada kaitan dengan engineer, arkitek dan sebagainya, dia pergi belajar ke luar negeri, mungkin satu pergi belajar ke Australia, satu pergi belajar di Amerika, satu ke Europe, mungkin ada yang pergi ke India. Kemudian balik ke negara kita ini mereka inilah

membuat rekaan mengikut masa atau zaman.

Sebagai contoh saya boleh beri satu bentuk bangunan, Jabatan Penerangan di peringkat jajahan-jajahan yang satu ketika dahulu dibuat dengan harga yang begitu mahal tetapi kalau kita tengok bentuk bangunan Jabatan Penerangan yang ada hari ini, Pejabat-pejabat Penerangan Daerah, ada satu di Kuala Kerai mungkin ada di tempat lain yang bentuk pelan yang sama yang memakan bahan-bahan binaan yang begitu banyak sedangkan dari segi kegunaannya amat terhad, belanjanya banyak kegunaannya terhad kerana digunakan kayu begitu banyak. Bila kita tengok pun rasanya pening kepala kayu banyak sangat sedangkan benda itu boleh dibuat begitu simple, begitu murah, begitulah juga bentuk-bentuk bangunan yang ada di akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri contoh, misalnya pejabat-pejabat jajahan yang ada di Negeri Kelantan, saya tidak tahu di tempat lain sebab saya jarang tengok, bangunan yang baru ini yang dibina memakan belanja lebih daripada \$3 juta sesuatu bangunan. Bentuk bangunan memang cantik, belanja pun mahal tetapi hari ini bangunan itu telah bocor kalau hujan, sukar hendak dibaiki, alat penghawa dingin pun hanya beroperasi lebih kurang 1 bulan lebih kemudian langsung tidak boleh pakai sampai hari ini, bentuk bangunan itu memanglah cantik. Ini ada kaitan rapatnya dengan Juruukur Bahan, dengan sebab itu saya berharap melalui Lembaga yang bertanggungjawab dapat mengkaji dalam segi Juruukur Bahan supaya tujuan pembentangan Rang Undang-undang ini dapat kita laksanakan untuk kepentingan negara dan menjimatkan perbelanjaan wang negara di dalam sesuatu pembinaan supaya dapat kita kawal menjimatkan perbelanjaan dan menjamin dan memberi keselamatan pengguna di dalam menggunakan benda-benda yang boleh dibina melalui

andaian ataupun cadangan dan pandangan yang dibuat supaya sesuatu itu dapat diberi perhatian yang sungguh-sungguh oleh pasukan Juruukur Bahan ini di dalam pembinaan sesuatu itu memberi perkara-perkara yang saya sebutkan macam mana memberi keselamatan, menjimatkan perbelanjaan dan juga mengurangkan kos dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk meminda Rang Undang-undang asal supaya setiap orang melalui firma-firma dapat dikawal dari satu masa ke satu masa dan juga supaya pasukan Juruukur Bahan ini bertaraf kebolehan yang cukup kalau hendak dibandingkan dengan lain-lain kelulusan yang bertujuan menjamin dan memberi nafas yang penuh kepada pembinaan pembangunan di negara kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya tidaklah bercadang untuk bercakap lebih panjang lagi, dengan yang demikian saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.06ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai pembahasan berkenaan dengan suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 seperti yang dibentang di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya menyokong Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan ini oleh kerana saya berpendapat memanglah tiba masanya untuk mengemaskini Akta yang sedia

ada supaya dapat diawasi pendaftaran Juruukur Bahan di negara kita ini.

Saya juga ingin memperkatakan di sini bahawa di samping Kerajaan berusaha untuk memperketatkan lagi peraturan-peraturan bagi mengiktirafkan Juruukur Bahan maka sudah tiba masanya bagi Kerajaan untuk mengambil kira taraf professionalism Juruukur Bahan di negara kita ini. Seperti yang kita sedia maklum bahawa latihan ataupun kursus untuk melayakkan seseorang menjadi Juruukur Bahan yang berijazah ataupun mempunyai kelulusan yang sewajarnya memakan masa yang agak lama dan biasanya kursus ini hanya terdapat di institusi-institusi tinggi di luar negeri seperti di Britain, di Australia, di Amerika Syarikat dan sebagainya. Walaupun terdapat juga kursus-kursus ini dijalankan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan seperti di Institut Teknologi MARA dan juga Universiti-universiti tempatan tetapi pada waktu ini kursus-kursus yang diadakan ataupun sedang dijalankan adalah terhad dan pengeluaran graduan-graduan yang berkelulusan di dalam bidang berkenaan iaitu Juruukur Bahan adalah sedikit sekali jika dibandingkan dengan keperluan negara ataupun jika dibandingkan dengan graduan-graduan yang berkelulusan professionalism di dalam bidang-bidang yang lain seperti Jurutera, Akauntan dan sebagainya.

Oleh itu, saya rasa patutlah juga bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian yang bertanggungjawab untuk mencari jalan supaya memperluaskan lagi bidang pengajian Juruukur Bahan di negara kita, sebab di dalam keadaan sekarang di mana pertumbuhan bandar-bandar kita begitu pesat, kita memerlukan perkhidmatan daripada orang yang betul-betul profesional dan boleh menentukan bahawa bangunan-bangunan yang akan didirikan oleh

negara kita pada masa sekarang ini adalah bermutu, berfungsi dan juga mempunyai ketahanan mengikut nilai profesionalism yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk memperluaskan kajian Juruukur Bahan di institusi-institusi pengajian tinggi, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan beberapa kemudahan untuk menggalakkan pihak yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus Juruukur Bahan. Umpamanya mereka harus diberikan biasiswa-biasiswa ataupun lain-lain kemudahan supaya banyak daripada pelajar-pelajar muda kita yang berada di peringkat sekolah menengah di peringkat Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam lebih berminat untuk mengambil kursus tersebut. Ini kalau kita bandingkan dengan statistik ataupun perangkaan yang ada, kebanyakan penuntut-penuntut kita yang terus belajar di pengajian tinggi dalam bidang profesional mereka lebih berminat kepada kursus-kursus seperti kejuruteraan, perubatan dan juga undang-undang, oleh kerana pada anggapan mereka kursus Juruukur Bahan itu tidak mempunyai prospek yang setanding dengan kursus profesionalisme yang lain. Dengan kata lain, seseorang yang mendapat ijazah Juruukur Bahan umpamanya daripada Universiti Reading, England akan pulang ke Tanahair dengan hanya mengharap untuk mendapat jawatan seperti guru ataupun pensyarah-pensyarah di institusi pengajian tinggi di negara ini. Kalaulah mereka ini bercadang untuk mencebur diri dengan membuka firma-firma sendiri dalam bidang kajian mereka, maka banyak halangan akan menghadapi mereka terutamanya permintaan untuk perkhidmatan Juruukur Bahan pada masa ini adalah sangat berkurangan.

Yang kedua, mereka akan menghadapi masalah kerana mereka tidak mencukupi pengalaman dan yang

ketiga oleh kerana mereka terpaksa menunggu begitu lama sebelum mendapat kerja ataupun mendapat membuka firma-firma mereka sendiri kemungkinan mereka ini terpaksa mengambil kerja-kerja lain yang tidak ada kena-mengena dengan kelulusan mereka. Oleh itu langkah-langkah perlu juga diambil untuk memberi peluang dan kesempatan kepada penuntut-penuntut yang mirip kepada pengajian Juruukur Bahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan di sini supaya Juruukur Bahan kita hendaklah diberi peluang untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka dari masa ke semasa. Pada masa ini kita dapati hanyalah firma-firma yang besar yang mendapat kerja-kerja yang banyak dan mendapat pembayaran yang tinggi yang boleh mempertingkatkan kualiti-kualiti pekerjaan ataupun perkhidmatan mereka. Dengan kata yang lain Juruukur-juruukur Bahan yang baru dan juga firma-firma yang baru tidak berpeluang untuk mempertingkatkan kemahiran mereka. Ini adalah disebabkan mereka tidak berpeluang untuk mendapatkan projek-projek yang baik ataupun mereka juga tidak diberi peluang untuk mengkaji bangunan-bangunan yang telah dibina di negara ini sebagai satu bahan rujukan. Umpamanya, bangunan-bangunan yang indah dan bersejarah ataupun bermutu di negara kita seperti Bangunan Parlimen, Masjid Negara, Stesen Keretapi dan lain-lain bangunan di Kuala Lumpur ini patutlah diberi contoh kepada Juruukur-juruukur Bahan untuk mengkaji semula tentang kebaikan bangunan-bangunan tersebut dan mutu ataupun kualiti bangunan yang telah dibuat pada masa dahulu. Ini bukan bermakna bahawa bangunan yang lama semestinya lebih tinggi mutunya daripada bangunan-bangunan yang ada sekarang tetapi sekurang-kurangnya sekiranya Juruukur-juruukur Bahan yang baru

diberi peluang untuk mengkaji dan juga untuk meneliti segala karya dan juga mutu kerja yang telah dibuat oleh Juruukur-juruukur Bahan yang terdahulu maka mungkin mereka dapat mempertingkatkan pengalaman dan juga pengetahuan mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan di sini bahawa banyak juga di antara Juruukur Bahan yang ada di negara ini tidak mempunyai ijazah secara formal ataupun kelulusan secara formal, tetapi perkhidmatan mereka adalah memuaskan dan boleh membantu pembangunan negara kita khususnya dalam bidang mereka sendiri. Oleh itu untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya terutama kepada pihak yang betul-betul dapat menghasilkan karya-karya yang begitu baik maka saya ingin mencadangkan mengadakan satu kursus untuk diberi latihan ringkas tetapi mencukupi secara formal supaya pihak yang tidak mempunyai kelulusan yang sewajarnya dapat diuji dan dapat dinilai semula dan apabila layak diberi kelulusan yang sewajarnya. Saya kira tidak seharusnya kursus yang diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman umpamanya 10 tahun dalam bidang Juruukur Bahan ini mereka semestinya mengikuti kursus yang sama panjang tempoh masanya dengan penuntut-penuntut di universiti untuk mendapat ijazah Juruukur Bahan. Di sebaliknya kemungkinan kursus-kursus yang memakan masa lebih kurang satu tahun ataupun dua tahun dengan cara sambilan maka selepas itu nilai kerja-kerja ataupun kursus mereka itu diberi pengiktirafan oleh badan-badan profesional supaya mereka ini akan mendapat kelulusan yang sewajarnya. Ini pertamanya akan menyelaraskan kelulusan dan juga pengalaman serta mutu Juruukur Bahan di negara kita. Memandangkan bahawa sekarang ini kita sangat kekurangan Juruukur Bahan maka saya kira adolah wajar

supaya kursus-kursus ini diadakan untuk kebaikan semua.

Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa satu unit penguatkuasa mestilah diwujudkan oleh Kementerian yang berkenaan bagi menentukan bahawa setiap Juruukur Bahan ataupun firma-firma Juruukur Bahan diawasi dengan sebaik-baiknya, terutamanya firma-firma besar yang telah menerima ataupun telah menjalankan projek-projek yang besar di negara ini seperti projek-projek lebuhraya, pelabuhan dan sebagainya. Dalam pembinaan lebuhraya, umpamanya dari Bukit Kayu Hitam ke Gurun terdapat beberapa kerosakan di atas Lebuhraya yang telah dibina dan kemungkinan ini adalah disebabkan oleh penyelewengan beberapa pihak terutamanya Juruukur Bahan yang mungkin tidak memastikan bahawa barang-barang ataupun bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan Lebuhraya tersebut tidak mengikut spesifikasi seperti yang diperlukan.

Maka Unit Penguatkuasa Juruukur Bahan mestilah mengambil tindakan terhadap firma-firma seperti ini yang hanya mengaut keuntungan tetapi telah menimbulkan beberapa masalah kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna lebuhraya tersebut yang kadangkala menyebabkan berlakunya kemalangan yang menyebabkan kehilangan jiwa dan sebagainya. Saya rasa Unit Penguatkuasa Juruukur Bahan ini perlulah diberikan kuasa yang sepenuhnya untuk mendakwa Juruukur Bahan dan juga firma-firma yang telah menyeleweng sama ada mereka ini firma-firma tempatan ataupun firma-firma antarabangsa yang telah diberikan projek-projek di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya dapat

menyampaikan pada hari dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN MESYUARAT BAGI MENIMBANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 DAN 1989)

5.21 *ptg*,

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 90, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) dan walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 67 (2) yang berkehendakkan tiap-tiap anggaran belanja tambahan hendaklah dibentangkan di atas meja mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari betul sebelum persidangan-persidangan hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, Dewan ini akan menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (Tambahan) (1988 dan 1989) dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) mulai hari esok, iaitu 20hb Jun, 1989.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya izinkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Usul yang dikemukakan tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) dan walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 67 (2) yang berkehendakkan tiap-tiap anggaran belanja tambahan hendaklah dibentangkan di atas meja mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari betul sebelum persidangan hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, Dewan ini akan menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (Tambahan) (1988 dan 1989) dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) mulai hari esok, iaitu 20hb Jun, 1989.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN (PINDAAN)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Siapa yang hendak berucap lagi di atas Rang Undang-undang ini, dipersilakan.

5.23 *ptg*.

Datuk Kadoh Agundong (Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 yang telah dibawa usulnya oleh Timbalan Menteri.

Saya suka menarik perhatian Dewan kepada Fasal 5 yang bertujuan untuk meminda seksyen 3 (2) Akta dengan menambahkan jumlah anggota-anggota Lembaga untuk membolehkan lebih ramai lagi perwakilan daripada pihak-pihak lain yang berkepentingan yang tertakluk-kepada Akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong jumlah anggota Lembaga untuk ditambah kepada satu angka yang difikirkan perlu dan sesuai supaya objektif untuk menjadikan Lembaga itu sebuah Lembaga yang adil, sebuah Lembaga yang bebas di samping menjadi sebuah Lembaga yang profesional dapat diadakan. Sudah tentu untuk menjadikan Lembaga ini bersifat adil, profesional dan bebas memerlukan tenaga fikiran terutama sekali dari ahli profesional yang terlibat dalam beberapa bidang institusi dan kemahiran dan di samping jumlah ini perlu ditambah, jurusan-jurusan dan pengalaman-pengalaman daripada keahlian-keahlian juga hendaklah difikirkan bersama.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan supaya ahli-ahli anggota Lembaga Badan Profesional ini hendaklah juga terdiri daripada orang-orang Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan di samping mendapatkan perkhidmatan juga daripada institusi-institusi pengajian tinggi dan juga daripada consulting practitioners. Saya yakin daripada 3 institusi ini akan dapat melahirkan satu tingkat profesionalisme yang bukan sahaja boleh menaikkan tahap profesionalisme Lembaga Juruukur Bahan ini tetapi juga boleh menjadikannya sebagai satu institusi yang bertaraf antarabangsa yang boleh menandingi bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan dalam negeri, lebih-lebih lagi boleh mencapai tahap menceburi bidang profesional di negara-negara tetangga. Saya mencadangkan agar keahlian Lembaga terdiri daripada pegawai Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan untuk membolehkan Lembaga ini bebas dan tidak terikat kepada jalinan kerja-kerja yang biasa terdapat dan ditawarkan di pasaran ekonomi negara.

Pegawai Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan mempunyai pandangan yang agak berbeza jika dibandingkan dengan ahli-ahli daripada consulting

practitioners kerana mereka melihat dari aspek kepentingan Kerajaan dan kepentingan pembangunan negara pada keseluruhannya tanpa memikirkan kepentingan individu ataupun kepentingan badan-badan tertentu. Kita juga memerlukan perkhidmatan daripada ahli Lembaga yang didatangkan daripada institusi pengajian tinggi, selaras dengan kehendak yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi bahawa institusi pengajian tinggi juga mempunyai kepentingan-kepentingan tersendiri untuk membantu melahirkan tenaga rakyat menerusi latihan-latihan yang diberikan. Justeru itu, mereka juga perlu terlibat dalam Lembaga ini untuk memastikan bahawa hasrat institusi dan kepentingan industri Juruukur Bahan ini dapat dipertingkatkan daripada satu masa ke satu masa.

Saya percaya dengan adanya jalinan Ahli Lembaga Juruukur Bahan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan dari satu aspek dan institusi pengajian tinggi dan consulting practitioners dari aspek yang lain membolehkan Lembaga ini bergerak dengan lebih profesionalisme yang lebih tinggi dan mampu untuk melahirkan satu perkhidmatan yang baik bagi kepentingan ahli-ahli yang berdaftar dalam Lembaga Juruukur Bahan ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan bahawa peranan Lembaga Juruukur Bahan ini sangat penting dari segi pembangunan negara. Justeru itu bahawa satu tingkat profesionalisme hendaklah diharap-harapkan dari badan ini untuk membolehkan bahawa pembangunan negara dalam berjalan dengan lancar dan lembaga ini dapat membantu Kerajaan" mencapai objektif pembangunannya.

Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa lapangan Juruukur Bahan ini melibatkan keseluruhan daripada pembangunan dari aspek

pembangunan pertanian, industri, perumahan, pengendalian harta dan sebagainya dan lapangan-lapangan inilah yang saya yakin dapat membantu pihak Kerajaan untuk mencapai tahap pembangunan di samping memberikan penggalakkan kepada pihak-pihak yang melibatkan diri dalam lapangan perniagaan untuk mencapai tahap perniagaan yang mempunyai unjuran masa depan yang lebih sempurna. Sebagai contoh peranan Lembaga ini boleh memainkan peranan yang baik dalam lapangan pertanian dengan membantu pihak pertanian mengadakan satu pendekatan, satu unjuran atau projection sekiranya lapangan ini ingin mencapai kemajuan dari satu masa ke satu masa. Malahan dari peringkat awal-awal lagi sesuatu projek apabila hendak dijalankan memerlukan perkhidmatan badan ini dan saya yakin kalau masing-masing mempunyai objektif untuk mencapai kemajuan bagi kepentingan bukan sahaja kepentingan industri itu malahan untuk membantu pembangunan negara bidang-bidang industri-industri yang saya sebutkan tadi boleh mencapai kebaikan dari satu masa ke satu masa.

Begitu juga dalam bidang industri. Kita memerlukan satu penilaian yang baik yang sempurna bukan sahaja dari segi pembinaan industri itu sendiri malahan untuk industri-industri yang berkait dengan pembangunan industri yang terlibat. Sebagai contoh untuk mendapatkan pinjaman daripada bank kita memerlukan satu penilaian kepada perjalanan industri itu di samping penilaian kepada harta yang hendak dicagarkan kepada pihak bank. Kalau satu syarikat Juruukur Bahan yang bertanggungjawab sudah pasti penilaian itu adalah satu penilaian yang baik, yang adil bukan sahaja baik dan adil dari segi unjuran yang hendak dikemukakan kepada pihak bank tetapi juga baik dan adil penilaiannya dan pada pihak bank itu sendiri. Dan dengan demikian maka tidak

ternampak kelemahan sehingga membolehkan kegagalan bagi syarikat itu untuk terus maju dan ini akan melibatkan masalah-masalah yang berkait seperti masalah pinjaman yang tidak berbayar ataupun masalah syarikat yang tidak mempunyai daya maju yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita juga perlu memberikan satu pendekatan supaya Lembaga ini terdiri daripada satu Lembaga yang boleh dijadikan sebagai satu tempat di mana syarikat-syarikat Juruukur Bahan boleh berpaut ataupun boleh "dependent on" dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin; kerana tiap-tiap satu syarikat Juruukur Bahan biasanya melibatkan banyak professionals yang mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti engineer dalam bidang "civil" ataupun engineer dalam bidang kejuruteraan ataupun pertanian; dan banyak lagi mereka-mereka yang bergantung hidup dalam satu-satu syarikat Juruukur Bahan perunding. Bermakna hidup matinya syarikat-syarikat itu akan melibatkan ramai dari kalangan-kalangan pekerja dan sudah tentu profesion ini boleh membantu banyak selain daripada tenaga mahir tetapi juga penghidupan rakyat pada keseluruhannya. Jadi, pada makna atau erti kata yang lain Kerajaan bergantung kepada pemikiran professionals daripada mereka, syarikat-syarikat dalam negara bukan sahaja syarikat perladangan, syarikat perumahan, syarikat petroleum dan sebagainya memerlukan penilaian professionals daripada mereka, tenaga mahir juga memerlukan perkhidmatan kerja daripada syarikat perunding ini dan di samping itu rakyat jelata juga memerlukan perkhidmatan mereka. Oleh hal yang demikian adalah wajar bagi kita semua untuk memikirkan bahawa badan ini hendaklah merupakan badan yang mempunyai keanggotaan yang diterima oleh Kerajaan, yang diterima oleh pihak

swasta dan juga yang boleh membantu rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

5.39 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan agak sukar sedikit seperti kawan-kawan yang lain bangun untuk menyokong Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu berhubung dengan Juruukur Bahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, malah ini saya percaya bahawa badan yang akan menentukan pendaftaran Juruukur-juruukur Bahan ini akan memainkan peranannya untuk masa-masa yang akan datang ini apabila kita mempunyai ramai Juruukur-Juruukur Bahan sama seperti Bar Council. Saya percaya badan ini apabila mempunyai ramai ahli akan menjadi badan yang penting sama seperti Bar Council. Cuma saya hendak nasihatkan kepada mereka ini supaya mereka tidak berperangai seperti yang telah dibuat oleh Bar Council yang bertindak seolah-olah mereka sudah menguasai keadaan di Malaysia ini seolah-olah mereka sahaja yang mengetahui dalam bidang mereka, orang lain tidak boleh tumpang—itulah Juruukur Bahan.

Juruukur Bahan ini saya percaya pada masa sekarang walaupun keahliannya tidak seramai seperti yang terdapat dalam Bar Council dan suaranya tidak setinggi Bar Council tetapi badan ini amat penting dalam menentukan supaya mereka yang didaftar adalah mereka yang sebenarnya mematuhi etika profesionalisme masing-masing.

Saya ingin menyentuh dua tiga perkara, terutamanya kontraktor-kontraktor. Dalam banyak hal tertentu yang berhubung dengan Kerajaan, terutama JKR dan lain-lain jabatan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan, Juruukur Bahan memainkan peranan penting dalam menentukan kos dan juga harga projek yang berkenaan. Sering kali, saya kurang pasti, sebab saya telah mendalami Akta (Pindaan) ini, tidak terjumpa, saya percaya mungkin terdapat dalam Akta itu, iaitu yang menentukan—kalaupun tidak terdapat dalam Akta itu, seseorang pegawai Kerajaan itu harus menandatangani perjanjian sulit untuk menentukan bahawa mereka tidak mengeluarkan information, dengan izin, kepada orang-orang luar berhubung dengan harga kontrak yang hendak ditawarkan. Tetapi dalam keadaan sekarang walaupun kita belum masuk dalam tong tender itu, orang bo(ah kata, "saya akan dapat yang terendah sekali". Yang si anu akan berkata, "saya akan dapat kedua terendah" dan sebagainya. Bagaimana ini boleh terjadi? Padahal saya tidak katakan kompi yang masuk itu walaupun tidak ada Juruukur Bahan tetapi mungkin melalui pengalaman kadang-kadang dia boleh membuat lebih baik daripada Juruukur Bahan itu sendiri, terutama yang baru keluar. Yang penting di sini ialah perkara itu terbocor keluar dengan dimaklumkan kepada kawan-kawan atau apa-apa bentuk connection, dengan izin, yang membolehkan orang-orang berlawan dengan begitu hebat untuk memastikan mereka mendapat harga terdekat yang mana peranannya dimainkan dengan cara penting oleh Juruukur Bahan.

Dalam hal itu saya kira apakah pihak Lembaga ini yang akan menentukan tentang etika yang saya sebutkan tadi ataupun pihak Kerajaan. Tetapi yang pentingnya kalau hal ini berterusan maka harga-harga yang terdapat di

dalam sesuatu tender itu akan merupakan antara harga yang terdekat di antara satu sama lain. Dengan demikian kita dapati berlakulah lobi melobi dan sebagainya yang paling kuat akan dapat, yang kurang kuat dan kurang connection, dengan izin, tidak dapat. Maka yang kuat akan terus dapat, yang tidak kuat, tidak ada connection tidak akan dapat terus, bankrup dan akan dilelong oleh Bank Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya hendak tekankan kepada Juruukur Bahan supaya mengekalkan etika profesionalisme masing-masing untuk tidak membuat dua kerja sekaligus—memberi harga kepada jabatan tertentu mengikut kebolehannya dan menolong membuat harga kepada rakan-rakan yang masuk tender. Itulah saya hendak tanya siapa yang bertanggungjawab, Lembaga sendiri atau Kerajaan? Perkara ini hanya ditimbulkan sepintas lalu seumpama air terjun ke laut habis begitu sahaja. Demikian juga saya percaya saya menyentuh perkara ini pada hari ini pun akan menjadi seperti air pergi ke laut hilang. Tetapi ingat, bahawa perkara ini tidak boleh bertahan lama, kalau tidak diambil perhatian yang serius untuk menyelesaikan perkara ini. Saya percaya Timbalan Menteri Kewangan yang baru, yang saya ucap tahniah, saya percaya boleh melihat supaya keadilan berlaku dalam perkara ini, tidaklah berlaku perkara-perkara yang menimbulkan cerita, yang menimbulkan prasangka di kalangan orang-orang, rakyat dan juga di kalangan Ahli-ahli Parlimen.

Yang keduanya, iaitu berhubung dengan harga yang ditentukan oleh kos dan juga jumlah bahan-bahan yang ditentukan oleh Juruukur Bahan. Yang saya hairan di sini, harga pasaran itu mengikut harga macam mana? Semua orang tahu harga pasaran, hendak sebut semua orang boleh sebut tetapi kalau mengikut harga JKR adalah

harga yang berjadual. Adakah harga pasaran itu harga yang berjadual? Ataupun adakah JKR sendiri menentukan harga pasaran itu dengan bertanya kepada faktori yang mengeluarkan besi? Di Malaysia ini ada dualah—MALAYAWATA ataupun PERWAJA. Adakah dengan mendapatkan harga itu, itu adalah harga pasaran, sebab kita harus ingat dalam perniagaan harga yang diberi kepada pengedar adalah lebih rendah daripada harga yang dijual oleh kompani itu sendiri. Harga simen yang dikeluarkan oleh tiga kilang simen—Perak Anjung, Perlis Simen dan juga Kedah Simen adalah lebih tinggi daripada harga yang dikeluarkan oleh Pemasaran Simen Negara. Harga yang rendah kita boleh dapat daripada Pemasaran Simen Negara. Di mana letaknya harga pasaran? Apabila timbulnya perkara ini maka bebaslah QS. Ini untuk menentukan harga mengikut harga pasaran. Kalau mengikut harga pasaran kenapalah berlaku retender, kenapa tiba-tiba hari ini sign agreement besok harga melambung

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak cakap sampai jam 6.30 petang, boleh kacaulah, no problem.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak kacaulah, cuma saya hendak tanya adakah ini kena mengena dengan Peraturan Mesyuarat dan adakah ini kena-mengena dengan Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan sekarang? Saya tidak nampak ada kena mengena, cuma filibustering sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa lebih pandai? Tuan atau Tuan Yang di-Pertua? Dia diam maknanya dia bersetuju. Maknanya saya cakap betul.

Saya cakap fasal etika professionalisma quantity surveyor. Jadi, untuk hendak bagi usul Yang Berhormat masuk, saya tidak bagi masuk, saya akan cakap sampai pukul 6.30. Selepas ini kawan saya akan sambung, dia baru sampai dari US.

Tadi saya sentuh tentang harga pasaran. Jadi, tiba-tiba katalah hari ini kita sign agreement, lepas itu ada pula masa-masa kita panggil tender bulan 6, bulan 9 kita sign agreement. Adakah harga pasaran antara 6 dan 9 itu telah dapat ditentukan? Saya bekas pegawai Kerajaan, bekas pegawai Kementerian Dalam Negeri. Saya tahu sangat. Saya jadi Chairman Tender Board yang berharga \$5 juta ke bawah. Saya tanya berapa kali adakah harga ini sama dengan harga yang bulan 6 dipanggil tender dahulu? Quantity surveyor kadang-kadang kata betullah harga tetapi kalau kita tanya kontraktor Kelas F pun, tidak payah tanya quantity surveyor bahawa harga itu berlainan.

Saya bagi contoh, sebab Ahli Parlimen ini dapat peruntukan seorang \$300,000 kecuali DAP tidak dapatlah, bagi backbencers sahaja. Kita bagi projek pada kontraktor Kelas F, yang \$10,000 ke bawah tidak payah panggil tender. Kita panggil sebut harga dan boleh kita tentukan siapa yang dapat. Dahulu dia boleh mark-up 10% untung, sekarang tidak ada. Kontraktor pun sudah macam-macam kata pada saya. Kalau hendak buat jalan 1/2 batu dahulu harga \$1,000 sekarang tidak boleh dapat 1/2 batu. Tetapi budak-budak ini kata ikut kena peraturan Kerajaan, Kementerian Kewangan belum lagi.

Saya tanya Kementerian Kewangan, dia kata JKR belum hantar laporan, JKR kata dia sudah hantar laporan, Kementerian Kewangan belum lagi. Saya harap sudah ada perubahan, tolong tengok betul-betul supaya tidak berlaku tuduh-menuduh di antara JKR dan juga Kementerian Kewangan.

Tetapi perkara ini penting, kita tidak mahu kontraktor itu rugi, kita tidak mahu retender. Kita jangan ikut cara tingkah-laku yang dibuat oleh duit yang kita pinjam daripada contoh projek ampangan di Perlis. Yang terendah harganya \$10 juta daripada harga yang ditentukan oleh quantity surveyor dan juga rakan-rakannya. Dia masuk \$10 juta terbawah daripada harga yang ditetapkan. Dengan itu sekarang sudah kelam kabut. Tetapi Bank Dunia tidak peduli, dia kira harga yang rendah, dia pilih. Jadi orang-orang yang duduk dalam Bank Dunia atau bank mana pun yang pinjam ialah Kerajaan Malaysia, bagaimana kita hendak ikut keputusan Bank Dunia sahaja, kita tidak tentukan yang kita hendak bayar hutang dan lepas itu retender.

Saya kira projek ini semacam ini, buat \$7 juta, sekejap lagi retender. Harganya kadang-kadang jadi 3 kali ganda. Inilah Lembaga Pendaftar Juruukur Bahan (Quantity Survey) sekarang ini kami dalam Parlimen menyokonglah habis-habisan supaya meihat profesionalisme juruukur bahan ini dimaintain dan dikawal rapi dan juga juruukur bahan juga mesti berani bersuara walaupun juruukur bahan kadangkala dia dalam JKR itu bukanlah sebagai Pengarah tetapi dia mesti berani bersuara bahawa harga sekarang telah berubah. Cakap betul pada Tender Board sama ada SS atau State Development Officer. Beritahu bahawa harga sekarang berubah, jangan retender ataupun kita tetapkan, katau panggil tender bulan Jun, bulan Oktober harga naik 10%. Itu baru cerita betul. Dato' Kok Wee Keat dia tahu harga naik sekarang.

Saya beri contoh, MILO Dahulu harganya pada bulan Januari \$8 apabila berlaku sedikit permainan dalam pasaran, dia naik sampai \$4. Saya tahu sebab anak kecil saya minum MILO. Jadi saya tahu sangat tetapi walaupun saya tidak pernah beli tetapi saya tahu permintaan untuk beli MILO itu

bertambah. Nampaknya dia naik \$12. Jadi

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Adakah MILO ini kena mengena dengan juruukur? (*Ketawa*) Adakah kemungkinan juruukur-juruukur ini terpaksa minum MILO sebelum boleh kerja dengan baik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan **D. P. Vijandran**): Saya rasa sedikit keluarlah (*Ketawa*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ceritakan tentang harga dalam pasaran. Saya hendak bagi contoh besi dia tidak faham. Dia doktor, dia faham MILO, Ovaltine. Besi mana dia tahu. Saya kontraktor, saya lebih tahu daripada dia. Dia doktor; cucuk ubat dia tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, sebagai contoh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Contoh. Jadi ini merupakan bahawa barang-barang naik sekarang begitu rupa. Tambahan besi sekarang. Keadaan PERWAJA demikian rupa, keadaan Malayawata demikian rupa, lombong besi pula ditulup di Sungai Lembang, Pahang. Keadaan besi juga berubah-ubah. Saya tahu, saya selalu beli besi. Saya ada kilang foundry, saya tahu. Ia selalu berubah. Dengan itu saya rasa walaupun kontraktor itu kadang-kadang dia masuk juga dengan harga yang sama seperti juruukur bahan tadi. Sebenarnya dia masuk untuk clear dengan bank sahaja buat sementara waktu. Tetapi dalam keadaan sebenarnya ia memang rugi. Adakah kita hendak biarkan orang rugi? Bila rugi, kita kata orang tidak tahu berniaga. Kalau orang Melayu rugi, dia kata Melayu tidak tahu berniaga. Yang kata pun orang Melayu juga. Cuba pegawai Kerajaan yang kata suruh berhenti berniaga, bankrap lagi cepat.

Saya beri contoh, ada 2 orang Ketua Pengarah yang berhenti berniaga bersama-sama dengan saya dalam perniagaan padi, tidak payah cakap siapa dialah. Dia berniaga sekarang, dia kelam kabut. Dahulu kata sangat pada saya, tidak erti berniaga, bodoh, tidak tahu kira harga sekarang berniagalalah. Sekarang saya buat konsortium Pengilang dan Pemborong Melayu. Saya control semua pasaran. Dia pula cari saya. Sekarang siapa yang pandai berniaga? Saya atau awak?

Sekarang ini saya hendak tunjukkan bahawa harga pasaran yang dibuat oleh quantity surveyor ini pada masa dia hendak panggil tender, dia buat, tetapi perbezaan bulan itu siapa hendak ambil tahu? Tidak ada, semua orang ambil lepas. Kecuali kadang-kadang kita bercakap pada Menteri, lepas ini Timbalan Menteri Kewangan teruklah sedikit. Kita kata harga ini tidak boleh buat. Kalau buat kita rugi. Sebab orang semua lepas dengan bank sekarang tetapi sampai bila perkara ini hendak berterusan. Sampailah masa dimasukkan supaya quantity surveyor ini ditambah mana-mana dalam Akta ini dibenar untuk menentukan harganya naik satu bulan 10%. Kita tahu walaupun tidak diumumkan dengan cara ini. Kalau sekiranya pertumbuhan (gross) sekarang 8%, di mana orang dalam Parlimen ini, pakar-pakar ekonomi yang boleh nafikan dengan saya bahawa inflasi juga akan turut naik. Ini bukan theory. Ini memang terjadi. Dalam dunia ini, dalam rumah tangga kalau gross naik 8%, inflasi juga akan tumpang turut sama. Yang saya sebut tadi MILO, fasal gaji pegawai-pegawai Kerajaan naik \$120-\$140, tetapi tidak ada beza setengahnya. Setengahnya lagi rugi, sebab barang-barang naik melambung dalam masa tersebut. Saya salah seorang yang terlibat dengan kilang memproses makanan ayam. Harganya naik \$20. Daripada \$26-\$46 dalam masa sebulan, sebab dia kata pegawai Kerajaan naik

gaji, kita pun naikkan harga barang. Jadi LPN pun naik harga dedak. Jadi hendak tunjukkan permainan pasaran ini, quantity surveyor tidak tahu. Kerajaan mendapat ini melalui Bank Negara yang dikeluarkan sebulan sekali. Hendak print buku itu pula mengambil masa satu bulan, jadi dua bulan, harga pun naik. Kita pun baca buku ini sekian-sekian price index sedangkan barang sudah pun naik.

Jadi kita kena buat dalam bentuk peratusan. Kalau ini bulan Jun, panggil tender bulan November, kita hendak sign agreement, kita mesti pastikan kenaikan harga tidak demikian rupa. Orang yang dinamik dalam JKR dan juga Kementerian Kewangan harus beri perhatian. Ini saya sentuh juruukur bahan. Juruukur bahan dia beri harga pada masa kita panggil tender dan dia tidak boleh berkata apa-apa pada masa harga itu telah kita tawarkan dan inilah yang terjadi kepada kawan-kawan kita di Malaysia pada hari ini dan saya hendak cadangkan, saya minta dinotakan di sini bahawa janganlah tiap-tiap tender, jangan kita sebut langsung harga terendah. Kalau kita sebut harga terendah itu, seolah-olah kita meletakkan kuasa kepada seseorang itu untuk menentukan harga (quantity surveyor). Jangan sebut harga terendah, kita potongkan dalam mana-mana peraturan tender itu jangan sebut harga terendah sebab kalau kita sebut harga rendah, dia ada hubungan dengan quantity surveyor hendak tentukan harga terendah yang rendah daripada bahannya. Tidak boleh. Kita kena sebut harga yang munasabah. Makna kata taklah kita ini terikat sangat dengan peraturan yang demikian rupa walaupun kadang-kadang munasabah ini sampai harga No. 15 pun boleh beri. Ini kena difikirkan balik oleh Tender Board atau sesiapa yang berkuasa kalau daripada November 1 sampai November 15 boleh beri, fikirkanlah panjang-panjang walaupun kita mempunyai kuasa tetapi janganlah

sampai perbezaannya dengan November 15 ataupun kita mengikut cara Bank Dunia dengan memberi harga yang terendah seperti yang berlaku dalam projek empangan di negeri Perlis.

Saudara dari Marang saya percaya dia akan sambung ucapan saya sebentar lagi, dia akan menyambung cara-cara bagaimana kita hendak pastikan etika profesionalisme Juruukur Bahan ini dapat diperteruskan dan dipertahankan, dipertinggikan—ada teguran lagi. Jadi, ini hendak tunjukkan bahawa apabila sampai ke peringkat demikian rupa saya harap mereka ini akan terkemuka seperti juga dengan Bar Council. Selepas itu sekarang ini mereka ada pula peraturan yang membolehkan mereka membeli harta, boleh membuat bangunan tinggi dan sebagainya. Dengan itu terpampanglah kemegahan pembangunan dengan sokongan dan juga bantuan yang hebat daripada para Juruukur Bahan.

Saya cuma di sini yang saya hendak sentuh tadi, saya cuma hendak buat teguran supaya mereka ini beri teguran yang sebenarnya, jangan biarkan projek ini diretender dan sebagainya dan mereka ini sentiasa harus dibenarkan untuk membuat cadangan supaya harga-harga itu disesuaikan mengikut harga pasaran. Benda ini bukan tidak pernah dibuat di negeri-negeri lain yang membangun dibuat mengikut harga pasaran, macam di Jepun harga melambung, inflasi yang melambung demikian rupa banyak projek-projek yang terpaksa diikuti dalam bentuk tersebut ataupun di Afrika yang inflasi sekejap naik terlampau tinggi, sekejap turun terlampau rendah dan sebagainya terpaksa diikuti macam ini. Kalau tidak, susah kita, kita asyik bertengkar tentang kerja-kerja terbengkalai dan sebagainya. Sampailah masanya negara yang membangun seperti Malaysia dengan begitu berani dan

gagahnya, dengan sokongan kuat daripada para juruteranya untuk melaksanakan apa-apa bentuk projek dan juga program didasarkan kepada kedudukan harga pasaran. Saya hendak tekankan, saya hendak ulang berkali-kali supaya orang faham, walaupun jemu dia faham. Sudah faham, boleh buat kerja, jangan fikir saya cakap ini hendak habiskan masa—tidak, saya mempunyai bahan yang cukup untuk meneruskan ucapan sampai pukul 8.00 malam, tetapi saya hendak pastikan yang tentang harga, mula dipanggil tender, harga masa signed agreement, harga masa kita menjalankan projek. Harga kita menjalankan projek itu pun berubah, besi—tiba-tiba kita buat, besi naik harga, kadang-kadang besi tidak terdapat dalam pasaran. Saya hendak tanya yang kadar, jadual harga yang dibuat oleh JKR diubahsuai berapa tahun sekali, berapa bulan sekali? Adakah dibuat tiap-tiap bulan seperti yang dibuat oleh Bank Negara ataupun macam mana? Terima kasih.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Untuk penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Arau. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sekarang tidak boleh.

Tuan Luhut Wan: Penjelasan, sebab dia. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apabila Yang Berhormat menjawab, bolehlah!

Tuan Luhut Wan: Tadi dia tanya saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap, bukan hendak minta penjelasan, boleh?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya belum habis.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Belum habis? Saya ingat sudah habis sebab cakap "sekian, terima kasih".

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak ucap terima kasih, dia minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sudah habis, bukan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, belum habis. Dia hendak beri penjelasan, dia pun bangun hendak beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta maaf, Yang Berhormat, dan kalau begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh, dia hendak beri penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa dia sudah habis! (*Ketawa*)

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Arau, sekarang cara-cara yang dibuat oleh pihak JKR untuk mempertimbangkan anggaran-anggaran yang disebut dalam tender-tender para kontraktor ini iaitu mana-mana sebutan yang di dalam lingkungan 15% sebutharga pihak JKR akan dipertimbangkan mengikut berbagai-bagai syarat oleh kerana pihak kontraktor ini tidak sama dia punya pengalaman, ada yang kurang sedikit pengalaman, ada yang lebih berpengalaman, jadi berdasarkan berbagai-bagai. Itu untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya percaya, saya tidak tahu tetapi mengikut pengalaman saya dulu 5%, tetapi sekarang telah naik 15% saya ucap tahniah—15%, makna kata dia naik 10%, dulu 5%. Tetapi saya hendak sebut satu, Yang Berhormat, walaupun 15% saya percaya perkataan 15% ini tidak boleh pakai. Kita harus buat dalam bentuk, sebab-kita tak tahu inflasi kita naik macam mana sebab sekarang ini perkembangan ekonomi kita yang begitu pesat, saya takut kadar inflasi bukan dalam bentuk yang demikian rupa ataupun semasa kita laksanakan projek, dia mungkin jadi harga yang lain. Tetapi 15% mengikut Yang Berhormat adalah mengikut dalam lingkungan untuk Lembaga Tender hendak memberi projek, tetapi setengah-setengah Lembaga Tender, dia beri mengikut harga sama dengan harga JKR, jadi tidak ada 15%, dia tidak beri tinggi 15% ataupun dia kata macam-macamlah cerita, kita sedia maklumlah kadang-kadang kita kena cekik dan sebagainya tetapi kita mahu satu dalam bentuk peraturan yang di dalam lingkungan 15% ini supaya sebenarnya ada.

Itu sebab saya tidak mahu sebut perkataan harga terendah—harga munasabah, supaya dalam cara tersebut kita dapat melihat supaya pemberian ini diberi dengan adil, kita tidak mahu setengah-setengah orang itu dia hendak beri, dia kata okaylah, kadang-kadang dia hendak ambil wang pendahuluan JKR, selepas itu dia tak hendak buat kerja dan sebagainya. Jadi, JKR bagus, dia beri 15%, Kementerian Kewangan pun sudah setuju, bagus 15%. Tetapi Lembaga Tender siapa hendak tegur mereka? Ini Quantity Surveyor yang patut memainkan peranan supaya QS ini kepala otaknya untuk melihat perkembangan harga barangan yang dia tentukan itu tiap-tiap hari, tiap-tiap waktu, makna kata dia selalu kena tengok apa yang berlaku dalam pasaran. Dan dalam pasaran pula,

Tuan Yang di-Pertua, di Perlis lain daripada di Hulu Selangor. Di Pahang lain daripada di Marang, Terengganu. Macam di Marang, Terengganu, orang tahu kalau buat rumah di tepi pantai, besi cepat berkarat. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa kaitan Marang dengan Juruukur Bahan, minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia baru balik dari Amerika dan terus datang ke Parlimen, saya ucapkan tahniah, tetapi saya hendak beritahu mungkin dia sudah terlupa di Malaysia ini. Yang saya maksudkan seperti ini, saya katakan harga barangan di Kuala Lumpur ini adalah lain daripada di Marang, saya baru balik dari Marang kelmarin kerana pergi berkempen.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, saya sudah faham.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di luar nanti saya akan fahamkan dia, tetapi saya hendak tunjukkan bahawa harga adalah berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat. Harga simen di Marang berlainan dengan harga simen di Perlis. Di Perlis lebih murah sebab kita boleh ambil di pintu kilang, tetapi di Marang susah sebab pengangkutan jauh dan sebagainya. Jadi, ini kena lihat, mungkin fikiran QS di Terengganu mesti berlainan dari QS di Johor. Kalau kedua-duanya sama, tidak betullah QS itu, dia jangan ikut cerita dalam kadar harga itu tetapi dia kena ikut harga pasaran di Terengganu. Mungkin harga besi lebih murah di Terengganu sebab PERWAJA ada di Terengganu, tetapi

di Johor mahal ataupun di Perlis murah juga sebab kita boleh import daripada Thailand, tetapi tentulah kualitinya tidak berapa bagus. Jadi, ini hendak menunjukkan bahawa QS itu, kalau dia kena tukar pergi ke Perlis sesuaikan fikirannya dengan pemasaran barang-barang di Perlis.

Kalau pergi ke Batu Berendam di Melaka sesuaikan pemikirannya dengan Melaka. Kalau pergi ke Sabah dengan cara Sabah dan ke Sarawak dengan cara Sarawak. Jangan pergi ke Sabah pun baca buku itu, di Sarawak pun baca buku itu, di Perlis pun baca buku itu, teruklah QS ini dan janganlah diregister QS seperti ini. Jadi, QS ini mestilah pandai menyesuaikan diri untuk menentukan supaya kita tidak payah panggil re-tender lagi. Kalau dia dengar cakap saya hari ini, kalau semua orang tulis apa yang saya cakapkan ini, tidak ada re-tender lagi, semua projek akan berjalan dengan lancar, tidak akan rugi. Sebab kita takut, kadang-kadang projek ini kalau dia beri kadar yang berikutnya 15% sahaja, siapa yang hendak re-tender lagi, Misal kata \$100,000, bagi 15% lagi iaitu \$15,000, jadi \$115,000—takkan saya hendak re-tender yang \$15,000, sudah gerenti masuk poket duitnya, tidak payah re-tender dan saya akan buat kerja tetapi kalau harga \$100,000

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah, bangun atas point of order?

Tuan Hu Sepang: Ya. Peraturan 36 (1) menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Arau cuma membuang masa sahaja. Sebab kita ada satu usul yang penting yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai Ombudsman, diharap Tuan Speaker boleh berhentikan beliau bercakap dan kita terus

membincangkan perkara Ombudsman Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, walaupun sedikit sebanyak Ahli Yang Berhormat dari Arau keluar dari tajuk, tetapi bila-bila kita menunjukkan perkara itu dia balik semula, sebab itu kita beri dia teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham fasal QS ini. Saya simpati dengan dia, tidak apalah dia baru masuk. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini sangat teknikal.

Tuan Hu Sepang: Itu sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua, dan memang langgar Peraturan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak sangka jahat, saya sangka baik, kalau dia dengar ucapan saya, saya hendak ajar

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Secara humorous.

Tuan Shahidan bin Kassim:apakah bentuk QS, siapa dia QS, siapa dia Lembaga Pendaftar QS, jadi, dengar ucapan saya, saya sentuh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apalah Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin beri ajaran. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini adalah contoh. Contoh ini penting sebab tanpa contoh kadang-kadang orang susah hendak faham, terutama orang Perlis seperti saya ini yang kadang-kadang bahasanya kurang bagus sedikit. Jadi, saya berilah contoh elok-elok. Sekarang semua orang faham bahawa QS ini mesti memastikan bahawa pemikirannya mesti mengikut kawasan

yang dia diletakkan dan dengan itu Lembaga Pendaftar Juruukur Bahan akan menjadi satu Lembaga yang begitu ternama, oleh kerana dengan pertolongan merekalah projek-projek tidak payah lagi dipanggil tender semula dan dengan pertolongan merekalah kontraktor-kontraktor boleh menuju kejayaan dan kita hendak memastikan bahawa kadar 15% yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi diikuti oleh Lembaga Tender dan ini mesti dihantar kepada mereka dan jangan membuat sewenang-wenangnya.

Jikalau boleh QS itu mesti duduk sama dalam Lembaga Tender sebagai ahli tetap, sebab dalam Lembaga Tender hanya dipanggil Pengarah-pengarah JKR, tetapi QS ini kadang-kadang tidak ikut bersama, sebab kadang-kadang Pengarah JKR pun bukan semuanya berkelulusan QS. Kita hendak memastikan supaya QS itu masuk dan dia tentukan bahawa harga yang telah ditentukan semasa iklan dibuat bersamaan dengan harga tender dan dia cadangkan supaya diberi mengikut dalam lingkungan 15%. Itu penting, dan kita mesti pastikan bahawa kata-kata QS itu merupakan salah satu daripada tandatangan yang penting untuk menentukan sesuatu tender. Saya cadangkan begitu tinggi yang harus ditentukan kerana kita tidak mahu buat keputusan secara sewenang-wenangnya dan dengan itu Kerajaan akan timbul masalah dan profesionalisme Juruukur Bahan juga akan dipersoalkan dan kita tidak mahu buat kerja itu sahaja, kita mahu buat kerja lain yang baru dari masa ke semasa.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Marang.

6.15ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa tujuan Akta ini diperkenalkan adalah untuk memperkemas bagi membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan peranannya dengan lebih berkesan dan juga lebih bertanggungjawab. Di samping memberikan satu suasana kepada Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan bahawa beberapa seksyen baru perlu diadakan yang meliputi perkara-perkara penting yang tidak disentuh dalam Akta lama iaitu Akta 1967 yang saya kira sudah lapuk. Jadi, Akta yang diperkenalkan sekarang ini memperlihatkan kepada kita bahawa perubahan-perubahan yang ada terutama perubahan dari segi Pembangunan Negara memerlukan satu perkara yang agak penting untuk dibahas dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Pada peringkat awalnya, saya tertarik hati kerana kandungan terpenting dalam Akta ini adalah untuk mengawal tata kelakuan dan kesusilaan dan lain-lain tata laku profesion Juruukur Bahan. Perkara ini adalah satu perkara yang sangat penting. Bila saya menyentuh tentang tata laku dan juga tata kelakuan profesion Juruukur Bahan, saya tertarik kepada Seksyen 3, yang kandungan terpentingnya adalah untuk menambah

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Marang apa bezanya tata laku dengan tata kelakuan ini. Saya kurang faham sedikit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tata laku itu perangailah, tata kelakuan itu perangai dalam kelakuan. *(Ketawa)* Puas hati ya? Menyentuh tentang tata laku ini, saya kira adalah untuk mengawal perangai ataupun kelakuan ahli-ahli Juruukur Bahan. Saya tarik kepada Seksyen 3 yang antara lain untuk menambahkan bilangan daripada 11 orang kepada 17 orang dan adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan-pandangan yang lebih serata ataupun lebih ramai. Tetapi, saya kira kalau bilangan sahaja ramai, tetapi kualitinya tidak ada, tidak ada makna. Baiklah kita mempunyai sedikit orang, tetapi mempunyai kualiti yang hebat, macam orang UMNO, bukan macam orang DAP. Jadi, dalam soal kualiti ini kita memerlukan kualiti yang boleh dipercayai, misal kata mempunyai kualiti amanah, bertanggungjawab, jangan rasuah, jangan menipu, kerana bagi saya orang yang menjadi Juruukur Bahan ini merupakan nadi yang penting. Mereka merupakan perencah, mereka yang membuat resepi. Dalam soal membangunkan sebuah bangunan, dialah yang melihat kayu, dialah yang melihat simen, dialah yang melihat besi, dialah yang lihat kekuatan. Kalau simen tidak dibetul ataupun tidak kena banchunya ataupun sedikit ada penipuan dan sebagainya sudah barang tentu bangunan ini runtuh.

Banyak sekali bangunan-bangunan dalam dunia ini, mungkin tidak lagi di Malaysia, telah runtuh akibat daripada banchuan resepi yang dibanchu oleh tukang masak juruukur bahan itu tidak kena pada tempatnya. Jadi kalau tidak bercakap dari segi bilangan sahaja, saya kira sudah tentu kita mengingatkan, memberi satu amaran yang jelas kepada para juruukur bahan ini supaya dimasukkan nilai-nilai seperti ini, nilai-nilai amanah, tanggungjawab. Itulah yang dikatakan sebagai manusia yang mempunyai tanggungjawab tata laku yang boleh

kita percayai dan yang boleh kita jadikan model-model untuk kekuatan, bukan sahaja dari segi fizikal bangunan itu sendiri tetapi hakikat kerohanian itu perlu disentuh dan di dalam juga.

Saya juga tertarik kepada Fasal yang lain, iaitu Fasal 11 yang merujuk kepada soal tempat tinggal bermastautin dan juga menjalankan amalan di Malaysia. Dalam soal Fasal 11 ini jelas kepada kita menyentuh iaitu antara lain bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8 di mana hanya juruukur bahan yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia berhak menyediakan dan mengemukakan laporan kajian kemungkinan anggaran permulaan dan lain-lain kepada mana-mana orang, pertubuhan atau pihak berkuasa dalam Malaysia.

Saya kira ini adalah satu cadangan yang sungguh baik kerana untuk kita melihat sesuatu kekuatan yang hakiki perlulah kita mengambil anak-anak tempatan melihat citarasa kita sendiri, bukan kita melihat climax daripada luar, bukan kita import orang-orang yang tidak mempunyai amalan, latihan, perundangan di negara ini sendiri, tidak ada guna kita import daripada Amerika, daripada Britain, daripada Australia, tetapi dia tidak memahami suasana serta iklim negara ini sendiri.

Kita boleh import berapa banyak juruukur bahan daripada luar negeri, esok, lusa, bulan depan atau bila-bila masa sahaja. Tetapi kalau sekiranya mereka ini tidak mempunyai citarasa memahami climax dari segi fizikal pembangunan negara ini, dia tidak menjadi. Dan saya juga tertarik kepada pindaan yang dibuat dalam soal ini kerana pindaan baru ini juga memasukkan dari segi akitek, profesional-profesional yang lain untuk bergabung tenaga, berkongsi fikiran, berkongsi pendapat, berkongsi

dari segi cara-cara untuk membuat sesuatu binaan yang baru, yang mana dahulu tidak dimasukkan soal-soal ini semua. Apabila ini sudah dimasukkan dan apabila diambilkira dalam Fasal 11 memasukkan profesion-profesion, ahli-ahli profesional tempatan, sudah barang tentu soal bukan sahaja menggambarkan suatu suasana pembangunan yang berteraskan kepada ciri-ciri serta nilai-nilai tempatan, tetapi rasa tanggungjawab itu, saya rasa lebih kemas, lebih tegas dan bukan bertolak itu sahaja yang kita mahu, tetapi juga dalam erti kata yang lain, secara automatik akan cuba melatih anak-anak tempatan yang terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri untuk diberikan pengajaran ilmu yang berguna untuk pembangunan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik kepada satu cacatan iaitu yang dicadangkan dalam seksyen 4A ditambah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan bagi memperolehi harta alih dan harta tak alih. Kuasa juga diberi untuk meminjam atau mendapatkan wang dari membiayai pembelian harta. Ini satu cadangan yang saya kira baru oleh pihak Jabatan Kerjaraya yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Luhat Wan yang kita kasihi ini. Dan saya tertarik ini disebabkan adanya peranan yang diberikan kepada pihak Lembaga untuk mendapatkan pinjaman wang bagi membiayai pembelian harta.

Bertolak daripada cadangan ini, saya juga ingin membela pihak Lembaga ini dan juga pihak ahli-ahli juruukur bahan ini kerana suasana sekarang kadang-kadang kita lihat ada bangunan tidak siap, ada binaan-binaan yang tidak selesai, ini disebabkan kadang-kadang harga itu naik dengan tiba-tiba; Yen naik dengan tiba-tiba, US dollar naik dengan tiba-tiba, pound Britain naik dengan tiba-tiba yang pada

peringkat awalnya tidak ada anggaran serta perkiraan juruukur bahan, tetapi dia naik dari segi hendak disesuaikan dengan iklim dan juga perkembangan ekonomi negara. Tetapi kita juga kena ingat bahawa pihak-pihak bank ini kena ertilah sedikit. Kita memberi ingatan kepada seluruh bank yang ada di negara ini supaya tidak menaikkan sewenang-wenangnya kadar bunga (interest).

Adakah patut kadar bunga dinaikkan daripada 10 naik 12 naik 15, entah bcrapa lagi naik, kita tidak tahu, yang seharusnya tidak dibuat begini dan ini tidak memberikan pertimbangan yang wajar kepada pihak-pihak yang membuat bangunan-bangunan ini dan yang menjadi mangsanya iaitu pihak-pihak kontraktor itu sendiri. Dari segi pihak juruukur bahan sudah tidak mempunyai tanggungjawab lagi, tetapi tanggungjawab yang penting iaitu kontraktor itu sendiri. Sebab itulah kita tidak hairan, kita tidak ajaib, kalau sekiranya kita lihat ramai kontraktor-kontraktor hari ini mati, bankrap disebabkan perancangan yang dibuat oleh bank tidak selaras dengan apa yang ada keupayaan pada dirinya sendiri.

Dalam soal ini, saya kira satu ingatan perlu diambilkira oleh pihak-pihak bank supaya apabila pihak Lembaga mempunyai kuasa, diberikan peranan dalam Akta ini untuk meminjam ataupun memperolehi harta daripada bank, janganlah pihak bank sewenang-wenangnya berbuat ataupun menaikkan apa yang dia suka. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, Timbalan Menteri Kerjaraya, siapa sahaja dalam Kementerian Kerjaraya, termasuk Timbalan Menteri Kewangan yang baru-"Tahniah Menteri", supaya mengingatkan pihak-pihak bank supaya soal ini tidak dipermudahkan. Kalau ini diteruskan, saya kira mati pula pihak Lembaga. Dahulu pihak kontraktor, sekarang ini pihak

Lembaga pula yang akan menjadi mangsa.

Satu perkara lain yang saya tertarik mengenai perkara 7A, iaitu memperuntukkan bagi mewajibkan setiap firma atau pertubuhan perbadanan mendapatkan suatu permit daripada Lembaga Ukur Bahan sebelum menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding. Ini dia hendak beri permit. Dahulu tidak ada beri permit. Cerita dahulu memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan untuk membuat peraturan ke atas pertubuhan perbadanan sahaja. Dia berbeza, Tuan Yang di-Pertua. Permit lain, peraturan lain. Permit ini semacam undang-undang, semacam suatu kuasa bagi membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas firma-firma atau pertubuhan-pertubuhan atau perbadanan-perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan Perunding. Jadi, kalaulah sekiranya kita sudah ada permit, maka sudah ada kekuatan, iaitu tidak ada mana-mana pihak yang sewenang-wenangnya mempermainkan ini. Dahulu banyak orang kena tipu, banyak orang kena diperbodoh-bodohkan, sebab tidak ada permit. Sekarang sudah ada permit, tetapi Lembaga jangan actlah, kerana permit yang diberikan ini adalah merupakan undang-undang untuk kebaikan bersama, bukan dalam bentuk peraturan yang boleh diperkotak-katikkan oleh mana-mana pihak.

Saya juga tertarik dalam segi yang lain, iaitu membenarkan akitek berdaftar, jurutera berdaftar, penilai berdaftar dan juruukur tanah berdaftar menjadi Ahli Lembaga Pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding. Dahulu saya kira ini tidak ada, sekarang ini telah digabungkan tenaga, fikirannya, kebolehan, perwatakannya. Ini saya kira lebih adil dan

lebih elok dan penglihatan skop perbincangannya, skop dari segi pelaksanaannya menjadi lebih luas, menjadi lebih merata dan tidak bersifat keakuan ataupun melihat ke dalam satu aspek yang kecil, tidak global. Jadi apabila diambilkira daripada banyak aspek, terutama dari segi akitek itu sendiri serta jurutera, maka saya kira kena pada tempatnya. Kalaulah jurutera itu diletakkan sebagai suatu yang berasing ataupun juruukur bahan itu sebagai suatu yang berasing ataupun jurutera berdaftar itu terasing ataupun penilai berdaftar terasing dari segi duduk semeja, dari segi duduk untuk berbincang, maka tidak hairanlah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

MEMINDA AKTA SYARIKAT

6.30ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang keadaan kesusahan para pekerja syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah penanggungan. Tindakan meletakkan syarikat-syarikat di bawah penanggungan sejak akhir-akhir ini sudah menjadi perkara biasa. Apabila pekerja-pekerja syarikat tersebut diberhentikan kerja, mereka tidak boleh menikmati apa-apa perlindungan undang-undang kerana si penanggung akan menggunakan apa juga wang yang ada untuk membayar balik kepada kreditor-kreditor yang biasanya ialah institusi-institusi kewangan. Ini amat tidak sesuai bagi pekerja-pekerja berkenaan kerana mereka tidak patut dipersalahkan kerana bencana kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat mereka kerana penyelewengan oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dalam sesebuah syarikat maka mereka terpaksa menanggung akibatnya,

Sejak tahun 1987 lagi parti DAP telah menarik perhatian ramai tentang masalah dan telah menyeru Kerajaan supaya meminda Akta Syarikat bagi melindungi kepentingan pekerja-pekerja sekiranya syarikat-syarikat diletakkan di bawah penanggungan. Pertambahan insiden syarikat-syarikat diletakkan di bawah penanggungan menjadikan perlu bagi Kerajaan meminda Akta Syarikat 1965 bagi memastikan pekerja-pekerja yang terlibat tidak mengalami kerugian.

Pindaan segera kepada seksyen 292 Akta diperlukan untuk memastikan bahawa penyelesaian gaji, elaun, pampasan dan faedah-faedah lain diberikan keutamaan yang tinggi sekali. Di bawah Akta yang ada

sekarang kos dan belanja pembubaran termasuk kos cukai bayaran untuk penanggungan dan kos untuk pengauditan yang dijalankan untuk maksud tersebut diberikan keutamaan yang tinggi. Bayaran gaji untuk para pekerja yang terlibat tidak diberikan keutamaan. Ini tidak adil kerana banyak syarikat yang didapati menghadapi kesusahan kewangan bukan kerana kesalahan pekerja-pekerja yang berkenaan akan menggunakan ini sebagai satu helah dan tidak membuat bayaran-bayaran yang adil kepada para pekerja.

Kerajaan juga hendaklah meminda fasal dalam Akta yang menyebut bahawa penyelesaian bayaran gaji dan faedah lain untuk pekerja-pekerja hanya diberikan keutamaan yang kedua dan penyelesaian itu hendaklah tidak melebihi \$1,500 setiap pekerja. Kami percaya ini tidaklah adil kepada pekerja-pekerja yang telah bekerja dan menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan syarikat-syarikat. Kami percaya penyelesaian kos pembubaran dan kos-kos lain yang ditanggung patutlah diberikan keutamaan yang kedua.

Dengan keadaan yang wujud dalam Akta Syarikat sekarang, peruntukan penyelesaian bayaran gaji dan faedah-faedah lain untuk pekerja-pekerja yang terlibat di bawah Akta Pekerjaan atau mana-mana perjanjian bersama yang lain menjadi tidak bermakna. Dalam kebanyakan, jika ini tidak semua kes, firma-firma yang menguruskan pembubaran penanggungan menggunakan Akta Syarikat untuk faedah mereka dan dalam proses ini para pekerja akan menderita. Bayaran \$1,500 setiap orang pekerja berkaitan penyelesaian kepada pekerja yang terlibat dalam tindakan pembubaran juga umumnya tidak adil dan patut pula dikaji semula. Memandangkan di atas pembetulan diperlukan terhadap fasal-fasal tertentu dalam Akta Syarikat bagi

mempastikan bahawa pekerja-pekerja terlibat dilindungi oleh Kerajaan dan diberikan pampasan secukupnya untuk meringankan beban dan kesulitan mereka sehingga mereka mendapat pekerjaan baru. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.35ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menegaskan Kerajaan kita selalu menjaga kepentingan pekerja-pekerja. Mengikut Akta Syarikat 1965 tuntutan pekerja-pekerja yang merupakan tuntutan gaji, upah, bayaran ganti cuti dan sebagainya memang sudah pun diberi keutamaan yang terdahulu daripada tuntutan pemiutang-pemiutang lain yang tidak bercagar. Itu mengikut Seksyen 191 (1) dan 292 (1).

Dalam hal sebenarnya jika wang yang ada bagi menjelaskan hutang-hutang am sebuah syarikat di dalam proses pembubaran atau penerimaan tidak mencukupi untuk membayar tuntutan pekerja-pekerja, maka wang daripada penjualan harta-harta syarikat yang tercagar dibawah gadaian terapung atau floating charge hendaklah digunakan untuk membayar tuntutan pekerja-pekerja sebelum bakinya boleh dibayar kepada pemegang gadaian terapung~mengikut Seksyen 292(4).

Ini menunjukkan bahawa tuntutan pekerja-pekerja telahpun diberi keutamaan yang istimewa oleh Akta Syarikat 1965. Peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 yang ada sekarang adalah memadai untuk melindungi kepentingan para pekerja sekiranya sebuah syarikat dibubarkan atau diletakkan di bawah penerimaan. Suatu mekanisma yang seimbang bagi mengendalikan pembayaran hutang-hutang sebuah syarikat yang

sedemikian sudahpun wujud bagi menjaga kepentingan para pekerja dan juga para pemiutang. Mekanisma seimbangan ini telah menjamin aliran modal atau pinjaman daripada institusi-institusi kewangan kepada sektor korporat selama ini. Sebarang percubaan untuk mengganggu mekanisma ini misalnya dengan mengubah keutamaan pembayaran hutang semestinya akan mengakibatkan perasaan ketidakpastian, terutamanya dari segi pemberian cagaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan.

Oleh kerana sebarang pindaan yang dibuat ke atas Akta Syarikat, seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, semestinya mempunyai kesan dan implikasi yang penting ke atas segala bidang pemberian pinjaman dan cagaran harga maka kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum sebarang cadangan boleh dibuat untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Walau bagaimanapun, jikalau Ahli Yang Berhormat masih ingat Dewan yang mulia ini pada tahun 1986 telahpun meluluskan pindaan-pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang di antaranya ialah pindaan kepada Seksyen 292(1)(b). Pindaan itu adalah dibuat kerana aduan bahawa jumlah maksima yang boleh dibayar terhadap gaji ataupun upah seorang pekerja sebuah syarikat dalam proses penggulungan atau penerimaan adalah ditetapkan pada \$1,500 sahaja dan ini sangat merugikan pihak pekerja-pekerja syarikat. Dengan pindaan yang tersebut suatu jumlah yang lain dan berpatutan boleh ditetapkan dari masa ke semasa. Sebab mengapa had telah ditetapkan ke atas pembayaran gaji atau upah kepada pekerja-pekerja apabila sebuah syarikat digolongkan atau diletak di bawah penerimaan ialah kerana jika tiada had ditetapkan peruntukan Seksyen 292(1)(b) boleh

dipersalahkan oleh pengarah-pengarah syarikat yang tidak bertanggungjawab, umpamanya pengarah-pengarah boleh membayar gaji yang melampau tinggi kepada mereka sendiri ataupun kepada orang-orang lain yang berkaitan dengan mereka, misalnya kepada isteri atau anak mereka sebelum syarikat mereka digotongkan atau diletakkan di bawah penerimaan. Tindakan seperti ini pasti akan merugikan pekerja-pekerja yang lain dan juga pemiutang-pemiutang syarikat. Kerajaan sedar bahawa had sebanyak \$1,500 yang kini ditetapkan mungkin tidak mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan sedang diadakan di antara pihak-pihak yang tertentu untuk mengubahsuai had itu dan suatu keputusan yang berpatutan dan saksama akan dibuat kelak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

TINDAKAN TERHADAP "THE OBSERVER"

6.40 ptg,

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya mahu bangkitkan satu perkara serius dan tajuk Ucapan Penangguhan saya ialah "Kerajaan patut ambil tindakan terhadap *The Observer* kerana membuat fitnah".

Tuan Speaker, apabila menjawab soalan lisan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menjelaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak ada cadangan untuk buat atau ambil apa-apa tindakan melalui mahkamah atas apa yang ada di dalam artikel Adam Raphael. Dalam artikel itu, Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan ada satu fitnah serius terhadap bukan Kerajaan Malaysia juga tetapi atas keluarga Raja-raja.

Oleh kerana itu, Tuan Speaker, apa yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi tidak boleh diterima oleh parti DAP oleh kerana UMNO ada dituduh ada dapat "kickback" dan keluarga Raja-raja pun dituduh seperti itu.

Tuan Speaker, sebagai seorang lawyer, dan Tuan Speaker pun seorang lawyer juga, dalam perkara ini apabila satu kenyataan umum ada dibuat, dan ini bukan kenyataan kecil juga, Tuan Speaker, tetapi kenyataan yang ada dalam *The Observer* di London, ini bermakna semua dunia ada tahu mengenai fitnah yang ada dibuat oleh Adam Raphael atas Kerajaan. Saya cakap Kerajaan oleh kerana, Tuan Speaker, apabila disebut UMNO di dalam Dewan yang mulia ini dan juga luar dari Dewan ini ada cakap UMNO jadi tulang belakang Barisan Nasional dan Barisan Nasional jadi Kerajaan di dalam negara ini.

Tuan Speaker, jikalau Perdana Menteri dan juga UMNO tidak berani ambil apa-apa tindakan atas apa yang ada dikatakan oleh Adam Raphael dalam *The Observer* itu bermakna apa yang ada dicakap adalah benar. Jikalau benar, Tuan Speaker, itu jadi satu tanda buruk bagi negara ini dan juga bagi keluarga Raja-raja dalam negara itu. Oleh itu, Tuan Speaker, saya mahu dapat tahu sekarang dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana apa Kerajaan dan UMNO khususnya tidak berani untuk ambil tindakan. Adakah apa yang dikatakan oleh Adam Raphael dalam *The Observer* betul, benar? Jikalau tidak benar, Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu sekarang dalam Dewan yang mulia ini sebab-sebab halus oleh kerana apa Kerajaan dan UMNO khususnya tidak berani untuk ambil tindakan mahkamah dalam perkara ini?

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada dalam Dewan yang mulia ini tadi berucap, Kerajaan Britain tidak ambil apa-apa

tindakan dalam perkara ini dan oleh itu Malaysia pun tidak mahu ambil apa-apa tindakan dalam perkara ini. Tetapi apa yang mustahak, Tuan Speaker, tohmahan-tohmahan yang ada dibuat oleh Adam Raphael ini adalah terhadap UMNO dan keluarga Rajaraja, bukan atas Kerajaan Britain. Oleh kerana itu, bolehkah saya dapat tahu sekarang sebab-sebab oleh kerana Kerajaan Malaysia dan UMNO khasnya tidak berani ambil apa-apa tindakan melalui mahkamah dalam perkara yang amat serius seperti ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Pertahanan (**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha**): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jelaskan dalam jawapan saya semasa soal jawab mulut tadi, laporan akhbar di *The Observer* itu adalah tidak berasas sama sekali dan sengaja diadadakan oleh individu yang kecewa dalam mendapatkan kepentingan persaingan perdagangannya di United Kingdom itu.

The Observer adalah kepunyaan Tiny Rowland, iaitu seorang peniaga dan pengusaha yang agresif yang gagal membeli rangkaian kedai mewah "The House of Fraser" kerana tidak dapat kebenaran Kerajaan British. Sejak itu bermacam-macam tuduhan dan tindakan dibuat terhadap Kerajaan British. Sebab itu tuduhan dibuat bahawa Kerajaan British menyogok Kerajaan Arab Saudi dan Kerajaan Malaysia semasa menjual senjata kepada negara-negara ini.

Tiny Rowland terkenal di United Kingdom dan Europah sebagai seorang yang sanggup membuat apa saja untuk

kepentingan dirinya. Kita tidak seharusnya react dan menari mengikut lagunya. Kita tidak harus dijadikan alat dalam usahanya untuk memburukkan imej Kerajaan British dalam satu kempen untuk menguasai "The House of Fraser" daripada Al-Fayed Brothers.

Kerajaan tidak bercadang mengambil apa-apa tindakan kerana segala tindakan akan diperalatkan oleh pihak yang kecewa ini. Kerajaan ingin menasihati pihak Pembangkang supaya tidak membenarkan diri mereka menjadi alat Tiny Rowland supaya tidak ada tuduhan bahawa parti Pembangkang menerima sogokan dari peniaga ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang.